

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.07/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**TARIKH : 29 OGOS 2014
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL.07/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : **29 OGOS 2014**
MASA : **9.30 PAGI**
TEMPAT : **BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MPAJ**

AGENDA

1. Bacaan Doa.
2. Ucapan Pengerusi.
3. Mengesahan Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.06/2014 bertarikh 23 Julai 2014.
4. Pembentangan Kertas Makluman :
 - 4.1. Kertas Makluman Rumusan Mesyuarat Khas Kewangan Bajet 2015/2016 Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.1/2014.
 - 4.2. Makluman Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.1/2014.
5. Pembentangan laporan-laporan seperti berikut :-
 - 5.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.06/2014 .
 - 5.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.06/2014.
 - 5.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.07/2014.
 - 5.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.06/2014.
 - 5.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.7/2014.

- 5.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.13/2014.
- 5.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.14/2014.
6. Ucapan Penangguhan oleh Tuan Ramli Bin Md. Said.
7. Penutup.

SULIT

**MESYUARAT PENUH MAJLIS
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL.07/2014**

KANDUNGAN

1. Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil.06/2014.
2. Pembentangan Kertas Makluman :
 - 4.1. Kertas Makluman Rumusan Mesyuarat Khas Kewangan Bajet 2015/2016 Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.1/2014.
 - 4.2. Makluman Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.1/2014.
3. Lampiran-lampiran :-
 - 5.1. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.06/2014.
 - 5.2. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil.06/2014.
 - 5.3. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.07/2014.
 - 5.4. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil.06/2014.
 - 5.5. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.7/2014.
 - 5.6. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.13/2014.
 - 5.7. Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.14/2014.

**MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BIL. 6/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 23 JULAI 2014

MASA : 5.00 PETANG - 6.50 PETANG

TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Hj. Abd. Hamid bin Hussain
Pemangku Yang DiPertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Meor Rithuan bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Haji Abdul Jalil bin Hasan | - | " |
| 4. | Pn. Wan Hasrina binti Wan Hassan | - | " |
| 5. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 6. | Tn. Mohamad bin Samat | - | " |
| 7. | Tn. Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis | - | " |
| 8. | Tn. Ahmad Sabri bin Abu Bakar | - | " |
| 9. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 10. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 11. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |
| 12. | Pn. Sharifah Haslizah binti Syed Ariffin | - | " |
| 13. | Tn. Azlan bin Maddin | - | " |
| 14. | Tn. Ramli bin Md Said | - | " |
| 15. | Tn. Imran bin Selamat | - | " |
| 16. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | " |

17. En. Johari bin Atli - Setiausaha
Pemangku Setiausaha

TIDAR HADIR (DENGAN MAAF)

1. Pn. Yogayswari a/p Ramalu
Ahli Majlis MPAJ

TURUT HADIR (DALAMAN)

1. Drs. Sarodin bin Hj. Shahri
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan
2. En. Hasrolnizam bin Shaari
Jabatan Kejuruteraan
3. Pn. Maizatul Hanisa binti M. Isa
Jabatan Perbendaharaan
4. Pn. Rosliza binti Mohamad
Jabatan Perancangan Korporat
5. En. Khairilazhar bin Ismail
Jabatan Belia & Masyarakat
6. En. Mohamad Yusuf bin Sulaiman
Jabatan Khidmat Pengurusan
7. Pn. Zuraina binti Said
Jabatan Perancang Bandar
8. En. Khairulazmi bin Ab. Rahman
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
9. Pn. Marlina binti Mohamad
Jabatan Pelesenan
10. En. Muhamad Noor Isman bin Ismail
Bahagian COB
11. En. Ahmad Alhairi bin Muhamed Yusuf
Jabatan Bangunan dan Senibina

12. En. Rosli bin Jaafar
Jabatan Penguatkuasa
13. Puan Mastura binti Ishak
Bahagian Ukur Bahan
14. Pn. Hajah Norhayati binti Ahmad (PRO)
Jabatan Perancangan Korporat
15. Cik Siti Sarah binti Mohd Yahya
Jabatan Undang-Undang
16. Pn. Norlela binti Kamsi
Bahagian Urusetia - Urusetia
17. Pn. Noryani binti Roslan
Bahagian Urusetia - Urusetia

1. BACAAN DOA

Bacaan doa oleh Tuan Haji Abdul Jalil bin Hasan

2. MAJLIS PENGAKUAN MENERIMA JAWATAN (ANGKAT SUMPAH) TUAN IMRAN BIN SELAMAT SEBAGAI AHLI MAJLIS SESI 2014/2015

Tuan Imran bin Selamat, Ahli Majlis bagi sesi 2014/2015 membuat pengakuan menerima jawatan (Angkat Sumpah) sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya sepertimana peruntukan Seksyen 11 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dari 14 Julai 2014 hingga 31 Disember 2015 dan menandatangani Borang A dalam Jadual Pertama Akta 171.

Tuan Imran bin Selamat turut menandatangani perakuan untuk Pegawai Awam berkenaan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Aku Janji Integriti dan Aku Janji Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Penggal 2014/2015.

3. UCAPAN Pengerusi

Tuan Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Pemangku Yang Di Pertua selaku Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, pengarah-pengarah Jabatan dan pihak media yang hadir ke Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2014.

Tuan Pengerusi seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:-

- 3.1. Tuan Pengerusi mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan kehadiran seorang lagi Ahli Majlis Baru iaitu Tuan Imran bin Selamat yang mewakili parti PAS. Beliau berharap semoga kerjasama daripada semua pihak terutama Ahli-Ahli Majlis yang dilantik akan dapat lebih memantapkan pengurusan dan pentadbiran MPAJ dan bekerja sebagai satu pasukan.
- 3.2. Tuan Pengerusi bagi pihak warga kerja MPAJ mengambil kesempatan merakamkan ucapan takziah dan simpati kepada semua ahli keluarga penumpang dan kru pesawat MAS MH 17 di mana pesawat tersebut yang sama-sama di ketahui ditembak oleh pengganas dan telah terhempas di Ukraine pada 17 Julai 2014. Sama-sama disedekahkan Al-Fatihah buat semua penumpang pesawat MH 17 yang beragama Islam.
- 3.3. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa ketua peramugara MAS iaitu Haji Ghaffar yang turut terkorban adalah warga MPAJ yang tinggal di Bukit Indah. Tuan Pengerusi telah membenarkan jenazah dikebumikan di Tanah Perkuburan Taman Kosas Ampang atas permintaan keluarga allahyarham.

3.4. Seterusnya, Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa bil cukai taksiran untuk penggal kedua (Julai sehingga Disember 2014) telah diedar dan diterima oleh orang awam. Beliau menyeru orang awam agar membayar cukai seawal mungkin bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan selepas 31 Ogos 2014. Bagi memudahkan proses pembayaran, kaunter bayaran cukai taksiran (cukai pintu) akan di buka di pasaraya kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya bermula 15 Ogos 2014 sehingga 31 Ogos 2014 dari pukul 6.00 petang hingga 9.00 malam pada hari bekerja dan 12.00 tengahari hingga 9.00 malam pada hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am. Pasaraya yang dipilih adalah Tesco Stores (M) Sdn. Bhd, Pusat Membeli Belah Ampang Point dan Pasaraya Aeon Big Ampang. Selain daripada itu, kaunter-kaunter bergerak juga akan dilaksanakan pada Bulan Ogos 2014 pada hari Sabtu dan Ahad dari jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari di lokasi berikut :-

- Taman Bukit Antarabangsa - 9.8.2014,
- Taman Bukit Segar - 10.8.2014,
- Kondominium Glenview Pinggiran Cheras - 16.8.2014,
- Pasar Pagi Pekan Ampang - 17.8.2014,
- Taman Ukay Perdana - 23.8.2014,
- Pasar Pagi Pandan Perdana - 24.8.2014,
- Taman Ampang Jaya - 30.8.2014,
- Taman Bukit Antarabangsa 31.8.2014

Dimaklumkan juga bahawa Kaunter Khidmat Setempat, Aras 4, Menara MPAJ akan ditutup pada 28 Julai 2014 dan 29 Julai 2014 bersempena Hari Raya Aidilfitri. Sehubungan dengan itu, kaunter akan beroperasi kembali pada 30 Julai 2014 iaitu

pada hari Rabu. Walau bagaimanapun orang awam boleh menggunakan perkhidmatan kiosk bayaran cukai taksiran yang disediakan di Aras 4, Menara MPAJ dan juga perkhidmatan e-banking yang beroperasi 24 jam sehari tanpa henti.

Semoga dengan kemudahan yang disediakan, orang awam akan dapat melaksanakan tanggungjawab untuk kebaikan bersama bagi mengelakkan harta daripada dikenakan denda atau tindakan sita.

- 3.5. Tuan Pengerusi turut memaklumkan bahawa pihak majlis akan mengambil tindakan mahkamah ke atas pemilik akaun yang mempunyai tunggakan cukai taksiran. Pada ketika ini majlis telah menfailkan 12 kes terhadap pemaju-pemaju yang mempunyai tunggakan cukai taksiran. Jumlah terkumpul adalah sebanyak **RM4.6 juta**.

Senarai syarikat yang telah didaftarkan di mahkamah tinggi berkenaan tindakan tuntutan tunggakan sehingga 30 Jun 2014 adalah:

BIL.	NAMA SYARIKAT	JUMLAH TUNGGAKAN (RM)
1.	SHEN COURT SDN BHD	3,489,356.33
2.	MHSB PROPERTIES SDN BHD	530,211.00
3.	SYARIKAT MULIA JAYA	214,445.00
4.	ANNIKA TIMBER INDUSTRIES SDN BHD	106,333.25
5.	ASAL U.K HOLDINGS SDN BHD	96,913.33
6.	TAMAN HALAMAN SDN BHD	29,863.48
7.	ATY EQUITY SDN BHD	25,956.80
8.	USAHANIAGA MS ENTERPRISE	21,926.07

9.	INNOVATIVE PRESTIGE SDN BHD	15,614.88
10.	SUNSKY HOLDINGS SDN BHD	43,745.19
11.	CELERITY CONSTRUCTION SDN BHD	12,380.00
12.	LEBBEY SDN BHD	14,950.90
JUMLAH BESAR (RM)		4,601,696.23

- 3.6. Seterusnya, Tuan Pengerusi memaklumkan, pada 16 hingga 17 Julai 2014 yang lalu, MPAJ telah menjalani auditan pensijilan peringkat kedua dengan pihak SIRIM ke atas Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MPAJ. MPAJ dimaklumkan oleh pihak juruaudit SIRIM yang berkaitan bahawa MPAJ telah berjaya layak untuk memperolehi pensijilan MS ISO/IEC 27001:2007 tanpa sebarang penemuan ketidakakuran (Non Conformance Report). MPAJ bakal menjadi peneraju di dalam pensijilan MS ISO/IEC 27001:2007 di peringkat Negeri Selangor. Tuan Pengerusi merakamkan ucapan tahniah kepada seluruh pengurusan MPAJ yang telah berusaha sebaik mungkin bagi pencapaian pensijilan ISO tersebut.
- 3.7. Tuan Pengerusi mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Negeri Selangor yang telah bermurah hati meluluskan bonus sebulan gaji kepada kakitangan awam termasuk kepada Ahli-Ahli Majlis. Untuk makluman semua, bayaran telahpun dibuat kepada semua yang berkecualan. Semoga dengan adanya bonus ini akan dapat menceriakan lagi suasana hari raya dan seterusnya akan dapat meningkatkan prestasi dan sumbangan kerja kepada organisasi kita khususnya MPAJ.

- 3.8. Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Ampang Jaya akan mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri 1435H pada 14 Ogos 2014 di Dataran Menara MPAJ. Program akan dilaksanakan bermula jam 12.30 tengahari sehingga 2.30 petang. Beliau mengambil kesempatan menjemput semua yang hadir ke majlis ini bagi memeriahkan lagi sambutan hari raya Aidilfitri MPAJ pada tahun ini.
- 3.9. Tuan Pengerusi seterusnya mengingatkan semua warga Ampang Jaya yang akan meninggalkan rumah untuk pulang berhari raya di kampung halaman masing-masing supaya memastikan kawasan rumah bersih tanpa air bertakung bagi mengelakkan pembiakan nyamuk aedes. Kes wabak demam denggi masih tinggi di kawasan MPAJ dan kawasan wabak tidak terkawal adalah Pandan Perdana, Taman Kencana, Taman Pandan Ria, Kg. Tasik Tambahan, Kuala Ampang, Taman Maju Jaya, Taman Ukay Perdana, Kg Baru Ampang, Ampang Jaya, Taman Kosas, Pandan Indah, Pandan Mewah, Taman Mulia Jaya, Taman Ukay Bistari, Taman Putra, Taman Dato' Ahmad Razali dan Taman Lembah Maju.
- Sehubungan dengan itu, satu tinjauan kerja ke lokaliti wabak oleh YB. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan diadakan pada 24 Julai 2014 di Apartment Residensi Bistari Ukay Bistari, Hulu Kelang.
- 3.10. Sebelum beliau mengakhiri ucapan, beliau memaklumkan bahawa pada petang ini MPAJ akan mengadakan jamuan berbuka puasa di Galeri MPAJ dan menjemput semua yang hadir ke jamuan ini selepas Mesyuarat Penuh ini.

Akhir sekali, beliau bagi pihak warga MPAJ mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua umat Islam yang akan merayakannya InsyaAllah pada hari Isnin nanti. Beliau juga mengambil kesempatan ini untuk memohon maaf jika terdapat sebarang salah dan silap sepanjang beliau memangku jawatan Yang Dipertua MPAJ.

4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 5/2014

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 5/2014 bertarikh 30 Jun 2014 disahkan tanpa pindaan. Minit mesyuarat dicadangkan disahkan oleh Puan Wan Hasrina binti Wan Hassan dan disokong oleh Tuan Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis dan Tuan Dr Lai Fatt Sian.

5. PERKARA BERBANGKIT

Tiada

6. PEMBENTANGAN KERTAS

6.1. KERTAS CADANGAN KEAHLIAN DALAM JAWATANKUASA KECIL MAJLIS UNTUK TUAN IMRAN BIN SELAMAT, AHLI MAJLIS BAGI SESI 2014/2015

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2014 menerima dan bersetuju Tuan Imran bin Selamat, Ahli Majlis untuk menganggotai Jawatankuasa Kecil Majlis Bagi Sesi 2014/2015 seperti berikut:-

1. Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan
2. Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin
3. Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

MAKLUMAN**6.2. KERTAS PERLANTIKAN KETUA ZON JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) BAGI SESI 2014/2015 MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA UNTUK TUAN IMRAN BIN SELAMAT**

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2014 bersetuju dan meluluskan perlantikan Tuan Imran bin Selamat, Ahli Majlis dilantik sebagai Ketua Zon 13, Jawatankuasa Penduduk bagi Sesi 2014/2015 berkuatkuasa pada 23 Julai 2014.

Zon 13 adalah di bawah DUN Lembah Jaya yang meliputi kawasan Taman Tasik Tambahan, Taman Sri Bayu, Taman Permai Jaya, Taman Indah Jaya, Taman Bukit Ampang Permai, Kampung Tasik Permai, Taman Faizura dan Kampung Ampang Indah Permai.

Sehubungan dengan perlantikan Tuan Imran bin Selamat sebagai Ketua Zon 13 JKP, pemangkuan Zon JKP 13 sebelum ini oleh Puan Sharifah Haslizah bt Syed Ariffin ditamatkan mulai dari tarikh 22 Julai 2014.

Tuan Pengerusi memaklumkan mulai 1 Julai 2014, Ahli Majlis yang dilantik memangku jawatan Zon JKP yang tiada pengisian Ahli Majlis akan dibayar elaun memangku dengan pengiraan 1/4 daripada kadar elaun Ahli Majlis yang diterima.

MAKLUMAN

7. PERTIMBANGAN LAPORAN

7.1. LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAAN DAN BINAAN TANPA IZIN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2014 bertarikh 23 Julai 2014 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil. 5/2014 yang telah diadakan pada 9 Julai 2014 dengan tambahan seperti di bawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Mohamad bin Samat dan disokong oleh Tuan Hj. Abdul Jalil bin Hasan.

7.1.1. Perkara 2.2. di muka surat 31 - Binaan Tanpa Kebenaran Di Bawah Rezab Talian Rentis TNB Dari Kg. Pandan ke Kg Tasek Permai

Tuan Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis memohon Majlis untuk menyemak kegiatan mencuri pasir di Jalan Nirwana 2 yang melibatkan projek TNB.

7.1.2. Perkara di muka surat 43 - Semak Tapak 'Used Car' Di Jalan Pandan Jaya 5, Pandan Jaya

Tuan Hj Meor Rithuan bin Mohamed Said ingin mengetahui tindakan Majlis ke atas aktiviti 'used car' di Jalan Pandan Jaya 5, Pandan Jaya dan di bawah tangki air. Beliau membangkitkan isu ini kerana di Jalan yang sama, Majlis telah merobohkan 2 (dua) premis yang melakukan kesalahan yang sama. Beliau berharap pihak Majlis dapat meneruskan dengan tindakan untuk mengosongkan tanah tersebut.

MAKLUMAN

7.2. LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2014 bertarikh 23 Julai 2014 meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil. 6/2014 yang telah diadakan pada 14 Julai 2014 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hj. Abdul Jalil bin Hasan dan disokong oleh Tuan Supiramany a/l Sinnapayal.

MAKLUMAN

7.3. LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2014 bertarikh 23 Julai 2014 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil. 5/2014 yang telah diadakan pada 11 Julai 2014 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Supiramany a/l Sinnapayal dan disokong oleh Puan Sian Keng Eng.

MAKLUMAN

7.4. LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2014 bertarikh 23 Julai 2014 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil. 6/2014 yang telah diadakan pada 14 Julai 2014 dengan tambahan seperti dibawah. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Hj. Abdul Jalil bin Hasan dan disokong oleh Tuan Mohamad bin Samat.

7.4.1. Perkara 2.1 di muka surat 94

Tuan Supiramany a/l Sinnapayal mohon Kertas Makluman Pelaksanaan Penyewaan Tiang-Tiang Lampu Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bagi Pemasangan 'Bunting-Panel' dibincangkan semula.

MAKLUMAN

7.5. LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2014 bertarikh 23 Julai 2014 telah meluluskan dan mengesahkan Laporan Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 5/2014 yang telah diadakan pada 16 Julai 2014 tanpa pindaan. Laporan Jawatankuasa dicadang disahkan oleh Tuan Supiramany a/l Sinnapayal dan disokong oleh Tuan Hj Meor Rithuan bin Mohamed Said.

MAKLUMAN

7.6. LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2014 bertarikh 23 Julai 2014 telah mengambil maklum dan menerima laporan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 11/2014 dan bil. 12/2014 bertarikh 9 Julai 2014 dan 18 Julai 2014.

MAKLUMAN**8. UCAPAN PENANGGUHAN OLEH TUAN AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS**

Tuan Ahmad Fauzi bin Mohd Kamis mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 6/2014.

Dalam ucapannya, beliau merakamkan rasa bangga sebagai Ahli Majlis di atas kejayaan yang dikecapi oleh MPAJ selama ini.

Beliau seterusnya mencadangkan untuk mengeratkan hubungan antara Ahli Majlis dan kakitangan MPAJ supaya diadakan lawatan ke Jabatan-Jabatan di MPAJ sehingga ke Pejabat YDP dengan dimulai dengan Jabatan Perancangan Korporat. Beliau tidak menafikan ada di antara kakitangan Majlis yang tidak mengenali Ahli Majlis begitu juga sebaliknya.

Beliau menyeru supaya semua yang ada dapat memberikan komitmen dan kerjasama bagi menjayakan amanah rakyat yang mahukan sesuatu yang terbaik. Beliau memetik riwayat daripada Saidina Abu Bakar as Sidiq r.a iaitu:-

Wahai manusia, aku dilantik memerintah kamu, aku bukanlah orang yang paling layak daripada di kalangan kamu. Jika kamu melihat aku berada di jalan yang benar, bantulah. Namun jika kamu melihat aku menyeleweng maka perbetulkanlah aku.....sesungguhnya Benar itu Amanah, Bohong itu merupakan Kianah'

Beliau berharap semua di MPAJ dan Ahli Majlis dapat bekerjasama atas dasar hormat menghormati dan menjunjung amanah rakyat. Beliau yakin ini dapat melahirkan MPAJ yang lebih baik dan berjaya dan hubungan antara Ahli Majlis dan para pegawai dan kakitangan Majlis sentiasa terjalin. Bak kata perpatah bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat.

Sempena kedatangan bulan Syawal, beliau mengambil kesempatan memohon ampun dan maaf di atas segala kekurangan, kesilapan atau terkasar bahasa selama beliau berkhidmat sebagai Ahli Majlis. Beliau juga menjemput semua yang hadir ke Majlis Rumah Terbuka JKP Zon 15 yang akan diadakan pada 16 Ogos 2014 bermula dari jam 12.00 tengahari hingga 5.00 petang bertempat di Dewan Jalan H, Kampung Pandan.

Akhir sekali, beliau memohon izin untuk Majlis bertafakur sebentar dan sedekahkan surah Al-Fatihah kepada rakyat dan pejuang Palestin di Gaza di atas kekejaman tentera Israel.

9. PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada 6.50 petang.

Disediakan oleh:-

Urusetia Mesyuarat

Bahagian Urusetia

Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Minit Mesyuarat telah disyorkan untuk disahkan oleh

.....dan disokong oleh

(HAJI ABD. HAMID BIN HUSSAIN)

Pengerusi Mesyuarat

Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Bahagian Urusetia

Jabatan Khidmat Pengurusan

Majlis Perbandaran Ampang Jaya

MPM BIL. 6/2014-23.7.2014.

4.1.
KERTAS MAKLUMAN RUMUSAN MESYUARAT
KHAS KEWANGAN BAJET 2015/2016
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BIL.1/2014

**KERTAS UNTUK MAKLUMAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS BIL. 7/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**KERTAS MAKLUMAN RUMUSAN MESYUARAT KHAS KEWANGAN
BAJET 2015/2016
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL. 1/2014**

JABATAN PERBENDAHARAAN

1.0 TUJUAN

Kertas kerja ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Majlis berkenaan rumusan Mesyuarat Khas Kewangan Bajet 2015/2016 Majlis Perbandaran Ampang Jaya yang telah bersidang pada 21 Julai 2014 dan 06 Ogos 2014.

2.0 MAKLUMAN

2.1 Bajet Majlis tahun 2015/2016 telah dibincangkan merujuk kepada Minit Mesyuarat Khas Kewangan Bajet 2015/2016 Bil.1/2014 dan Bil.2/2014 seperti di **Lampiran 1**.

2.2 Adalah dimaklumkan draf Bajet 2015 diluluskan dalam Mesyuarat Khas Kewangan Bajet 2015/2016 Majlis Perbandaran Ampang Jaya dengan pindaan seperti berikut:

2.2.1 Pindaan jumlah peruntukan Bajet 2015 dari RM126juta kepada RM128juta.

2.2.2 Penambahan peruntukan Pembangunan 2015 dari RM3juta kepada RM5juta. Bagi mengimbangi tambahan peruntukan pembangunan sebanyak RM2juta, jumlah Hasil Cukai bertambah dari RM101juta kepada RM103juta.

2.2.3 Ringkasan pindaan Bajet 2015 adalah seperti berikut:

AKTIVITI	ASAL	TAMBAH	SELEPAS PINDAAN
HASIL CUKAI	101,035,850.00	2,000,000.00	103,035,850.00
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	3,000,000.00	2,000,000.00	5,000,000.00

2.2.4 Ringkasan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2015/2016 adalah seperti di **Lampiran 2**.

2.3 Tuan Supiramany a/l Sinnapayal mencadangkan Bajet 2015/2016 Majlis Perbandaran Ampang Jaya diterima dengan mengambil maklum ke atas pandangan-pandangan yang telah dibincangkan dalam mesyuarat ini. Cadangan beliau disokong oleh Tuan Azlan bin Maddin.

3.0 **ASAS-ASAS MAKLUMAN**

Anggaran-anggaran mengenai Hasil dan Perbelanjaan hendaklah diluluskan dalam suatu Mesyuarat Khas Pihak Berkuasa Tempatan mengikut Subseksyen 55(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

4.0 PENUTUP

Ahli Mesyuarat Penuh Majlis adalah dimohon untuk mengambil maklum berkenaan Anggaran-anggaran Hasil dan Perbelanjaan mengenai Bajet Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tahun 2015/2016.

Disediakan oleh:

Pn. Maruziaton binti Omar
Penolong Akauntan W32
Jabatan Perbendaharaan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
12 Ogos 2014

Disemak oleh:

Pn. Farhana binti Osman
Akauntan W41
Jabatan Perbendaharaan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
12 Ogos 2014

Disahkan oleh:

Pn. Maizatul Hanisa binti M. Isa
Akauntan W48
Jabatan Perbendaharaan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
12 Ogos 2014

MINIT MESYUARAT KHAS KEWANGAN BAJET 2015/2016
BIL.1/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

TARIKH : 21 JULAI 2014 (ISNIN)
 MASA : 11.00 PAGI
 TEMPAT : BILIK MESYUARAT,
 TINGKAT 16, MENARA MPAJ.

KEHADIRAN

1. TN. HJ. ABDUL HAMID BIN HUSSAIN **AIS, PPT, PPC-** PENERUSI
 PEMANGKU YANG DIPERTUA
2. TN. HJ. MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID - AHLI MAJLIS
3. TN. HJ. ABDUL JALIL BIN HASAN - "
4. PN. WAN HASRINA BINTI WAN HASSAN - "
5. TN. SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL, PPN - "
6. TN. MOHAMAD BIN SAMOT @ SAMAT - "
7. TN. AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS - "
8. TN. AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR - "
9. TN. LIM FONG LEN - "
10. TN. HO AH NGOH - "
11. PN. SHARIFAH HASLIZAH BINTI SYED ARIFFIN - "
12. TN. AZLAN BIN MADDIN - "
13. TN. RAMLI BIN MD SAID - "
14. TN. DR. LAI FATT SIAN - "
15. PN. YOGAYSWARI A/P RAMALU - "
16. PN. SIAN KENG ENG - "
17. TN. JOHARI BIN ATLI - PEMANGKU SETIAUSAHA

TURUT HADIR (DALAMAN)

1. EN. HASROLNIZAM BIN SHAARI, Jabatan Kejuruteraan
2. PN. MAIZATUL HANISA BINTI M. ISA, Jabatan Perbendaharaan
3. PN. MARLINA BINTI MOHAMAD, Jabatan Pelesenan
4. EN. KHAIRULAZMI BIN ABDUL RAHMAN, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. EN. MOHD YUSUF BIN SULAIMAN, Jabatan Khidmat Pengurusan
6. EN. KHAIRIL AZHAR BIN ISMAIL, Jabatan Belia Masyarakat
7. PN. ROSLIZA BINTI MOHD, Jabatan Perancang Korporat
8. CIK SITI SARAH BINTI MOHD YAHYA, Jabatan Undang-Undang
9. EN. ROSLI BIN JAAFAR, Jabatan Penguatkuasa
10. PN. ZURAINA BT SAID, Jabatan Perancang Bandar
11. EN. MOHD FAZRIN BIN RAHMAN, Bahagian Audit Dalam
12. PN. MASTURA BT ISHAK, Bahagian Ukur Bahan
13. PN. LILY HAMADAH BINTI RAMLE, Bahagian OSC
14. EN. MUHAMMAD NOOR ISMAN BIN ISMAIL, Bahagian COB

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. DRS. SARODIN BIN SHAHRI, Jabatan Perbandaran dan Kesihatan

1.0 BACAAN DOA

Bacaan doa oleh Tuan Haji Abdul Jalil bin Hasan

2.0 UCAPAN Pengerusi

Tuan Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Pemangku Yang Di Pertua selaku Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, pengarah-pengarah Jabatan dan wakil-wakil jabatan yang hadir ke Mesyuarat Khas Kewangan Bajet Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2015/2016 Bil.1/2014 dan seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:-

- 2.1 Perbincangan bajet Majlis 2015/2016 bersama Ketua Jabatan telah diadakan pada 01 Julai 2014. Melalui mesyuarat tersebut, anggaran hasil bagi tahun 2015/2016 disediakan dengan mengambil asas kepada prestasi tahun 2012, 2013 dan setengah tahun 2014 serta kemampuan Majlis untuk mengutip hasil.
- 2.2 Disiplin kewangan dari segi rekod adalah penting dan memerlukan penggunaan Konsep Ketelusan (Open Book System) bagi membolehkan semakan oleh semua pihak termasuk daripada Kerajaan mahupun awam.
- 2.3 Meminimumkan pembaziran & elak penyalahgunaan peruntukan. Berbelanja dengan cara berhemah. Tidak melihat dari bajet dan peruntukan tetapi berpandukan kepada kemampuan berbelanja. Isu-isu kerahsiaan

diterapkan pada setiap penjawat awam, hadkuasa dikenal pasti dan tiada konsep one man show.

2.4 Tindakan susulan perlu dilakukan selepas terdapat sesuatu keputusan atau kelulusan ke atas Bajet. Kerap kali berlakunya lack of implementation selepas keputusan atau kelulusan kerana sebab-sebab berikut:

(a.i.1) Tiada pelan tindakan yang rapi dalam sesuatu mesyuarat dan pembincangan yang diadakan sedangkan proses pelaksanaan sesuatu kerja melalui prosedur kerja yang standard dan rutin;

(a.i.2) Kehendak melebihi wang yang diperuntukkan. Sewajarnya perancangan dipatuhi dengan diikuti pemantauan yang rapi;

(a.i.3) Memastikan pegawai yang bertanggungjawab adalah mereka yang berkebolehan dan dapat mengurus dengan baik serta menghasilkan impak yang positif.

2.5 Merealisasikan Pelan Strategik yang memberi penekanan halatuju MPAJ, antara lain, mengutamakan kepuasan pelanggan, menyediakan perkhidmatan perbandaran, kemudahan awam dan infrastruktur yang berkualiti, memantapkan kedudukan kewangan MPAJ, mengemaskini perundangan dan sistem prosedur jabatan serta memantapkan keupayaan pembangunan organisasi.

- 2.6 Responsive dan peka kepada keperluan dan kemahuan pelanggan, di mana Piagam pelanggan yang menerangkan hak-hak yang patut diperolehi dengan memberi perhatian kepada pelanggan dalam bentuk jaminan bertulis.

3.0 PEMBENTANGAN PRESTASI MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA, ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN TAHUN 2015/2016

Kertas dibentangkan oleh Puan Maizatul Hanisa bt. M. Isa, Akauntan selaku Pengarah Jabatan Perbendaharaan selaras dengan keperluan Seksyen 55(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

1. **Bajet 2015 akan menyediakan peruntukan sejumlah RM126juta.** Daripada jumlah tersebut, RM123juta adalah bagi perbelanjaan mengurus dan RM3juta bagi peruntukan pembangunan.
2. Di bawah peruntukan mengurus, sejumlah RM33.30juta adalah bagi Emolumen. RM78.47juta disediakan bagi Perkhidmatan dan Bekalan. Manakala, RM7.02juta diperuntukkan kepada Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Sejumlah RM4.07juta disediakan untuk Pembelian Aset dan baki RM0.15juta ringgit untuk perbelanjaan lain.
3. Peruntukan pembangunan berjumlah RM3juta disediakan bagi projek pembinaan gerai, menyiapkan dewan serbaguna, pembangunan kawasan rekreasi awam dan pembinaan mini stadium secara *berfasa* di kawasan MPAJ adalah dicadangkan.
4. **Anggaran Hasil bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM126juta;** iaitu RM6juta; 5% lebih tinggi berbanding dengan anggaran hasil tahun 2014.

5. Hasil Cukai masih terus menjadi penyumbang terbesar bagi Hasil MPAJ. Hasil Cukai dijangka akan menyumbangkan sebanyak RM101.04juta atau 80% daripada keseluruhan hasil MPAJ dan RM24.96juta atau 19% adalah dari Hasil Bukan Cukai.
6. Peningkatan RM2.5juta bersamaan 2.54% bagi anggaran kutipan Hasil Cukai. Peningkatan RM3.51juta bersamaan 16.31% bagi Hasil Bukan Cukai melalui perbandingan anggaran 2014.
7. Hasil Bukan Cukai seperti Lesen dan Permit dengan anggaran RM9.27juta menunjukkan peningkatan 2.77% iaitu RM0.25juta berbanding anggaran tahun 2014. Ianya didorong oleh hasil baru di mana Jabatan Perlesenan mensyaratkan permohonan dan peembaharuan lesen bagi beengkel kereta di kawasan perindustrian menyewa tempat letak kereta khas.
8. Perkhidmatan & Bayaran Perkhidmatan dengan anggaran RM3.6juta menunjukkan peningkatan 41.18% atau RM1.05juta. Namun, Jualan Barang-Barang dianggarkan mengalami penurunan dari RM0.19juta kepada RM0.18juta iaitu 4.95% dari tahun sebelumnya.
9. Sewaan dianggarkan turut menyumbang kepada RM7.17juta, Faedah Simpanan Tetap juga dianggarkan menyumbang kepada RM2.50juta meningkat kepada 66.67% iaitu RM1juta.
10. Penurunan 26.51% iaitu RM0.81juta bagi Denda & Kompaun yang menyumbang kepada RM2.24juta berbanding anggaran tahun 2014.
11. Terimaan Bukan Hasil pada tahun 2015, Majlis tidak menganggarkan sebarang penerimaan hanya token RM60 sahaja, namun begitu permohonan peruntukan seperti Geran Keseimbangan dan Geran Penyelenggaraan Jalan (MARRIS) daripada Kerajaan Negeri untuk pembangunan serta penambahbaikan infrastruktur di dalam kawasan Majlis di bawah

tajuk Dasar Kerajaan Negeri, Merakyatkan Ekonomi Selangor – Hasil Negeri untuk Rakyat, akan dipohon merujuk kepada aktiviti yang diarahkan untuk pelaksanaan.

12. Majlis masih menggunakan sasaran kutipan cukai yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor iaitu sebanyak 90% untuk kutipan cukai semasa dan 70% bagi tunggakan cukai taksiran.
13. **Anggaran Perbelanjaan 2015 adalah sebanyak RM126juta**, Majlis memperuntukkan sebanyak RM100juta untuk perbelanjaan komitmen.
14. Perkhidmatan Pembersihan sebanyak RM36juta, Penyelenggaraan Jalan, Cerun, selenggara lampu jalan dan Longkang masing-masing menyumbang sebanyak RM2.55juta daripada jumlah peruntukkan perbelanjaan 2015.
15. Selenggara kenderaan diperuntukkan sebanyak RM0.50juta.
16. Antara lain Majlis juga memperuntukkan sebanyak RM5juta dan RM1.75juta bagi bayaran utiliti –TNB pukal dan utiliti Majlis yang mana masing-masing merupakan perbelanjaan komitmen Majlis.
17. Bagi perubatan dan perkhidmatan insuran diperuntukkan masing-masing sebanyak RM2juta dan RM1.4juta bagi tahun 2015.
18. Majlis juga memperuntukkan RM0.5juta bagi latihan kakitangan.
19. Pembersihan bangunan milik Majlis seperti Menara MPAJ dan gerai diperuntukkan RM2.48juta.
20. Pengindahan kawasan dan kerja-kerja selenggara pokok, RM1.40juta diperuntukkan. Pembaikan Kemudahan dan Taman, Majlis memperuntukkan RM0.95 juta.
21. Peruntukan bagi perkhidmatan jalur lebar / aplikasi talian internet dan prosesan data komputer serta *closed-circuit television* (CCTV) diperuntukkan sebanyak RM0.35juta. Pembelian komputer sebanyak RM 1.15juta. Penyelenggaraan komputer dan alatan data diperuntukkan RM0.58juta.

22. Majlis turut menyediakan peruntukan tahunan untuk aktiviti Jawatankuasa Penduduk (JKP) anjuran Ahli Majlis kawasan RM1.44juta, pengurusan pejabat Ahli Majlis RM0.72juta dan pentadbiran JKP RM0.07juta.
23. Secara keseluruhannya, 97.56% perbelanjaan komited dianggarkan berjumlah RM100juta dan selebihnya RM23juta bagi perbelanjaan bukan komited dari jumlah anggaran perbelanjaan 2015, di mana perkara ini diperhalusi di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Majlis.
- 24. Bagi Bajet Pembangunan**, disyorkan dikekalkan RM3juta seperti di tahun 2014 dengan merujuk kepada perbincangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.5/2014 bertarikh 18 Jun 2014 berhubung dengan kekangan sumber, kemampuan dan pencapaian projek. Tuan pengerusi mengesyorkan memperuntukan pembangunan secara *berfasa* bagi projek Membina Mini Stadium Pandan Perdana.

3.0 PERBINCANGAN

BIL	TAJUK		PERBINCANGAN	KEPUTUSAN DAN MAKLUMBALAS
1.	Bajet Pembangunan Tahun 2015	Tn Ramli b. Md Said	i. Bersetuju peruntukan sejumlah RM126juta bagi tahun 2015. ii. Peruntukan Pembangunan sebanyak RM3juta disyorkan ditambah kepada RM5juta.	Pindaan Bajet Pembangunan dari RM3juta kepada RM5juta.
2.	Pengurusan Pasar Malam	Tn Mohamat b. Samat	Beliau mohon agar jabatan terlibat dapat membentangkan laporan prestasi kutipan	Ahli mesyuarat dimaklumkan kutipan pasar malam bagi tempoh 1 Januari 2013 hingga Disember 2013

			pasar malam.	ialah RM949,405 dan kutipan bagi tempoh 1 Januari 2014 hingga Jun 2014 ialah RM509,239.
3.	Justifikasi Pembelian Aset	Tn Mohamat b. Samat Tn. Hj Meor Rithuan	Memohon justifikasi pembelian aset; kenderaan sebanyak RM1.8juta dan kelengkapan pejabat berjumlah RM0.20juta	Kenderaan : <ul style="list-style-type: none"> • Proton saga (2 buah) – RM0.09juta • Pacuan 4 roda(3 unit) –RM0.24juta • Lori Tanker HPT (1unit) – RM0.4juta • Bas 44 tempat duduk (1unit) – RM0.50juta • Towing truck (1unit)– RM0.15juta • Lori Roro (1unit)– RM0.42juta Jumlah = RM1.8juta
4.	Selenggara Jalan dan Longkang	Tn Ramli b. Md Said	Pindahan sebahagian anggaran peruntukan jalan kepada peruntukan penyelenggaraan longkang memandangkan Geran MARRIS yang diterima oleh MPAJ mencukupi.	Maklum.
5.	Selenggara data komputer & CCTV dan Pembelian Komputer	Tn. Ho Ah Ngoh	Beliau mohon penjelasan bagi peruntukan Jalur lebar/Aplikasi internet berjumlah RM0.30juta, CCTV sebanyak RM0.35juta dan pembelian komputer sebanyak RM1.15juta yang dianggap tinggi.	Mesyuarat dimaklumkan bahawa ratio sebuah komputer mengikut gred pegawai ialah : Pegawai A 1 : 1 Pegawai B 1 : 2 Pegawai C 1 : 5

6.	Penambahan Elaun Ahli Majlis	Pn. Wan Hasrina	Dicadangkan kenaikan elaun ahli majlis.	Ahli mesyuarat dimaklumkan bahawa kadar elaun ahli majlis ditetapkan oleh pihak Kerajaan Selangor SUK.												
7.	Utiliti	Tn. Supiramany	Memohon bayaran utiliti diperincikan. <table border="1" data-bbox="760 617 1154 1003"> <thead> <tr> <th data-bbox="760 617 1003 667">JENIS</th> <th data-bbox="1003 617 1154 667">PERUNTUKAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="760 667 1003 751">TELEKOM MALAYSIA</td> <td data-bbox="1003 667 1154 751">300,000.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="760 751 1003 802">TENAGA NASIONAL</td> <td data-bbox="1003 751 1154 802">30,000.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="760 802 1003 865">SYT BEKALAN AIR</td> <td data-bbox="1003 802 1154 865">570,000.00</td> </tr> <tr> <td data-bbox="760 865 1003 940">INDAH WATER & SELENGGARA</td> <td data-bbox="1003 865 1154 940">200,000.00</td> </tr> <tr> <td colspan="2" data-bbox="760 940 1154 1003">JUMLAH</td> </tr> </tbody> </table>	JENIS	PERUNTUKAN	TELEKOM MALAYSIA	300,000.00	TENAGA NASIONAL	30,000.00	SYT BEKALAN AIR	570,000.00	INDAH WATER & SELENGGARA	200,000.00	JUMLAH		Justifikasi Perbelanjaan Utiliti bagi bulan Januari hingga Julai 2014 :
JENIS	PERUNTUKAN															
TELEKOM MALAYSIA	300,000.00															
TENAGA NASIONAL	30,000.00															
SYT BEKALAN AIR	570,000.00															
INDAH WATER & SELENGGARA	200,000.00															
JUMLAH																
8.	Hasil Cukai	Ahli Mesyuarat	Ahli Mesyuarat dimaklumkan bahawa pertambahan hasil cukai sebanyak RM2juta di tahun 2015 berbanding tahun 2014.	Maklum.												

5. KEPUTUSAN MESYUARAT

5.1 Ahli Mesyuarat bersetuju ke atas keputusan perkara berikut:

5.1.1 Peruntukan Pembangunan 2015 akan dipinda dari RM3juta kepada RM5juta.

5.1.2 Peruntukan tambahan Hasil Cukai sebanyak RM2juta dari RM101juta kepada RM103juta.

- 5.1.3 Bagi peruntukan pembangunan sebanyak RM5juta, pindaan diselaraskan dari penambahan Hasil Cukai sebanyak RM2juta.
- 5.1.4 Dengan pindaan bagi item di para. 5.1.1 dan para. 5.1.2 diselaraskan, Jumlah Peruntukan Bajet 2015 selepas pelarasan adalah berjumlah RM126juta kepada RM128juta.
- 5.2 Pindaan dan semakan ke atas peruntukan 2015 akan dibincangkan dalam Mesyuarat Khas Kewangan Bajet 2015/16 Bil. 2/2014 yang diijangka akan diadakan dalam bulan Ogos 2014.

6.0 PENUTUP

Tuan Pengerusi sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 02.10 petang.

Disediakan oleh :

MARUZIATON BINTI OMAR
Penolong Akauntan Kanan
Jabatan Perbendaharaan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Tarikh : 21 Julai 2014

Disemak oleh :

MAIZATUL HANISA BINTI M. ISA
Pengarah
Jabatan Perbendaharaan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Tarikh : 21 Julai 2014

Disahkan oleh :

TUAN ABD HAMID BIN HUSSAIN, AIS, PPT, PPC
Pemangku Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Tarikh : 21 Julai 2014

MINIT MESYUARAT KHAS KEWANGAN BAJET 2015/2016
BIL.2/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

TARIKH : 06 OGOS 2014 (RABU)
 MASA : 10.30 PAGI
 TEMPAT : BILIK MESYUARAT,
 TINGKAT 16, MENARA MPAJ.

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|------------------------|
| 1. | TN. HJ. ABDUL HAMID BIN HUSSAIN, AIS, PPT, PPC
(PEMANGKU YANG DIPERTUA MPAJ) | - | PENGERUSI |
| 2. | TN. HJ. MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID | - | AHLI MAJLIS |
| 3. | TN. HJ. ABDUL JALIL BIN HASAN | - | " |
| 4. | PN. WAN HASRINA BINTI WAN HASSAN | - | " |
| 5. | TN. SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL, PPN | - | " |
| 6. | TN. AHMAD FAUZI BIN MOHD KAMIS | - | " |
| 7. | TN. AHMAD SABRI BIN ABU BAKAR | - | " |
| 8. | TN. HO AH NGOH | - | " |
| 9. | TN. AZLAN BIN MADDIN | - | " |
| 10. | TN. RAMLI BIN MD SAID | - | " |
| 11. | TN. DR. LAI FATT SIAN | - | " |
| 12. | PN. YOGAYSWARI A/P RAMALU | - | " |
| 13. | PN. SIAN KENG ENG | - | " |
| 14. | TN. IMRAN BIN SELAMAT | - | " |
| 15. | TN. JOHARI BIN ATLI | - | PEMANGKU
SETIAUSAHA |

TURUT HADIR (DALAMAN)

1. DRS. SARODIN BIN SHAHRI, Jabatan Perbandaran dan Kesihatan
2. EN. HASROLNIZAM BIN SHAARI, Jabatan Kejuruteraan
3. PN. MAIZATUL HANISA BINTI M. ISA, Jabatan Perbendaharaan
4. EN. KHAIRULAZMI BIN ABDUL RAHMAN, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. EN. MOHD YUSUF BIN SULAIMAN, Jabatan Khidmat Pengurusan
6. EN. KHAIRIL AZHAR BIN ISMAIL, Jabatan Belia Masyarakat
7. PN. ROSLIZA BINTI MOHD, Jabatan Perancang Korporat
8. PN. ZURAINA BT SAID, Jabatan Perancang Bandar
9. EN. AHMAD ALHAIRI BIN MOHAMED YUSUF, Jabatan Bangunan & Senibina
10. PN. NORAISAH BINTI SALIM, Jabatan Undang-Undang
11. EN. ROSLI BIN JAAFAR, Jabatan Penguatkuasa
12. EN. MOHD FAZRIN BIN RAHMAN, Bahagian Audit Dalam
13. PN. MASTURA BT ISHAK, Bahagian Ukur Bahan
14. PN. EMILY BINTI ADLAN, Jabatan Pelesenan
15. EN. MUHAMMAD NOOR ISMAN BIN ISMAIL, Bahagian COB

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

16. PN. MARLINA BINTI MOHAMAD, Jabatan Pelesenan
17. PN. LILY HAMADAH BINTI RAMLE, Bahagian OSC

1.0 BACAAN DOA

Bacaan doa oleh Tuan Haji Abdul Jalil bin Hasan.

2.0 UCAPAN Pengerusi

Tuan Hj. Abd. Hamid bin Hussain, Pemangku Yang Di Pertua selaku Pengerusi mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan dan wakil-wakil jabatan yang hadir ke Mesyuarat Khas Kewangan Bajet Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2015/2016 Bil.2/2014 dan seterusnya memaklumkan perkara-perkara berikut:-

2.1. Saranan dari Kerajaan Negeri dan Persekutuan agar Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri diadakan secara sederhana diperingkat Majlis bagi menghormati keluarga mangsa yang terkorban dalam tragedi pesawat MH17.

2.2 Merujuk kepada perkara berbangkit dalam Mesyuarat Khas Kewangan Bajet 2015/16 Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil.1/2014 pada 21 Julai 2014:

2.2.1 Menyelaras pindaan Peruntukan Pembangunan 2015 dari RM3juta kepada RM5juta.

2.2.2 Bagi peruntukan pembangunan sebanyak RM5juta, pindaan diselaraskan dari penambahan Hasil Cukai sebanyak RM2juta. Jumlah Peruntukan Bajet 2015 selepas pindaan adalah RM128juta.

2.2.3 Perbandingan Bajet 2014 dan 2015 dengan peningkatan peratusan sebanyak 6.25% iaitu RM120juta bagi tahun 2014 kepada RM128juta di tahun 2015.

- 2.3** Penekanan mengenai kepentingan dan pematuhan disiplin kewangan agar tidak timbul isu-isu berbangkit seperti isu kelewatan pembayaran dan dokumentasi kewangan.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat Khas Kewangan Bajet 2015 Bil.1/2014 bertarikh 21 Julai 2014 telah disahkan dengan pindaan pada mukasurat 3; kehadiran - Encik Ahmad Alhairi bin Mohamed Yusuf, Jabatan Bangunan & Senibina dan di mukasurat 8, Bil. 5 – peruntukan jalur lebar/aplikasi internet dan pembelian komputer sebanyak RM1.05juta yang dianggap tinggi dipinda kepada berpatutan.

Minit mesyuarat dicadangkan untuk pengesahan oleh Tuan Hj. Meor Rithuan bin Mohamed Said dan disokong oleh Puan Sian Keng Eng.

4.0 PEMBENTANGAN BAJET 2015 MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Pembentangan oleh Puan Maizatul Hanisa bt. M. Isa, Akauntan selaku Pengarah Jabatan Perbendaharaan selaras dengan keperluan Subseksyen 55(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

- 1. Bajet 2015 menyediakan peruntukan sejumlah RM128juta.**
Daripada jumlah tersebut, RM123juta adalah bagi perbelanjaan mengurus dan RM5juta bagi peruntukan pembangunan.
- 2. Bajet Pembangunan** disyorkan penambahan dari RM3juta kepada RM5juta. Bagi mengimbangi pertambahan RM2juta tersebut, jumlah Hasil Cukai dipinda dari RM101juta kepada RM103juta.
- 3.** Pertambahan Hasil Cukai adalah merujuk kepada prestasi dan punca sumber Tunggakan Cukai Taksiran.

5.0 PERBINCANGAN

BIL.	TAJUK		PERBINCANGAN	KEPUTUSAN DAN MAKLUMBALAS
1.	Bajet Pembangunan Tahun 2015	Tn. Ramli b. Md Said	Pindaan Bajet Pembangunan dari RM3juta kepada RM5juta.	Bersetuju dengan Bajet Pembangunan sebanyak RM5juta; peruntukan RM3juta bagi cadangan pembinaan Mini Stadium dan landskap secara <i>berfasa</i> di Pandan Perdana. RM2juta bagi projek pembangunan di kawasan Ampang.
2.	Utiliti	Tn. Supiramany	Perincian butiran utiliti TNB dan bil telefon pegawai dan kakitangan.	<p>i. Ahli mesyuarat dimaklumkan, amaun RM784.10 merupakan bayaran bil TNB Padang UKRC (bukan pukal) di bawah seliaan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.</p> <p>ii. Bayaran Bil Telefon pegawai yang berkelayakan bagi bulan Januari hingga Julai 2014 sebanyak RM39,331.75</p>

				merangkumi 38 orang pegawai dan kakitangan termasuk pegawai bertanggungjawab talian aduan dan panel klinik.
3.	Perbelanjaan Pembersihan	Tn. Hj. Meor Rithuan	Mohon huraian berhubung penjimatan pembersihan diperolehi setelah Majlis menamatkan perkhidmatan Syarikat Alam Flora pada Disember 2011.	<p>i. Ahli Mesyuarat dimaklumkan bahawa maksud penjimatan yang diterima ialah bukan dalam bentuk wang tetapi dari segi pengurangan kos pembersihan (pemberian kontrak/tender).</p> <p>ii. Peruntukan RM36juta meliputi perbelanjaan Pengurusan Pembersihan Awam(PPA) - RM15juta, Pengurusan Sisa Pepejal(PSP) - RM12juta, pengurusan pelupusan sampah dan Perbelanjaan</p>

				lain Jabatan Perbandaran & Kesihatan seperti kontraktor kawalan vektor, tangkapan anjing, <i>fogging</i> , sisa binaan.
4.	Peruntukan Luar Jangka	Ahli Mesyuarat	RM2juta	Pindahan(virement) kepada jabatan-jabatan mengikut keperluan perbelanjaan luar jangka pada tahun semasa (2015).
5.	Pinjaman Dari Kerajaan Negeri	Ahli Mesyuarat	Peruntukan RM3.89juta	Ahli mesyuarat dimaklumkan bahawa jumlah RM3.89juta merupakan bayaran balik pinjaman dan faedah dari Kerajaan Negeri Selangor bagi Penstabilan Cerun.

6.0 KEPUTUSAN MESYUARAT

6.1 Ahli Mesyuarat bersetuju ke atas keputusan perkara berikut:

6.1.1 Pindaan Jumlah Peruntukan Bajet bagi tahun 2015 dari RM126juta kepada RM128juta.

6.1.2 Penambahan peruntukan Pembangunan 2015 dari RM3juta kepada RM5juta. Bagi mengimbangi tambahan peruntukan pembangunan sebanyak RM2juta, Jumlah Hasil Cukai bertambah dari RM101juta kepada RM103juta.

6.2 Tuan Supiramany a/l Sinnapayal mencadangkan Bajet 2015/2016 Majlis Perbandaran Ampang Jaya diterima dengan mengambil maklum ke atas pandangan-pandangan yang telah dibincangkan dalam mesyuarat ini. Cadangan beliau disokong oleh Tuan Azlan bin Maddin.

7.0 PENUTUP

Tuan Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada yang hadir dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.10 tengah hari.

Disediakan oleh :

MARUZATON BINTI OMAR
Penolong Akauntan Kanan
Jabatan Perbendaharaan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Tarikh : 07 Ogos 2014

Disemak oleh :

MAIZATUL HANISA BINTI M. ISA
Pengarah
Jabatan Perbendaharaan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Tarikh : 08 Ogos 2014

Disahkan oleh :

TUAN ABD HAMID BIN HUSSAIN, AIS, PPT, PPC
Pemangku Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Tarikh : 08 Ogos 2014

LAMPIRAN 2

RINGKASAN ANGGARAN HASIL DAN BELANJA MPAJ 2015/2016

BUTIRAN	SEBENAR 2013 RM	SEBENAR (JAN-JUN) 2014 RM	ANGGARAN 2015 RM	ANGGARAN 2016 RM
HASIL CUKAI	95,835,310	52,134,977	103,035,850	104,025,850
HASIL BUKAN CUKAI	23,685,557	12,571,728	24,964,090	24,974,090
TERIMAAN BUKAN HASIL	20,448,641	11,470,453	60	60
JUMLAH BESAR HASIL	139,969,508	76,177,158	128,000,000	129,000,000

AKTIVITI JABATAN	BELANJA SEBENAR 2013 RM	PERUNTUKAN (SELEPAS VIREMEN) 2014 RM	BELANJA SEBENAR (JAN-JUN) 2014 RM	ANGGARAN 2015 RM	ANGGARAN 2016 RM
EMOLUMEN	28,983,524	34,412,182	13,929,420	33,300,951	34,700,918
PERKHIDMATAN & BEKALAN	73,760,515	78,246,223	33,096,289	78,468,028	85,527,459
ASET	2,177,342	1,654,374	473,819	4,065,020	1,507,173
PEMBERIAN & KENAAN TETAP	5,920,704	2,837,221	1,406,962	7,016,001	7,114,440
PERBELANJAAN LAIN (KSKK)	150,000	150,000	-	150,000	150,000
JUMLAH AKTIVITI MENGURUS	110,992,085	117,300,000	48,906,490	123,000,000	128,999,990
AKTIVITI PEMBANGUNAN	605,986	2,700,000	114,214	5,000,000	10
JUMLAH KESELURUHAN	111,598,071	120,000,000	49,020,704	128,000,000	129,000,000

**KERTAS UNTUK MAKLUMAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS
BIL. 7/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**MAKLUMAN MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BIL. 1/2014**

JABATAN PERANCANG BANDAR

1.0 TUJUAN

Kertas ini bertujuan memaklumkan kepada Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Ampang Jaya Bil. 7/2014 berhubung minit mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat yang telah diadakan pada 22 Mei 2014.

2.0 LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat dikehendaki dibentangkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis untuk mendapat persetujuan Ahli Mesyuarat sebelum dikemukakan kepada Urusetia NKRA Bandar Selamat (JPBD Semenanjung Malaysia) selaras dengan arahan dan juga keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Bandar Selamat Bil. 2/2010 bertarikh 1 Disember 2010.

3.0 PENUTUP

Kertas ini dikemukakan kepada Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Ampang Jaya untuk persetujuan dan makluman sebelum dikemukakan ke Unit NKRA Bandar Selamat, JPBD Semenanjung Malaysia.

Disediakan oleh :

.....
(PN. ROHANA BT MOHD NOR)

Pegawai Perancang Bandar
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Disemak oleh :

.....
(PN. ZURAINA BT SAID)

Pengarah Perancang Bandar
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Merangkap Setiausaha
Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat

Disahkan oleh :

.....
(TN. ABDUL HAMID BIN HUSSAIN)

Yang Di Pertua
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Merangkap Pengerusi
Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat

**MESYUARAT JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BIL. 1/2014**

TARIKH : 22 Mei 2014
MASA : 3.00 Petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Tingkat 16 , MPAJ

KEHADIRAN

1. Tuan Hj. Abdul Hamid Bin Hussain - Pengerusi Pemangku Yang Dipertua MPAJ
2. En. Johari bin Atli - Pemangku Setiausaha Majlis
3. Pn. Sian Keng Eng - Ahli Majlis
4. Tn. Supiramany A/L Sinnapayal - Ahli Majlis
5. Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said - Ahli Majlis
6. Pn. Hjh Wan Hasrina Bt Wan Hassan - Ahli Majlis
7. Tn. Hj Abdul Jalil Bin Hasan - Ahli Majlis
8. Tn. Mohamad Bin Samat - Ahli Majlis
9. Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis - Ahli Majlis
10. Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar - Ahli Majlis
11. Tn. Lim Fong Len - Ahli Majlis
12. Tn. Ho Ah Ngoh@Ho Tze Long - Ahli Majlis
13. Pn. Sharifah Haslizah Bt Syed Ariffin - Ahli Majlis

14. Tn. Azlan Bin Maddin - Ahli Majlis
15. Tn. Ramli Bin Md.Said - Ahli Majlis
16. Tn. Dr.Lai Fatt Sian - Ahli Majlis
17. Pn. Yogayswari A/P Ramalu - Ahli Majlis
18. Pn. Zuriani Bt Zulkifli - Agensi Anti Dadah
Kebangsaan, Ampang
19. Tn. Insp. Aizuddin Bin Kasim - PDRM, IPD Ampang
20. En. Wan Hidayat Wan Abdullah - Jabatan Kebajikan
Masyarakat, Daerah Hulu
Langat
21. Pn. Hanizawati Bt Samsuddin - Jabatan Kebajikan
Masyarakat, Daerah
Gombak
22. En. Adis Jefri Bin Abdullah - Pej. Pendidikan Daerah Hulu
Langat
23. En. Mohd Khir Bin Shafiee - Pej. Pendidikan Daerah
Gombak
24. En. Abdul Aziz - Pej. Agama Islam Gombak
25. Che. Yusuf Bin Che Mat - JKKK Kg. Tasek Permai
26. En. Saleh Bin Daud - JKKK Kg. Ampang
Campuran
27. En. Ismail Bin Cheming - JKKK Kg. Cheras Baru
28. En. Aziz Bin Ishak - JKKK Kg. Bkt. Sg. Puteh
29. En. Zuber Bin Din - Ketua Kampung, Kg. Melayu
Ampang
30. En. Subramani A/L Rengasamy - Ketua Komuniti India
Ampang

31. En. Abu Hanifah Bin Abd Rahman - Ketua Kampung, Kg. Pandan Dalam
32. En. Muniandy Murugan - JPNIN Daerah Hulu Langat
33. En. Mohd Arshad Bin Ali - Ketua Kampung, Kg. Mufti Shuib
34. Pn. Norzilawati Bt Che Anuar - Imigresen Neg. Selangor
35. En. Mohd Fairuz Erzal Bin Roslan - Imigresen Neg. Selangor
36. En. Misbah Bin Samad - Ketua Kampung, Kg. Ampang Indah
37. En. Abdul Aziz Bin Ghani - Ketua Kampung, Kg. Sri Taman Baru
38. En. Dzul Ikraam Bin Zulkifli - Wakil Pejabat Penghulu Ampang II
39. En. Rosli Bin Baharin - Sime Darby Property
40. En. Shamsul Norzaen Bin Nordin - Sime Darby Melawati Dev. Sdn. Bhd
41. Pn. Marlina Bt Mohamad - Jabatan Perlesenan, MPAJ
42. Pn. Maizatul Hanisa Bt M. Isa - Jabatan Perbendaharaan, MPAJ
43. Pn. Hasliza Bt Kamarulzaman - Jabatan Belia & Masyarakat, MPAJ
44. En. Radmil Azlie Bin Ridzwan - Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
45. En. Khairul Azmi Bin Abd Rahman - Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MPAJ
46. En. Ahmad Al Hairi Bin Mohamed Yusuf - Jabatan Bangunan & Senibina, MPAJ

- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|--|
| 47. | En. Ghazali Bin Wahab | - | Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan, MPAJ |
| 48. | En.Mohd Rizal Amry Bin Mohd Yadzi | - | Jabatan Korporat, MPAJ |
| 49. | Cik Izzati Husna Bt Ismail | - | Jabatan Perlesenan, MPAJ |
| 50. | En. Nur Izwan Hanafi Bin Zaini | - | Jab. Penguatkuasa , MPAJ |
| 51. | En. Lokman Aiman Bin Parjoo | - | Jabatan Undang-Undang, MPAJ |
| 52. | Pn. Zuraina Bt Said | - | SetiausahaMesyuarat
Jabatan Perancang Bandar |
| 53. | Pn. Rohana Bt Mohd Noor | - | Urusetia
Jabatan Perancang Bandar |
| 54. | Pn. Norliza Bt Masri | - | Urusetia
Jabatan Perancang Bandar |

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

Mesyuarat dimulakan dengan ucapan salam dan kata-kata aluan daripada Yg. Berbahagia Tuan Pengerusi Majlis kepada Ahli Majlis, wakil dari jabatan luaran dan jabatan dalaman terlibat. Untuk memberkati mesyuarat ahli mesyuarat dijemput untuk membaca surat Al Fatihah bagi yang beragama Islam manakala yang beragama selain Islam boleh berdoa mengikut cara masing-masing.

- 1.1 Tn. Pengerusi memaklumkan, mesyuarat pada kali ini merupakan Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat Bil. 1/2014. Mesyuarat terdahulu iaitu Bil. 3/2013 telah diadakan

pada 25 Oktober 2013 dan minit mesyuarat telah disahkan dalam Mesyuarat Penuh Bil. 12/2013.

- 1.2 Tuan Pengerusi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat dan juga di atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan oleh semua ahli jawatankuasa mesyuarat dan agensi terlibat sama ada dari jabatan dalaman dan agensi luaran.
- 1.3 Seterusnya beliau mengucapkan tahniah dan juga memaklumkan tentang perlantikan ahli jawatankuasa baru bagi sesi 2014 sehingga 2015 dengan sijil yang disediakan.
- 1.4 Ahli mesyuarat di maklumkan tentang anugerah yang telah diterima oleh MPAJ iaitu Anugerah Bandar Mampan 2012 sempena sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia pada 12 November yang lalu. Beliau juga memaklumkan kaedah kemampan bandar adalah diukur dengan menggunakan kaedah sistem MurniNETs di mana MPAJ memperolehi markah 92%. Markah kategori mampan adalah >80% dan sederhana mampan adalah 50% - 80%.
- 1.5 Seterusnya mesyuarat akan dibentangkan semua perincian program samada telah, sedang atau akan dilaksanakan oleh semua jabatan. Di harap semua program ini akan mencapai matlamatnya untuk mengurangkan jenayah dan memberi manfaat kepada penduduk keseluruhannya.

- 1.6 Seterusnya Tuan Pengerusi memaklumkan kepada mesyuarat bahawa sektor yang memperolehi markah rendah seperti kualiti kehidupan, di mana kes penyakit bawaan air dan vector , dan kadar jenayah, MPAJ memperolehi markah kurang mampan dan perlu diperbaiki oleh semua pihak berkaitan.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL.3/2013

- 2.1 Minit mesyuarat bil. 3/2013 bertarikh 25 Oktober 2013, disahkan dengan pindaan seperti mana dicadangkan oleh Tn. Hj. Meor Rithuan Bin Mohamed Said dan disokong oleh Tn. Suppiramany a/l Sinnapayal.

Pindaan minit mesyuarat ialah pada senarai nama kehadiran, di no. 12, Pejabat Perpaduan Hulu Langat. Pindaan juga dibuat kepada no. 18, JKKK Seri Taman Baru dan no. 23, En. Abd. Rashid Bin Saman.

3.0 PEMBENTANGAN CADANGAN LOKASI INISIATIF PEMUTIHAN BLACKSPOTS , PROGRAM BANDAR SELAMAT 2014 OLEH PENGARAH JABATAN PERANCANG BANDAR,MPAJ.

- 3.1 Pn. Zuraina Bt Said, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPAJ membentangkan beberapa lokasi yang telah dikenalpasti untuk dilaksanakan program pemutihan *blackspot* 2014 iaitu;
- a) Taman Melawati / Taman Permata
 - b) Taman Mulia Jaya / Kg. Tasek Permai / Kg. Ampang Indah

- c) Taman Cahaya / Tmn. Cahaya Indah / Tmn. Pandan Cahaya / Tmn. Ampang Mewah.

3.2 Pn. Zuraina Bt Said menerangkan kriteria pemilihan lokasi adalah berdasarkan beberapa faktor iaitu;

a) Persekitaran

- Persekitaran yang tidak terurus dan kotor;
- Bangunan/unit kosong dan bangunan terbengkalai;
- Kurang penyelenggaraan bangunan, kemudahan, infrastruktur;
- Kawasan gelap;
- Tiada kawalan akses (lorong tikus);
- Kurang pengawasan semula jadi;
- Laluan yang tidak teratur untuk rondaan pihak polis.

b) Keselamatan

- Masalah sikap dan status pendapatan; dan
- Tumpuan pendatang asing/pelajar asing, penagih dadah, mat rempit, aktiviti haram dan gangster.

c) Sosial

- Indeks jenayah
- Kurangnya kehadiran pihak polis
- Rondaan pihak polis yang tidak sistematik
- Kurang kerjasama orang awam
- *Presence victimless crime* seperti pelacuran

- Pusat perjudian, penghasilan dan penjualan CD haram.
- d) Jenis pembangunan
- Perumahan
 - Perniagaan
 - Kawasan rekreasi/kawasan lapang
 - Tempat letak kenderaan awam
 - *Kemudahan awam*
- e) Pemilikan bagi perumahan strata.
- PBT
 - Kerajaan Negeri
 - JMB/MC

3.3 Pn. Zuraina Bt Said menerangkan pemilihan 3 lokasi di atas adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan di samping merujuk kepada Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) untuk melihat statistik jenayah dan lokasi *hotspots*. Matlamat pemutihan *blackspot* adalah untuk mengurangkan rasa bimbang orang ramai menjadi mangsa jenayah.

3.4 Untuk makluman, pihak Urusetia telah menjalankan kajian sebelum dan sesudah pelaksanaan projek bandar selamat 2013. Didapati majoriti penduduk/orang ramai berpuas hati terhadap projek yang dilaksanakan.

3.5 Seterusnya memandangkan matlamat program ini adalah untuk mengurangkan rasa bimbang menjadi mangsa jenayah (*fear of becoming victim of crime*) maka ia tidak tertumpu kepada aspek pelaksanaan projek ditapak sahaja tetapi turut melibatkan program oleh agensi dan penduduk.

3.6 Cadangan program tersebut di atas telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pasukan Petugas Program Bandar Selamat, CPTED dan Inisiatif Pemutihan Blackspots pada bulan Disember 2013 di Kota Kinabalu. Walau bagaimanapun di dalam mesyuarat tersebut semua PBT telah dimaklumkan sehingga hari ini tiada butiran untuk peruntukkan Program Bandar Selamat pada tahun ini. Manakala bagi tahun 2015, Unit Perancang Ekonomi telah memperuntukkan sebanyak RM60 juta kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk pelaksanaan Program Bandar Selamat.

4.0 PELAPORAN PROGRES PROGRAM BANDAR SELAMAT DAN INISIATIF PEMUTIHAN BLACKSPOT MPAJ 2013 OLEH PIHAK AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN(AADK)

4.1 Wakil AADK memaklumkan kepada mesyuarat tentang penumpuan aktiviti atau program pada lokasi blackspot 2014 ialah Program Fasa Pemulihan Dadah – rawatan dan pemulihan penagih dadah, yang dibahagi kepada dua kategori iaitu penagih yang telah mendapat perintah mahkamah atau penagih yang secara sukarela menyerah diri.

Majoriti penagih di kawasan ini ialah mereka yang terlibat dengan heroin, ganja serta syabu. Lokasi pusat rawatan adalah terletak di AADK Daerah Ampang, Klinik C&C 1 Malaysia Sg Besi, CCSC Ampang, CCSC Maluri & CCH Kg Malaysia Raya dan NGO pula ialah Pusat Bela Insan Kg Pandan, dan Rumah Sahabat Hulu Langat.

Statistik Dadah oleh AADK 2014;

JUMLAH PENAGIH	Perintah Mahkamah (64) Sukarela (3)
JUMLAH OKP SEMASA	64 orang (Komplian :) (Tidak Komplian :)
TREND PENAGIHAN	Heroin (Taman Mulia Jaya) Heroin & Ganja (Tasik Permai) Heroin, Ganja & Syabu (Kg Ampang Indah)
SKUAD 1MALAYSIA	61 orang
ADUAN	Tiada (Sehingga 23 April 2014)
OPERASI BERSEPADU	Tiada (sehingga 23 April 2014)
JUMLAH PENAGIH	Perintah Mahkamah (64) Sukarela (3)

4.2 Mesyuarat dimaklumkan juga mulai Jun 2014 operasi akan dimulakan dan berdasarkan kepada aduan. Manakala bagi perancangan dan pelaksanaan program pihak AADK di kawasan blackspot 2014, pihak AADK akan mula menggunakan peruntukan kewangan mulai bulan Jun 2014 serentak dengan kerja-kerja operasi yang dimulakan. Program lawatan dan pemulihan akan juga melibatkan pihak polis dan penduduk di kawasan blackspot 2014 iaitu tertumpu di Kampong Ampang Indah, Taman Mulia Jaya, dan Kampung Tasik Permai.

4.3 Kadar jenayah seperti kes kecurian motosikal, ragut dan pecah masuk di kawasan ini mendatangkan rasa tidak selamat dan masyarakat beranggapan segala

permasalahan ini dilakukan oleh penagih dadah. Selain itu, dengan kemasukan warga asing mendatangkan kebimbangan kepada masyarakat setempat tentang keselamatan mereka.

4.4 Ahli Majlis Tn. Hj. Abdul Jalil Bin Hasan dan Tn. Hj. Meor Rithuan Bin Mohamed Said menyuarakan perkara yang sama iaitu meminta pihak AADK untuk membuat operasi di kawasan-kawasan perumahan dan di tempat-tempat yang agak sunyi bagi aktiviti penghidu gam yang semakin berleluasa sekarang ini dan melibatkan golongan penuntut sekolah. Begitu juga dengan isu daun ketum yang pengedarannya semakin berleluasa.

4.5 Wakil AADK memaklumkan kes hidu gam merupakan kes yang boleh diambil tindakan oleh polis atau Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana tiada peruntukkan di dalam Akta AADK untuk diambil perhatian.

***Tindakan : PDRM
AADK dan semua jabatan terlibat.***

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 En. Abdul Aziz Bin Ishak meminta pihak Penguatkuasa MPAJ mengambil tindakan terhadap penjaja roda tiga yang menjalankan urusan jual beli besi buruk yang mana peniagaanya adalah terdiri dari warga Myanmar yang selalu menyebabkan kesesakan lalu lintas berlaku.

- 5.2 Tn. Supiramany a/l Sinnapayal pula memaklumkan kepada mesyuarat bahawa kebanyakan warga Myanmar yang terlibat bagi aktiviti di atas adalah pemegang kad UNCHR dan tidak boleh didakwa oleh mana-mana pihak.
- 5.3 Tn. Mohamad Bin Samat juga memaklumkan tentang pengalaman beliau yang pernah berurusan berkaitan perkara di atas dengan pegawai yang bertanggungjawab dan perkara ini agak rumit untuk diselesaikan manakala pihak MPAJ tidak sesuai dipersalahkan di dalam perkara ini.
- 5.4 Wakil Imegresen juga memaklumkan tentang isu di atas, pihak nya juga berdepan dengan masalah kerana warga Mymyanmar yang ditangkap, mereka akan dibebaskan dalam masa 14 hari dengan jaminan pihak-pihak yang berkaitan.
- 5.5 Wakil dari Polis memaklumkan bahawa untuk kes kacau ganggu sahaja yang boleh diambil tindakan oleh Polis.
- 5.6 Pengarah Jabatan Lesen, Puan Marlina Binti Mohamad pula memaklumkan bahawa pemegang kad UNCHR ini merupakan rakyat yang terancam keselamatannya di Negara asal mereka dan mereka tidak akan kembali ke tempat asal kerana bimbang mereka akan dibunuh.
- 5.7 Tn. Ramli Bin Md. Said bertanyakan tentang dari mana peruntukkan diterima bagi program Bandar Selamat 2010. Beliau juga memberi pandangan tentang banyak kebaikan yang diterima daripada Program Bandar Selamat yang telah dijalankan sama ada dari segi keindahan dan juga keselamatan.

5.8 Pn. Zuraina Binti Said memaklumkan bahawa peruntukan bagi Program Bandar Selamat bagi tahun 2010, 2011 dan 2013 adalah diterima daripada Kementerian Dalam Negeri.

Tindakan : Jabatan Perancang Bandar dan jabatan terlibat.

6.0 PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.30 petang dengan ucapan terima kasih daripada Y.Bhg. Tuan Pengerusi kepada semua yang hadir.

Disediakan oleh :

.....
(PN. ROHANA BT MOHD NOR)

Pegawai Perancang Bandar
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

Disemak oleh :

.....
(PN. ZURAINA BT SAID)

Pemangku Pengarah Perancang Bandar
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Merangkap Setiausaha
Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat

Disahkan oleh :

.....
(TN. ABDUL HAMID BIN HUSSAIN)

Pemangku Yang Di Pertua
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Merangkap Pengerusi
Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat

5.1.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN
BIL.6/2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA KESIHATAN,
ALAM SEKITAR DAN KEMASYARAKATAN
BIL. 6/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 13 OGOS 2014

MASA : 9.30 PAGI – 11.30 PAGI

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(Timbalan Yang Dipertua, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Ramli Bin Md. Said | - | " |
| 4. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 5. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 6. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | " |
| 7. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 8. | Pn. Yogayswari a/p Ramalu | - | " |
| 9. | Tn. Azlan Bin Maddin | - | " |
| 10. | Tn. Lai Fatt Sian | - | " |
| 11. | Tn. Imran bin Selamat | - | " |
| 12. | Tn. Johari Bin Atli
(Memangku Setiausaha MPAJ) | - | " |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Pn. Syarifah Haslizah Binti Syed Ariffin | - | Ahli Majlis |
|----|--|---|-------------|

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.6/2014**

**LAPORAN JAWATANKUASA KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN
KEMASYARAKATAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil.06/2014 telah diadakan pada 13 Ogos 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 ASPEK KESIHATAN

**2.1.1 PROGRAM COMBI DAN LAPORAN DENGGI DI
SEKITAR AMPANG JAYA**

Kes denggi dilaporkan meningkat di kawasan MPAJ di mana terdapat sebanyak 2897 kes sejak minggu Epid 1 hingga minggu Epid 33 (10 Ogos 2014) tahun 2014 dan 11 demam denggi berdarah.

Empat lokasi 'hot spot' iaitu:

1. Taman Ukay Perdana (Appt Sri Baiduri) Episod 3

2. Taman Melawati (Tmn Melawati J Zon 1) Episod 2
3. Taman Keramat (AUIB Tmn Keramat Zon 4 Flat)
Episod 3
4. Pandan Perdana (Jln Perdana 2/26, 2/24, 2/22)
Episod 1

Sebanyak 118 aktiviti berkaitan pencegahan denggi (gotong royong, taklimat, ceramah, program COMBI, pameran dan operasi penguatkuasaan dan tapak bina) telah dijalankan sejak Januari hingga 10 Ogos, 2014.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.1.2. KEMPEN TANGKAP TIKUS

Mesyuarat dimaklumkan sejak Januari hingga **31 Julai 2014** sebanyak **28 lokasi** telah dijalankan aktiviti kawalan tikus menggunakan racun (racumin) di mana lubang - lubang tikus yang telah dikenal pasti telah dibubuh racun. Sebanyak **510 karkus** telah dikutip sepanjang aktiviti tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.1.3. PEMERIKSAAN KEBERSIHAN KE ATAS RESTORAN

Mesyuarat dimaklumkan sehingga Julai 2014, sebanyak **570 buah premis** makanan telah disemak di mana sebanyak **263** buah premis **gred A**, **219** buah premis **gred B** dan sebanyak **88** buah premis adalah **gred C**. Peratusan premis bersih adalah 85%.

Sebanyak 157 kompaun telah dikeluarkan. Statistik laporan adalah seperti di **Lampiran 1**. Bagi aktiviti kebersihan makanan pasar juadah dan pasaraya di bulan Ramadhan seperti **di Lampiran 2**.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.2. ASPEK ALAM SEKITAR

2.2.1. KEMPEN TONG SAMPAH

Mesyuarat dimaklumkan notis tong sampah masih lagi berterusan dengan fokus utama kepada premis-premis perniagaan. Sepanjang bulan **Julai 2014**, sebanyak **30 buah premis** perniagaan di sekitar Taman Putra, Ampang Campuran, Taman Tasik Tambahan, Taman Kosas dan Taman Melur telah dinotiskan.

Manakala bagi kawasan rumah adalah berdasarkan aduan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.2.2. PERMOHONAN TONG SAMPAH BESAR DI SIMPANG JALAN BUNGA TANJUNG 8, 8B DAN JALAN BUNGA TANJUNG 9

Mesyuarat memaklumkan perbincangan bersama YB. Tiew Way Keng pada 12 Ogos 2014 bersetuju untuk meletakkan tong sampah 'two wheel bin' di hadapan

premis-premis perniagaan. Di samping itu, Kempen Kebersihan akan dilaksanakan di kawasan Taman Muda. Aktiviti termasuk edaran risalah, gotong royong dan termasuk penutupan 1 hari Pasar Taman Muda untuk dilaksanakan kebersihan di kawasan tersebut.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.2.3. TAPAK LAMA KOLAM MEMANCING DI TAMAN KOSAS (TANAH PEMAJU METROPLEX)

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak jabatan masih dalam proses menyediakan anggaran kos untuk membantu masalah di tapak sekiranya pihak pemaju tidak dapat melaksanakan kerja-kerja pembersihan.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.2.4. PEMOTONGAN RUMPUT

Mesyuarat dimaklumkan pemotongan rumput telah dilaksanakan pada 15 Jun 2014 di kawasan lapang di sebelah Pejabat YB Tuan Azmin bin Ali dan ianya dilakukan 2 kali sebulan.

Makluman

2.2.5. PEMBERSIHAN LONGKANG

Pembersihan longkang di Jalan Besar Kuari (berhadapan Taman Mestika) dilaksanakan mengikut jadual pada 9 Ogos 2014.

Makluman

2.2.6. SAMPAH PUKAL DI JALAN ENGGANG

Kerja-kerja kutipan sampah kebun dan sampah pukal di Jalan Enggang (Zon 7) telah dilaksanakan oleh kontraktor kawasan pada 6 Ogos 2014 (Khamis). Pemantauan dan penyeliaan kawasan akan dipertingkatkan lagi bagi memastikan masalah yang sama tidak berulang.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.2.7. OPERASI TONG SAMPAH DI ZON 5

Operasi tong sampah telah dilaksanakan secara harian (hari kerja) bagi memastikan setiap premis telah mempunyai tong sampah.

Operasi tong sampah di Jalan Wangsa 2 dan 5 telah dilaksanakan pada 8 Ogos 2014 seperti berikut :

1. Jumlah premis : 19 buah
2. Jumlah notis : 4 notis
3. Premis tutup : 7 buah
4. Tempoh notis : 7 hari

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

2.2.8. PERMOHONAN TONG SAMPAH SAIZ BESAR

Mesyuarat dimaklumkan bahawa YB Tuan Haji Saari Bin Sungib bersetuju untuk membekalkan 3 buah tong sampah " two wheel bin" 240 Liter untuk diletakkan di Jalan Kolam Air, Kg Kelang Gate (berhampiran rumah ibu YB Azmin Ali)

Makluman

2.2.9. ADUAN NO.77795 MASIH TIADA TINDAKAN

Mesyuarat dimaklumkan pembersihan telah dilaksanakan pada 16 Julai 2014(sampah dan longkang). Tali kuning telah dipasang di Jalan G2 kawasan tersebut berikutan tempat tersebut menjadi kawasan buangan sampah kebun dan pokok. Pemantauan akan dilaksanakan dari masa ke semasa.

Makluman

2.2.10. AKTIVITI CUCI KERETA DI TEMPAT LETAK KERETA DI AMPANG SEKITAR POINT

Mesyuarat dimaklumkan bahawa notis pematuhan syarat telah dikeluarkan kepada pemilik Pusat Cuci Kereta FNA Services Enterprise dan pengusaha meminta tempoh dua bulan untuk melaksanakan arahan Majlis.

Ahli Majlis kawasan memohon perkara ini sepatutnya diambil tindakan segera dan pihak Jabatan diminta menyemak semula perkara tersebut.

Tindakan

Jabatan Pelesenan

SULIT

2.3. ASPEK KEMASYARAKATAN**2.3.1. KEROSAKAN PAGAR FUTSAL DI TAMAN SRI WATAN**

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja pembaikan pagar futsal di Taman Sri Watan dalam tindakan kontraktor.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.2. PEMBAIKAN PAGAR DI DEWAN LEMBAH JAYA

Mesyuarat dimaklumkan tindakan akan diambil dalam waktu terdekat bagi pembaikan pagar di Dewan Jalan 9, Lembah Jaya (bersebelahan Masjid Al-Aman).

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

2.3.3. GELANGGANG SEPAK TAKRAW

Mesyuarat dimaklumkan penyelenggaraan gelanggang takraw di Dewan Orang Ramai Taman Sri Raya masih dalam tindakan jabatan. Ahli Majlis kawasan memohon agar membaiki keperluan asas di dalam dewan tersebut terutama lampu.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

2.3.4. PEMBAIKAN PAGAR FUTSAL

Mesyuarat dimaklumkan pagar yang rosak di padang futsal Dataran Anak Muda, Jalan H, Taman Melawati telah dilaksanakan.

Makluman

2.3.5. PERMOHONAN PAGAR BESI

Mesyuarat dimaklumkan permohonan tiang pagar penghadang di padang / tempat riadah di Taman Permai Jaya sedang dalam tindakan jabatan.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.6. PAGAR HALANGAN BOLA

Mesyuarat dimaklumkan Majlis akan membaiki pagar halangan bola di tapak permainan Taman Bukit Utama 2.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.7. PERMOHONAN MEMBAIK PULIH DEWAN

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja membaik pulih Dewan Taman Rasmi Jaya dalam tindakan pihak kontraktor.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

2.3.8. POKOK BESAR DI PANGSAPURI INTAN

Mesyuarat dimaklumkan kerja-kerja penebangan pokok besar di Jalan Bukit Permai hadapan Pangsapuri Intan telah diambil tindakan pada 16 Julai 2014.

Makluman

2.3.9. MEMBINA PAGAR SEKELILING PADANG

Mesyuarat dimaklumkan pihak jabatan dalam tindakan untuk membina penghalang gol di padang belakang Dewan Komuniti Jalan Kemboja 3A, Taman Muda bagi menghalang bola keluar dan terkena kereta penduduk yang terletak di tepi jalan atau kereta yang melalui jalan berhampiran.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.10. PERMOHONAN TEBANG POKOK

Mesyuarat dimaklumkan pihak Jabatan sedang dalam menyediakan spesifikasi kerja bagi permohonan penebangan pokok di Sekolah Agama (Kafa Integrasi) Taman Melawati berhadapan International School dan belakang deretan kedai Jalan E1, Taman Melawati.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

2.3.11 POKOK KELAPA MENCECAH WAYAR ELEKTRIK

Mesyuarat dimaklumkan pokok kelapa yang terletak di persimpangan Jalan C-3M, Taman Melawati Fasa 3 adalah milik persendirian.

Makluman

2.3.12. BAIK PULIH DEWAN ORANG RAMAI JALAN J-10

Permohonan membaik pulih Dewan Orang Ramai di Jalan J-10, Taman Melawati, Fasa 6 dalam proses kelulusan fail.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

2.3.13. GARIS PANDUAN DEWAN JKP

Mesyuarat dimaklumkan garis panduan penggunaan dewan. Waktu penggunaan dewan yang dipersetujui beroperasi sehingga 11.00 malam bagi hari biasa (Isnin - Jumaat) dan sehingga 12.00 malam bagi hari hujung minggu/cuti umum (Sabtu - Ahad) dan tertakluk kepada lokasi dewan terutama yang berdekatan dengan kawasan perumahan.

Makluman

3. HAL-HAL LAIN

3.1. ASPEK ALAM SEKITAR

3.1.1. DATA TERPERINCI NTC YANG DIKELUARKAN KEPADA KONTRAKTOR

Mohon Majlis dapat memberikan data terperinci NTC yang dikeluarkan kepada kontraktor kerana kebelakangan ini sampah sering tidak diangkat terutama di Zon 5 serta lain-lain kawasan untuk makluman Ahli Majlis.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.1.2. SAPUAN JALAN DI ZON 19

Kerja-kerja penyapuan tidak dilaksanakan oleh kontraktor pembersihan iaitu di:-

- a) Di kawasan Flat Pandan Indah Jalan 3/3, kerja-kerja penyapuan tidak pernah dibuat oleh kontraktor pembersihan sampah dan banyak sampah yang bersepah-sepah.
- b) Penyapuan di taman-taman perumahan di Zon 19 amat jarang dilakukan oleh kontraktor.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2. ASPEK KEMASYARAKATAN**3.2.1. SELENGGARA POKOK-POKOK PAGAR DI SEKITAR PADANG TAMAN BUKIT UTAMA 2.**

Mohon Majlis membuat penyelenggaraan ke atas pokok-pokok pagar di sekitar Padang Taman Bukit Utama 2 bersebelahan permainan kanak-kanak.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.2.2. PENANAMAN POKOK 'BUCHIDA' DI SEKITAR JALAN WANGSA 2

Mencadangkan Majlis menanam 8 hingga 10 batang pokok 'buchida' di sekitar Jalan Wangsa 2 samada di atas tanah atau di pasu besar bagi tujuan pengindahan kawasan.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.2.3. DUSUN BANDAR DI TAMAN KOSAS

Mencadangkan supaya setelah Dusun Bandar diambilalih oleh Majlis tindakan-tindakan berikut diberi perhatian:

- a. Menanam semula mana-mana pokok yang telah mati
- b. Program gotong-royong pembersihan

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.2.4. GELANGGANG BOLA KERANJANG DI JALAN YOUTH, KAMPUNG BARU AMPANG

Mencadangkan Majlis dapat menyediakan beberapa keperluan di gelanggang bola keranjang di Jalan Youth, Kg Baru Ampang seperti berikut:

- a) Paip air ke tandas.
- b) Tambahan tempat duduk sekitar gelanggang.
- c) Bina 'wakaf' untuk berehat.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.2.5. GELANGGANG TAICHI DI JALAN JELAWAT 6

Gelanggang taichi di Jalan 6, Kampung Ampang Campuran perlu diberi perhatian dari segi keutamaan pengguna senaman taichi yang telah lama menggunakan gelanggang tersebut.

Tindakan:

Jabatan Belia & Masyarakat

3.3 LAIN-LAIN ASPEK**3.3.1. BAIK PULIH PAGAR DI JALAN WANGSA 1**

Pagar di sepanjang Jalan Wangsa 1, perlu dibaik pulih termasuk mengecat pagar tersebut kerana pagar tersebut didapati telah rosak dan uzur.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.3.2. BAIK PULIH 'POST BARRIER'

Di Jalan Wangsa 1/MMR 2 terdapat 'post barrier' yang telah rosak dan perlu dibaiki.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.3.3. GERAJ HARAM DI JALAN BUKIT PERMAI 2

Terdapat gerai haram di Jalan Bukit Permai 2 dan diusahakan oleh warga Myanmar.

Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa

**3.3.4. SAMPAH TIDAK DIKUTIP DI KAWASAN BUKIT PANDAN
BISTARI DAN MUTIARA COURT**

Kutipan sampah tidak dibuat dalam masa seminggu di kawasan Bukit Pandan Bistari dan Mutiara Court.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbang dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
20Ogos2014*

**STATISTIK PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN
MENGIKUT KATEGORI DAN GRED BAGI TAHUN 2014 SEHINGGA
31 JULAI 2014**

BIL	KATEGORI	JUMLAH KESELURUHAN PREMIS AKTIF	GRED			BIL KOMPAUN	
			A	B	C	9 (f)	47(1)(d)/ UUK 19(1)(d)
1.	RESTORAN	725	193	154	71	75	35
2.	MEDAN SELERA	158	32	23	5	15	0
3.	GERAI STATIK	91	7	15	3	6	9
4.	KANTIN	54	0	4	2	1	1
5.	UPEN	51	15	10	3	6	4
6.	BOT	82	16	13	4	1	4
JUMLAH		1161	263	219	88	104	53

$$\frac{263 (\text{Gred A}) + 219 (\text{Gred B})}{570} \times 100$$

$$= 85. \%$$

**LARORAN OPERASI PENUTUPAN PREMIS TAK SUCI BERSAMA
PEJABAT KESIHATAN DAERAH HULU LANGAT / GOMBAK
MENGIKUT KATOGERI DAN GRED SEHINGGA JULAI 2014**

BIL	TARIKH	LOKASI	BIL PREMIS DIPERIKSA	BIL PREMIS DIARAH TUTUP	BIL PREMIS KOMPAUN
1.	23.1.2014 (RABU)	RESTORAN PANDAN INDAH & TAMAN LEMBAH MAJU	99	25	0
2.	11.3.2014 (SELASA)	RESTORAN JALAN KOLAM AIR LAMA	3	0	0
		GERAI STATIK JALAN KOLAM AIR LAMA	5	1	0
3.	4.6.2014 (RABU)	BAZAR MELAWATI, TAMAN MELAWATI	12	0	0
4.	5.6.2014 (KHAMIS)	RESTORAN AMPANG POINT	20	4	0
JUMLAH			139	30	0

*** TIADA OPERASI PENUTUPAN DIJALANKAN**

**5.2.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN
DAN BINAAN TANPA IZIN
BIL.6/2014**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN
BIL.6/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 11 OGOS 2014

MASA : 9.30 PAGI - 11.11 PAGI

TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|------------------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(Pemangku YDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | " |
| 4. | Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 5. | Tn. Ho Ah Ngoh @ Ho Tze Long | - | " |
| 6. | Pn. Yogayswari a/p Ramalu | - | " |
| 7. | Tn. Ramli Bin Md. Said | - | " |
| 8. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | " |
| 9. | Tn. Imran Bin Selamat | - | " |
| 10. | Tn. Johari Bin Atli | - | Pemangku
Setiausaha |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Pn. Sharifah Haslizah Binti Syed Ariffin | - | Ahli Majlis |
|----|--|---|-------------|

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.7/2014**

**LAPORAN JAWATANKUASA PERUMAHAN, PENGURUSAN
BANGUNAN DAN BINAAN TANPA IZIN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil. 6/2014 telah diadakan pada 11 Ogos 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 BINAAN RUMAH TANPA KEBENARAN MAJLIS DI JALAN A KG PANDAN (NO.68, JALAN KEMAJUAN A, KG PANDAN BERHADAPAN KLINIK KESIHATAN DAN PERGIGIAN)

Mesyuarat dimaklumkan, pemilik rumah telah mengemukakan permohonan pelan 'as-built' di bawah program pemutihan pada 5 Ogos 2014. (Fail MPAJ.BS.KB 740-1/587/14) dan diluluskan.

Makluman

2.2 BINAAN TANPA KEBENARAN DI BAWAH REZAB TALIAN RENTIS TNB DARI KG PANDAN KE KG TASEK PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak TNB telah merobohkan struktur asal di tapak dan dalam tindakan memasang pylon di tapak.

Berhubung dengan aduan mencuri pasir di Jalan Nirwana 2, pihak Jabatan Penguatkuasa telah membuat lawatan tapak bersama Ahli Majlis kawasan pada 24 Julai 2014. Pihak kontraktor memaklumkan hanya menjalankan kerja-kerja pembersihan sahaja. Isu ini juga telah dipanjangkan ke Pejabat Daerah Hulu Langat untuk pemantauan dan tindakan lanjut.

Makluman

2.3 TAPAK KEDIAMAN DIJADIKAN TEMPAT MENJUAL KERETA TERPAKAI DI LORONG JALAN F KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, tarikh sebutan kes pertama telah ditetapkan pada 2 Oktober 2014.

**Tindakan:
Jabatan Undang-Undang**

2.4 PEMBINAAN DI CERUN DI LOT 153, LORONG 8, KG TASIK PERMAI

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah membuat draf surat akujanji tembok penahan untuk ditandatangani oleh pemilik rumah dan dalam proses semakan Jabatan Undang-Undang.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.5 GERAI TOMYAM DAN GERAI BURGER DI BAHU JALAN F KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, mesyuarat penyelarasan untuk mengambil tindakan roboh ke atas gerai tomyam dan burger yang telah diberikan notis 425 KTN akan diadakan pada 18 Ogos 2014.

Tindakan :

Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat

2.6 ISU PENEROKAAN DAN PENAMBAKKAN KAWASAN LAPANG DI JALAN 2/1 DAN 2/1B TASEK TAMBAHAN

Mesyuarat dimaklumkan, mesyuarat penyelarasan berhubung isu penerokaan di kawasan lapang di Jalan 2/1 dan 2/1B Tasek Tambahan akan dilaksanakan pada 18 Ogos 2014.

Tindakan :

Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat

2.7 STATUS BINAAN DI ATAS LOT-LOT PERSENDIRIAN DI JALAN MERDEKA (KAWASAN PERUMAHAN BARU DI SEBELAH SEK.MEN. BANDAR BARU AMPANG)

Mesyuarat dimaklumkan, hasil lawatan tapak pada 7 Julai 2014 mendapati tapak adalah zon perniagaan mengikut Rancangan Tempatan MPAJ (BPK 2.2). Terdapat 53 lot yang mengandungi bengkel kereta, kedai 'hardware', used car, kedai runcit, barang terpakai dan kediaman di tapak tersebut.

Untuk mengatasi masalah di tapak, Majlis diminta untuk memantau kawasan tersebut dan perancangan selanjutnya dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC.

Makluman

2.8 RUMAH NO. 2, JALAN 9, TAMAN PUTRA DIJADIKAN STOR

Mesyuarat dimaklumkan, tarikh sebutan kes pertama telah ditetapkan pada 2 Oktober 2014.

Tindakan :

Jabatan Undang-Undang

2.9 5 KELUARGA MYANMAR DI KAWASAN BINAAN TANPA IZIN DI BAWAH RINTISAN TNB DI PANDAN JAYA UTARA

Mesyuarat dimaklumkan, isu ini masih dalam tindakan TNB. Sehingga kini pihak jabatan masih menunggu maklumbalas daripada pihak TNB.

Tindakan:

Jabatan Perancang Bandar

2.10 KILANG HARAM DI JALAN TERATAI 1/9B, TAMAN BUKIT TERATAI

Mesyuarat dimaklumkan, kerja-kerja pembersihan di tapak telah dilaksanakan pada 5 Ogos 2014. Sebanyak 9 batang pokok Buchida telah ditanam di kawasan tersebut.

Makluman

2.11 GANTIAN SURAU BARU DI LORONG PANDAN TAMBAHAN 1 YANG DIROBOHKAN UNTUK PROJEK SRI PINANG VILLA

Mesyuarat dimaklumkan, hasil lawatan tapak pada 3 Julai 2014 mendapati kerja-kerja pembinaan surau telah dimulakan. Pemaju memaklumkan penduduk setempat membina sendiri surau tersebut. Pihak Jabatan memaklumkan status tapak adalah sebahagian rezab jalan dan kawasan lapang dalam kawasan flat. Memandangkan pembinaan telah hampir siap, mesyuarat memutuskan supaya Jabatan Teknikal dapat menyelesaikan perkara tersebut dengan sebaiknya.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

2.12 GERAI MAKAN DI DALAM KAWASAN FLAT SERI DAGANG, TAMAN DAGANG (SEBELAH DEWAN ORANG RAMAI)

Mesyuarat dimaklumkan, penyelarasan bersama YB. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad akan dibuat dalam masa terdekat.

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

2.13 AKTIVITI DI BAWAH 'FLYOVER' KG PANDAN

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah menawarkan dua penjaja di bawah 'flyover' tersebut ke Medan Selera Angsana Hilir. Sehingga kini pihak jabatan masih menunggu maklumbalas penerimaan.

Tindakan :

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

2.14 UBAHSUAI DALAMAN DI KETAPANG VILLA, TAMAN NIRWANA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak pemaju telah bersetuju untuk menanggalkan serta mengembalikan kepada keadaan asal. Pihak jabatan memberi tempoh 3 bulan sehingga September ini untuk pemaju menyelesaikan isu ini. Tarikh tamat tempoh adalah pada 6 September 2014.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

2.15 CADANGAN MEMBINA PASAR, PARKING DAN KONDOMINIUM BERTINGKAT DI TAMAN MUDA

Mesyuarat dimaklumkan, perbincangan bersama YB Tiew Way Keng akan diadakan pada akhir bulan Ogos 2014 berkenaan cadangan untuk dibangunkan pasar dan tempat letak kereta bertingkat di atas tapak BOT dan tanah persendirian bersebelahan.

Tindakan :

Jabatan Perancang Bandar

2.16 PENAMBAHAN DI BAHAGIAN BELAKANG GERAI PLB, TAMAN SRI RAYA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan masih dalam proses semakan dan bancian ke atas semua penjaja PLB. Penyelarasan bersama jabatan teknikal yang berkaitan akan dilaksanakan selepas semakan dan bancian penjaja PLB selesai.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaraan & Kesihatan

2.17 KES BINAAN RUMAH YANG TIADA ANJAKAN DI BAYU MAS

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah pun memaklumkan justifikasi mengenakan kompaun maksimum tersebut kepada pemilik pada 4 Ogos 2014 dan sehingga kini masih belum menerima sebarang maklumbalas dari pemilik rumah.

Tindakan :

Jabatan Undang-Undang

2.18 STATUS PEMBINAAN DEWAN DI PADANG TAMAN DAGANG FASA 2A

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah membuat semakan dan notis pengosongan telah dikeluarkan dalam tempoh 14 hari. Tindakan perobohan akan dilaksanakan selepas Hari Raya Aidilfitri.

Mesyuarat dimaklumkan juga setelah perobohan dibuat, Majlis akan mengekalkan lantai dewan untuk kegunaan masyarakat bagi gelanggang futsal.

Tindakan :

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta**2.19 STATUS GERAI MAKANAN DI JALAN BUNGA MAWAR 2, JALAN BUNGA TANJUNG 10 DAN 10A, TAMAN MUDA**

Mesyuarat dimaklumkan, perjumpaan bersama penjaja akan diadakan pada 14 Ogos 2014 bagi membincangkan penyusunan gerai-gerai terbabit agar lebih teratur dan kemas. Keseluruhan penjaja yang telah dibanci adalah seramai 44 orang.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaraan & Kesihatan**2.20 RUMAH USANG DI LEMBAH JAYA SELATAN (JALAN BESAR LEMBAH JAYA SELATAN)**

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan akan mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat pada 18 Ogos 2014.

Tindakan :

**Jabatan Penguatkuasa/
Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat****2.21 LOT TEMPAT LETAK KERETA DI HADAPAN BLOK 4 FLAT DESA LEMBAH PERMAI**

Mesyuarat dimaklumkan, perbincangan lanjut akan dilaksanakan bersama pihak COB dan JMB bagi

mengalihkan tempat letak motosikal di bahagian tepi ke bahagian hadapan bagi mengelakan kecurian motosikal.

Makluman

2.22 CADANGAN MEMBINA GERAI KECIL DI JALAN LEMBAH JAYA SELATAN

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan akan mengadakan perbincangan dengan jabatan teknikal MPAJ berhubung cadangan rekabentuk membina gerai/kiosk insitu.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan & Perbandaran Kesihatan

2.23 RUMAH-RUMAH TINGGAL DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS

Mesyuarat dimaklumkan, isu rumah-rumah tinggal di kawasan pentadbiran Majlis yang dicadangkan diambil alih oleh Majlis perlu perbincangan lanjut bersama Jabatan Undang-Undang.

Makluman

2.24 TUTUP LALUAN (TIKUS) DARI MRR2 MASUK KE JALAN FLAT TAMAN ANGSANA HILIR

Mesyuarat dimaklumkan, penghadang blok konkrit telah dipasang di laluan tersebut. Tambahan penghadang konkrit akan dipasang pada 14 Ogos 2014.

Makluman

2.25 MOHON SATU SALINAN PERJANJIAN B.O.T. LEMBAH MAJU

Mesyuarat dimaklumkan, isu ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil.7.2014 pada 25 Ogos 2014.

Makluman

2.26 PEMBINAAN RUMAH KEDAI DI JALAN MATAHARI 3, TAMAN MAJU JAYA FASA 3

Mesyuarat dimaklumkan, Kebenaran Merancang bagi projek di tapak telah diluluskan, walau bagaimanapun pihak pemaju belum mengemukakan pelan bangunan.

Makluman

2.27 MOHON ALIHKAN PAPAN TANDA 'BERHENTI' DI SUSUR JALAN PANDAN JAYA 5, PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan, kerja-kerja pengalihan papan tanda akan dilaksanakan pada 13 Ogos 2014.

Makluman

2.28 SEMAK TAPAK 'USED CAR' DI JALAN PANDAN JAYA 5, PANDAN JAYA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan telah mengeluarkan kompaun kepada pemilik 'used car' iaitu Kaitan Jaya dan Brother Auto di Pandan Jaya. Pihak jabatan telah berbincang bersama Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat dan notis akan dikeluarkan pada 13 Ogos 2014. Pemantauan akan dibuat dari masa ke semasa.

Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa

2.29 PEMBERSIHAN LONGKANG DI JALAN BUNGA TANJUNG 12, TAMAN MUDA

Mesyuarat dimaklumkan, kerja-kerja pembersihan dilaksanakan mengikut jadual. Kerja-kerja telah dilaksanakan pada 11 Ogos 2014.

Makluman

2.30 CANTASAN POKOK DI JALAN KEMBOJA 11D, TAMAN MUDA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan dalam proses lantikan kontraktor untuk kerja-kerja cantasan pokok di Jalan Kemboja 11 D, Taman Muda.

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan)

Tindakan :
Jabatan Belia & Masyarakat

2.31 CADANGAN MENANAM POKOK-POKOK BUNGA DI SEKELILING KEBOK SAMPAH AWAM

Pihak JKP 18 akan mengadakan aktiviti gotong royong dan menanam pokok bunga sebagai projek contoh pada bulan Oktober di sekeliling kebuk sampah di kawasan flat.

Makluman

2.32 PERMOHONAN PEMBERSIHAN LONGKANG DI JALAN MEWAH 4, PANDAN MEWAH (BELAKANG HOSPITAL AMPANG)

Mesyuarat dimaklumkan, kerja-kerja pembersihan dilaksanakan mengikut jadual. Kerja-kerja telah dilaksanakan pada 11 Ogos 2014.

Makluman

2.33 SEMAK STATUS PROJEK ATAS TANAH LAPANG DI JALAN 9, TAMAN DAGANG JAYA

Mesyuarat dimaklumkan, hasil semakan mendapati tiada apa-apa permohonan diterima di atas tapak tersebut. Isu ini perlu dipanjangkan ke Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat kerana melibatkan tanah kerajaan.

Tindakan :

**Jabatan Perancang Bandar/
Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat**

2.34 KERETA BURUK DI JALAN 6, TAMAN DAGANG JAYA

Mesyuarat dimaklumkan, tindakan sitaan akan dilaksanakan pada 11 Ogos 2014.

Makluman

2.35 SEMAKAN SEMULA GERAI DI ATAS MONSOON DRAIN TEPI PAGAR SEKOLAH AGAMA LEMBAH JAYA

Mesyuarat dimaklumkan, pihak jabatan akan mengadakan perbincangan bersama jabatan teknikal berhubung cadangan membina gerai/kiosk insitu.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.0 HAL-HAL LAIN**3.1 ISU SAMPAH YANG TIDAK DIKUTIP OLEH KONTRAKTOR KAWASAN KG PANDAN**

Pihak Majlis diminta menamatkan perkhidmatan kontraktor pengurusan sisa pepejal bagi kawasan Kg Pandan kerana sering mendapat aduan daripada penduduk, kontraktor tidak mengangkat sampah mengikut jadual. Keadaan ini juga berlaku menjelang musim perayaan di mana kontraktor tidak mengangkat sampah sebelum Hari Raya.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

3.2 SEMAK SAMUN DI CERUN BERSEBELAHAN TAPAK TANAH RUNTUH (BERDEKATAN TAMAN BUKIT JAYA)

Mohon Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan membersihkan kawasan semak samun di cerun bersebelahan tapak tanah runtuh (berdekatan Taman Bukit Jaya) kerana ianya menjadi laluan 'tikus' kepada suspek pecah rumah/pencuri.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan)

3.3 MOHON SEMAKAN RUMAH TERBENGKALAI DI JALAN WANGSA 9, TAMAN WANGSA UKAY

Aduan diterima daripada penduduk Jalan Wangsa 9, Taman Wangsa Ukay dan mohon Majlis membuat semakan ke atas rumah terbengkalai di Jalan Wangsa 9 kerana ada individu yang tinggal di dalam rumah tersebut.

Tindakan :

Jabatan Penguatkuasa

3.4 PEMBERSIHAN LONGKANG DI JALAN BUNGA MELUR 1,8,10,12 DAN 14 TAMAN MUDA

Aduan diterima daripada penduduk di mana pekerja-pekerja kontraktor pembersihan longkang tidak membuat kerja dengan sempurna. Pihak Majlis diminta membuat pemantauan ke atas kerja pembersihan longkang di Jalan Melur 1,8,10,12 dan 14 Taman Muda.

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan)

3.5 LONGKANG ROSAK DI SEKELILING PADANG TAMAN MUDA

Aduan email telah dibuat pada 11 Ogos 2014 berkaitan longkang rosak di sekeliling padang Taman Muda.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

3.6 LONGKANG ROSAK ANTARA JALAN BUNGA MELUR 8 DAN 10, TAMAN MUDA

Mohon pembaikan longkang antara Jalan Melur 8 dan 10, Taman Muda.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

3.7 TREK JOGGING DI PADANG JALAN 19, TAMAN PUTRA

Trek jogging di sekeliling padang Jalan 19, Taman Putra tidak disediakan sepenuhnya.

Tindakan :

Jabatan Belia & Masyarakat

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan)

3.8 MOHON SEMAKAN UBAHSUAI DI JALAN BUNGA CEMPAKA 2, TAMAN MUDA

Mohon semakan ke atas kerja-kerja ubahsuai terutama di kawasan parking di rumah pangsa Jalan Bunga Cempaka 2, Taman Muda mempunyai permit atau tidak.

Tindakan :

Jabatan Bangunan & Senibina

3.9 SEMAKAN STATUS PARKING KAWASAN LAPANG DI BELAKANG JALAN 3/1 TAMAN LEMBAH MAJU

Semakan ke atas kawasan tanah lapang di belakang Jalan 3/1, Taman Lembah Maju di mana pihak Majlis pernah mengambil tindakan ke atas ternakan ayam haram dan kini kawasan tersebut telah menjadi kawasan tempat letak kenderaan iaitu bas-bas sekolah dan kilang samada kawasan tersebut disewa dari Majlis atau sebaliknya. Jika sebaliknya mohon pihak Majlis mengeluarkan kompaun kepada pemilik-pemilik bas tersebut.

Tindakan :

**Jabatan Perancang Bandar/
Jabatan Penguatkuasa**

4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
14OGOS2014

5.3.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KEWANGAN DAN TAKSIRAN BIL.7/2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN
BIL.7/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 15 OGOS 2014

MASA : 3.00 PETANG - 4.27 PETANG

**TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ**

KEHADIRAN

- | | | | |
|----|--|---|------------------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(Pemangku YDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 3. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | '' |
| 4. | Pn. Sian Keng Eng | - | '' |
| 5. | Tn. Ho Ah Ngoh | - | '' |
| 6. | Tn. Ramli Bin Md. Said | - | '' |
| 7. | Tn. Johari Bin Atli | - | Pemangku
Setiausaha |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|-------------------------------|---|-------------|
| 1. | Tn. Ahmad Sabri Bin Abu Bakar | - | Ahli Majlis |
| 2. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | '' |

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.7/2014**

LAPORAN JAWATANKUASA KEWANGAN DAN TAKSIRAN

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran Bil.7/2014 telah diadakan pada 15 Ogos 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

**2.1. LAPORAN ANALISA KUTIPAN CUKAI DAN TUNGGAKAN CUKAI
TAKSIRAN DARI 1 JANUARI 2014 SEHINGGA 31 JULAI 2014**

2.1.1. Mesyuarat dimaklumkan prestasi kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai taksiran. Bil cukai taksiran yang sepatutnya dikutip bagi tempoh Januari – Disember 2014 ialah sebanyak RM94.15juta dan tunggakan cukai sebanyak RM14.10juta dengan jumlah bil yang dikeluarkan 336,255 bil bagi tempoh penggal dua (2) dalam tahun 2014.

2.1.2. Secara keseluruhannya kutipan hasil cukai taksiran dari 1 Januari 2014 sehingga 31 Julai 2014 ialah sebanyak RM62.48juta. Pencapaian kutipan semasa

cukai taksiran adalah RM53.05juta; 56.34% dan kutipan tunggakan cukai taksiran adalah RM9.43juta; 66.86%.

2.1.3. Pelan Tindakan Jabatan bagi meningkatkan prestasi kutipan adalah berterusan dan komited seperti berikut:

- a) Pelaksanaan kaunter bergerak dan notis tuntutan mengikut Zon Ampang dan Zon Hulu Kelang dengan kaedah dari rumah ke rumah pemegang harta.
- b) Pembukaan kaunter Menara MPAJ dan Pejabat Cawangan Melawati pada setiap Sabtu pada Bulan Januari, Februari, Julai, Ogos dan Disember serta setiap hari Ahad di Menara MPAJ sahaja pada bulan Februari dan Ogos setiap tahun.
- c) Pembukaan kaunter Pandu Lalu pada Bulan Februari dan Ogos setiap tahun.
- d) Kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah dan Daerah seluruh Negeri Selangor dalam memudahkan urusan pembayaran bil Cukai Taksiran dengan penerimaan bayaran di semua PBT dan PTD Selangor.
- e) Pembukaan kaunter kutipan di pasaraya sekitar Ampang Jaya pada 15 Februari hingga 28/29 Februari dan 15 Ogos hingga 31 Ogos setiap

tahun untuk kemudahan orang ramai di luar waktu pejabat.

- f) Penyediaan mesin pembayaran dan semakan cukai taksiran 24 jam (kiosk) di Menara MPAJ dan gerbang pembayaran elektronik (*payment gateway & e-banking*) melalui bank yang telah dilantik oleh Majlis.
- g) Menyediakan sistem komuniti pintar ICOMM (MPAJ *Intelligent Community System*) bagi memudahkan urusan semakan, pertanyaan akaun dan pembayaran.
- h) Pemberitahuan promosi dan lokasi kaunter bergerak melalui banner di jalan utama, papantanda elektronik di Ampang Point dan memaklumkan aktiviti dan kewajipan membayar cukai melalui media
- i) Menubuhkan Unit Taskforce Tunggakan Cukai Taksiran bermula 18 Januari 2010. Unit ini memantau serta membuat tuntutan tunggakan Cukai Taksiran ke atas pemilik individu dan syarikat tegar.
- j) Membuat tuntutan civil melalui firma guaman dilantik kepada pemilik atau syarikat yang tegar melunaskan tunggakan cukai taksiran.
- k) Menyengaraihitamkan pemilik tegar yang gagal menjelaskan tunggakan Cukai Taksiran ke

Convergent Technologies Operating System (CTOS).

- l) Mendapatkan perintah mahkamah dan memasukkan kaveat pendaftar di atas bagi proses lelongan di bawah Seksyen 151, Akta Kerajaan Tempatan 1976.
- m) Menjalankan kajian secara berterusan ke atas pelaksanaan operasi kutipan oleh PBT dan agensi kerajaan yang lain bagi mengemaskini dan mendapatkan kaedah terbaik meningkatkan prestasi kutipan.

2.1.4. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum Laporan Analisa Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran dari 1 Januari 2014 sehingga 31 Julai 2014.**

2.2. LAPORAN ANALISA PRESTASI PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2014 DARI 1 JANUARI 2014 SEHINGGA 31 JULAI 2014

2.2.1. Mesyuarat dimaklumkan perbelanjaan Majlis bagi tahun 2014 dari 1 Januari 2014 hingga 31 Julai 2014.

2.2.2. Peruntukan bajet mengurus tahun 2014 adalah sebanyak RM117.30juta dengan perbelanjaan RM60.38juta atau 51.48% daripada peruntukan yang telah diluluskan. Manakala bajet pembangunan telah dibelanjakan sebanyak RM244ribu atau 9.06% daripada peruntukan berjumlah RM2.70juta bagi tahun 2014.

- 2.2.3. Peruntukan khas yang diterima oleh Majlis hingga 31 Julai 2014 berjumlah RM53.24juta dengan perbelanjaan RM33.85juta atau 63.58%. Peruntukan khas yang telah diterima namun masih belum dibelanjakan hingga 31 Julai 2014 berjumlah RM142ribu.
- 2.2.4. Peratus patut belanja Majlis sehingga 31 Julai 2014 adalah 58.33% manakala peratus belanja sebenar adalah 50.52%. Perbandingan Majlis kurang peratus patut belanja sebanyak 7.81%. (Formula : $100/12 \text{ bulan} \times 7 \text{ bulan (Jan-Julai)}$).
- 2.2.5. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum Laporan Analisa Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2014 dari 1 Januari 2014 sehingga 31 Julai 2014.**

2.3. LAPORAN PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2014 DARI 1 JANUARI 2014 HINGGA 31 JULAI 2014

- 2.3.1. Mesyuarat dimaklumkan penyata pendapatan dan perbelanjaan Majlis bagi tahun 2014 hingga 31 Julai 2014.
- 2.3.2. Pendapatan bagi hasil cukai adalah sebanyak RM62.48juta dan pendapatan bagi hasil bukan cukai adalah sebanyak RM13.88juta. Jumlah pendapatan bagi hasil cukai dan hasil bukan cukai Majlis sehingga 31 Julai 2014 berjumlah RM76.36juta. Perbelanjaan Majlis sehingga 31 Julai 2014 berjumlah RM60.63juta.

Lebih pendapatan Majlis sehingga 31 Julai 2014 berjumlah RM15.73juta.

2.3.3. Laporan simpanan tetap sehingga 31 Julai 2014 adalah sebanyak RM73juta dan telah ditetapkan sebagai komitmen perbelanjaan Majlis.

2.3.4. Mesyuarat **mengambil maklum Laporan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dari 1 Januari 2014 hingga 31 Julai 2014.**

2.4. CADANGAN KERJA-KERJA SEGERA PENYELENGGARAAN CERUN DI LOT 12545, TAMAN BUKIT PERMAI, MUKIM AMPANG, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN

2.4.1. Mesyuarat dikemukakan kerja kecemasan yang telah dilaksanakan yang melebihi RM20,000.00. Pihak Majlis telah menerima aduan daripada pihak SYABAS berkaitan hakisan tanah di kawasan laluan paip air SYABAS.

2.4.2. Hasil daripada semakan, hakisan yang berlaku adalah di dalam tanah Lot 27387 yang merupakan kawasan lapang dan kegagalan adalah berpunca pokok tumbang serta permukaan cerun telah terdedah menyebabkan hakisan berlaku.

2.4.3. Kawasan hakisan ini terdapat laluan paip SYABAS di mana memberikan faktor gegaran kepada permukaan cerun serta menjadi sebahagian punca kepada berlakunya hakisan seperti ini.

2.4.4. Majlis telah mengambil tindakan melantik kontraktor Afijaya Enterprise untuk menjalankan kerja berasaskan peruntukan Seksyen 30, AKTA 171.

2.4.5. Mesyuarat **bersetuju kerja-kerja segera penyelenggaraan cerun di Lot 12545, Taman Bukit Permai, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan dilaksanakan oleh Syarikat Afijaya Enterprise dengan kos RM40,000.00.**

2.5. KERJA-KERJA MEMBAIKI HAKISAN CERUN DI LOT 18198, KAMPUNG KEMENSAH, HULU KELANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

2.5.1. Mesyuarat dikemukakan kerja kecemasan yang telah dilaksanakan yang melebihi RM20,000.00. Pihak Majlis telah menerima aduan melalui pemilik rumah Lot 18198 Kg. Kemensah berkaitan hakisan tanah dan runtuhannya tembok pagar.

2.5.2. Hakisan yang berlaku adalah di dalam tanah Lot 18198 yang merupakan tanah hakmilik individu dan kegagalan adalah berpunca daripada pembinaan tembok pagar yang tidak mengikut spesifikasi dan jenis tembok yang tidak sesuai untuk berfungsi sebagai tembok penahan tanah. Terdapat jalan awam berada di dalam sebahagian tanah Lot 18198 di bahagian atas cerun yang digunakan sebagai laluan utama penduduk Kg. Kemensah.

- 2.5.3. Pihak jabatan telah mengeluarkan Notis Arahan Tindakan membaikpulih kegagalan cerun tersebut kepada pemilik tanah pada 08hb. Mei 2014. Susulan daripada itu, pemilik tanah telah membuat rayuan kepada Y.B ADUN Hulu Kelang Y.B Saari Sungib untuk permohonan bantuan agar kerja-kerja membaikpulih dilakukan oleh pihak MPAJ kerana tidak mampu menanggung kos pembaikan dan jalanraya yang berada di dalam tanah beliau digunakan oleh orang awam.
- 2.5.4. Pihak MPAJ bersetuju untuk membantu melaksanakan kerja-kerja membaikpulih demi kepentingan awam dengan syarat selepas pembaikan dilakukan, kawasan serta jalan tersebut tidak boleh dituntut dan kekal menjadi kegunaan awam.
- 2.5.5. Majlis telah mengambil tindakan melantik kontraktor AJ Jati Enterprise untuk menjalankan kerja berasaskan peruntukan Seksyen 30, AKTA 171.
- 2.5.6. Mesyuarat **bersetuju kerja-kerja membaiki hakisan cerun di Lot 18198, Kampung Kemensah, Hulu Kelang, Selangor Darul Ehsan dilaksanakan oleh Syarikat AJ Jati Enterprise dengan kos RM38,480.00.**

2.6. LAPORAN JAWATANKUASA KECIL TASK FORCE TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN JANUARI HINGGA JULAI 2014.

2.6.1. Mesyuarat dikemukakan laporan prestasi dan pencapaian Jawatankuasa Kecil Taskforce Tunggakan Cukai Taksiran (Jawatankuasa Kecil) daripada Januari hingga Julai 2014.

2.6.2. Mekanisma yang telah digunakan dalam penyelesaian tunggakan cukai taksiran oleh Unit Tunggakan Cukai Taksiran (UTCT) adalah seperti berikut :

2.6.2.1. Penghantaran notis peringatan yang dikeluarkan oleh UTCT kepada individu dan syarikat;

2.6.2.2. Perbincangan untuk menjelaskan tunggakan cukai taksiran secara ansuran atau kontra dengan harta (bangunan ataupun kenderaan).

2.6.2.3. Tindakan CTOS;

2.6.2.4. Tindakan sitaan;

2.6.2.5. Tindakan Undang-Undang di bawah **Seksyen 151, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 133)**;

2.6.2.6. Tindakan Undang-Undang di bawah **Seksyen 218, Akta Syarikat 1956 (Akta 125)**; dan

2.6.2.7. Pihak Majlis telah memfailkan 'Proof of Debt'.

2.6.3. Hasil dari tindakan penyelesaian yang diambil, pencapaian adalah seperti berikut :

2.6.3.1. **Penghantaran notis peringatan** oleh UTCT dari tahun 2010 sehingga ke Julai 2014 adalah sebanyak **104,174 keping** dan **jumlah tunggakan yang dapat dikutip adalah sebanyak RM 2, 274,124.26.**

2.6.3.2. Melalui tindakan UTCT dari tahun 2010 sehingga Julai 2014, bagi **100 individu** sebanyak **RM 1,721,476.67 berjaya dikutip.**

2.6.3.3. Melalui tindakan ke atas **50 pemaju/syarikat** dari tahun 2010 sehingga Julai 2014, sebanyak **RM 18,714, 965.45 berjaya dikutip.**

2.6.3.4. Menerusi tindakan CTOS, **1 nama individu** telah dimasukkan ke dalam **Sistem CTOS.** UTCT melaporkan **individu tersebut telah menjelaskan tunggakan cukai taksiran.**

2.6.3.5. Menerusi tindakan di bawah peruntukan **Seksyen 151, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 133), pihak Majlis telah menerima sebahagian tunggakan cukai taksiran berjumlah RM 400,000.00** bagi kes Choo Lim Cheong.

2.6.3.6. Menerusi tindakan di bawah peruntukan **Seksyen 218, Akta Syarikat 1956 (Akta 125),** peguam yang dilantik telah mengemukakan notis tuntutan dan memfailkan 'Proof of Debt' ke atas syarikat yang tidak menjelaskan tunggakan cukai taksiran.

2.6.3.7. **Sebanyak 14 syarikat telah dikemukakan Notis Tuntutan dan 17 syarikat telah difailkan Bukti Hutang. Sebanyak 5 syarikat telah membuat bayaran secara ansuran dan 3 syarikat telah menyelesaikan bayaran sepenuhnya.**

2.6.4. Sehubungan dengan pencapaian yang dicapai, Jawatankuasa mencadangkan beberapa syor seperti berikut:

- a) **Memberikan insentif** kepada individu/pemaju/syarikat yang menjelaskan tunggakan cukai taksiran awal dan bayaran cukai 'advance'. Insentif adalah seperti diskaun, rebat, penghargaan/balasan dan cabutan bertuah. Insentif juga dicadangkan diberi kepada UTCT kerana berjaya dalam tindakan penyelesaian tunggakan cukai taksiran.
- b) Mengadakan **kempen** seperti Kempen Bayaran Tunggakan Cukai Taksiran dan Kempen Pengurangan Denda Cukai Taksiran.
- c) **Penguatkuasaan** ke atas **Borang I** bagi pertukaran nama pemilik, berdasarkan peruntukan subseksyen 160 (1), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
- d) Data tunggakan cukai taksiran diselaraskan mengikut kategori harta.

2.6.5. Mesyuarat menerima laporan prestasi dan pencapaian Jawatankuasa Kecil Task Force Tunggakan Cukai Taksiran daripada Januari hingga Julai 2014 dan **bersetuju** dengan cadangan yang disyorkan **seperti di perkara 2.6.4. kecuali bagi pembayaran insentif, Tuan Pengerusi meminta Jawatankuasa menyediakan justifikasi dan mekanisme pemberian insentif (SOP) seperti yang dicadangkan.**

2.7. KERTAS MAKLUMAN PRESTASI KUTIPAN PASAR MALAM DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA BAGI TAHUN 2013 DAN 2014 (JULAI 2014)

2.7.1. Mesyuarat dikemukakan makluman prestasi kutipan pasar malam di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tahun 2013 dan 2014 (Julai 2014).

2.7.2. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan di Bahagian Penjaja bertanggungjawab dalam memantau dan melesenkan penjaja di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.7.3. Sehingga kini seramai 3542 peniaga berlesen yang berniaga di pasar malam. Sebanyak 27 lokasi pasar malam dengan 34 kekerapan seminggu atau 136 kali sebulan beroperasi di kawasan MPAJ.

2.7.4. Prestasi kutipan pasar malam bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM 1,186,992.00 dan prestasi kutipan pasar

malam bagi tahun 2014 sehingga bulan Julai 2014 adalah RM 715,836.00.

2.7.5. Mesyuarat **bersetuju dan mengambil maklum laporan prestasi kutipan pasar malam di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi tahun 2013 dan 2014 (Julai 2014). Mesyuarat juga meminta disediakan laporan pengurusan keseluruhan pasar malam pada mesyuarat akan datang.**

2.8. KERTAS PERTIMBANGAN DAN MAKLUMAN MENGENAI TAMBAHAN KAWASAN BAGI PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN AWAM DAN PERKHIDMATAN SISA PEPEJAL PREMIS KEDIAMAN YANG TELAH DIKENAKAN CUKAI TAKSIRAN OLEH MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.8.1. Mesyuarat dimaklumkan pertambahan kawasan bagi perkhidmatan pembersihan awam dan perkhidmatan sisa pepejal premis kediaman yang telah dikenakan cukai taksiran oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.8.2. Kawasan-kawasan yang terlibat untuk Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal (PPSP) adalah seperti berikut:

BIL	TAMAN	JENIS HARTA	UNIT	PEMAJU
1.	Taman Dagang Permai	• Kedai Pejabat 2 tingkat	12	• Panji Properties Sdn Bhd
2.	Taman Dagang Permai	• Pusat Sukan & Pameran	1	• Destar Nurani (M) Sdn Bhd

3.	Taman Dagang Jaya	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Pameran & Penyimpanan 	1	<ul style="list-style-type: none"> • Mun Xin Sdn Bhd
4.	Taman Saga	<ul style="list-style-type: none"> • Rumah Pangsa Kos Rendah 13 Tingkat (kediaman) • Rumah Pangsa Kos Rendah 13 Tingkat (Perniagaan) 	468 9	<ul style="list-style-type: none"> • Tegas Sejati Sdn Bhd
5.	Taman Perwira 2	<ul style="list-style-type: none"> • Rumah Sesebuah 3 Tingkat 	3	<ul style="list-style-type: none"> • RL & L Pemaju Sdn Bhd
6.	Taman Bukit Permai	<ul style="list-style-type: none"> • Rumah Teres Mewah 2 ½ Tingkat • Tanah Kosong (perniagaan) 	18 1	<ul style="list-style-type: none"> • Perkuat Kuari Sdn Bhd
7.	Taman Kontur Kemensah	<ul style="list-style-type: none"> • Rumah Courtyard • Rumah Kelab 	41 1	<ul style="list-style-type: none"> • Damansara Residence Sdn Bhd
8.	Taman Ukay Bistari	<ul style="list-style-type: none"> • Rumah Teres 2 Tingkat 	154	<ul style="list-style-type: none"> • Platinum 88 Sdn Bhd
9.	Taman Sri Ukay	<ul style="list-style-type: none"> • Rumah Sesebuah 2 Tingkat 	1	<ul style="list-style-type: none"> • Mohd Yunus bin Abd Karim
10.	Taman Ukay Heights	<ul style="list-style-type: none"> • Rumah Sesebuah 2 Tingkat 	1	<ul style="list-style-type: none"> • Steven Ronald Clayton & Shun Clayton
11.	Taman Hulu Kelang	<ul style="list-style-type: none"> • Rumah Sesebuah 2 Tingkat 	1	<ul style="list-style-type: none"> • Osman bin Ngah & Sharifah Laily bt Mohd Al Haddad
12.	Taman Tun Abdul Razak	<ul style="list-style-type: none"> • Rumah Sesebuah 2 Tingkat • Rumah Sesebuah 3 Tingkat 	1 1	<ul style="list-style-type: none"> • Godfrey Loh Kok Meng & Kam Soo Poh • Jivarajan A/L Sathasivam

13.	Taman Hill View	<ul style="list-style-type: none"> • Rumah Sesebuah 3 Tingkat 	1	<ul style="list-style-type: none"> • Wong Kim Teck
-----	-----------------	--	---	---

2.8.3. Kawasan yang terlibat untuk Perkhidmatan Pembersihan Awam (PPA) adalah seperti berikut :

a) Dusun Bandar, Taman Kosas.

2.8.4. Perbelanjaan **tambahan bagi Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal (PPSP) berjumlah RM64,445.21.** Manakala **perbelanjaan tambahan bagi Perkhidmatan Pembersihan Awam berjumlah RM1,200.00.**

2.8.5. Perkhidmatan Pembersihan Awam (PPA) dan Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal ini diserahkan kepada kontraktor kawasan sedia ada, yang premis perniagaan dan kediaman terletak di dalam kawasan perkhidmatan mereka sehingga tamat kontrak.

2.8.6. Mesyuarat **bersetuju dengan penambahan perkhidmatan pembersihan awam dan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dengan perbelanjaan tambahan sebulan yang terlibat berjumlah RM65,645.21 berkuatkuasa pada 1 Ogos 2014.** Manakala bagi kerja-kerja PPA di Dusun Bandar, Taman Kosas pelaksanaan bergantung kepada serahan daripada Jabatan Belia dan Masyarakat.

2.9. MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL MENDENGAR BANTAHAN CUKAI TAKSIRAN BIL.2/2014

2.9.1. Mesyuarat dikemukakan mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Mendengar Bantahan Cukai Taksiran yang telah bersidang pada 22 Julai 2014.

2.9.2. Mesyuarat ini diadakan selaras dengan peruntukkan Seksyen 144, Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang memerlukan Majlis mendengar, meneliti dan menimbangkan setiap bantahan yang dikemukakan dari **pihak yang terkilan (pemilik)** keatas cukai yang ditetapkan.

2.9.3. Sebanyak **1,584 unit pegangan** dengan jumlah cukai sebanyak **RM716,629.93 setahun** merangkumi keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis terlibat dengan **Pindaan Senarai Nilai berkuatkuasa 1 Julai 2014.**

2.9.4. Selaras dengan Seksyen 142, Akta Kerajaan Tempatan 1976 bantahan Cukai Taksiran yang diterima adalah sebanyak **9 kawasan** melibatkan seramai **27 orang pembantah** seperti jadual dibawah :

Bil	Taman	Pembantah
1.	Taman Saga	8
2.	Taman Bukit Permai	8
3.	Taman Ukay Bistari	5

4.	Taman Dagang Jaya	1
5.	Taman Pandan Bistari	1
6.	Taman Sierra Ukay	1
7.	Taman Nadayu	1
8.	Taman Melawati	1
9.	Taman Tun Abdul Razak	1
Jumlah		27

2.9.6. Mesyuarat **bersejua menerima laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Mendengar Bantahan Cukai Taksiran Bil.2/2014.**

3. MESYUARAT TURUT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERIKUT :-

3.1. STATUS PEMBINAAN DEWAN ORANG RAMAI TAMAN UKAY PERDANA

Mesyuarat dimaklumkan, peratus pembinaan telah meliputi 65%. Pihak kontraktor diluluskan lewat '*Extension Of Time*' (EOT) dalam tempoh 2 bulan sehingga struktur siap dan serahan kepada Majlis. Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan mohon disediakan 'air cond' di dewan tersebut.

Tindakan :

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.2. LOT PARKING DI KAWASAN-KAWASAN BARU

Mesyuarat dimaklumkan, masih tiada maklumbalas daripada Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd.

Tindakan :

3.3. MAKLUMAT PENGOPERASIAN CCTV DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Mesyuarat dimaklumkan, 35 unit CCTV telah beroperasi di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya daripada 58 unit CCTV.

Makluman

4. HAL-HAL LAIN

4.1. LONGKANG TERSUMBAT

Pembersihan longkang tersumbat di kawasan tersebut :

- a) Jalan UP1, Taman Ukay Perdana
- b) Tebing Padang, Spring Ville
- c) Jalan AU5C/8,9 dan 10, Lembah Keramat (kawasan sekitar surau)

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan)

Tindakan :

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan

4.2. LONGKANG ROBOH DAN ROSAK DI JALAN AU 3/16, TAMAN KERAMAT

Mohon pembaikan longkang di Jalan AU 3/16, Taman Keramat.

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam)

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

4.3. GERAI HARAM DI JALAN UP 1 DAN UP 2, UKAY PERDANA

Terdapat penambahan sebuah gerai ayam golek di kawasan Balai Polis di Jalan UP 1 dan di Jalan UP 2, Ukay Perdana simpang masuk ke Sri Impian terdapat menambah struktur gerai yang menyebabkan kesesakan lalu lintas.

(Minit dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Binaan Tanpa Izin)

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan**

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Taksiran.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusefia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
22Ogos2014

5.4.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM
BIL.6/2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR
DAN KEMUDAHAN AWAM
BIL.6/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 12 OGOS 2014
MASA : 9.30 PAGI - 11.44 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | |
|---|---|------------------------|
| 1. Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(TYDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 3. Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 4. Tn. Lim Fong Len | - | " |
| 5. Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 6. Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 7. Tn. Mohamad Bin Samat | - | " |
| 8. Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 9. Pn. Sharifah Haslizah Binti Syed Ariffin | - | " |
| 10. Tn. Azlan Bin Maddin | - | " |
| 11. Tn. Johari Bin Atli | - | Pemangku
Setiausaha |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | |
|-------------------------------------|---|-------------|
| 1. Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | Ahli Majlis |
|-------------------------------------|---|-------------|

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL 07/2014**

**LAPORAN JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR
DAN KEMUDAHAN AWAM**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil. 06/2014 telah diadakan pada 12 Ogos 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1. PENYELENGGARAAN SUNGAI KONGSI 8

Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan Sungai Kongsi 8 di Taman TAR dalam tindakan pihak kontraktor dan dijangka siap pada hujung tahun ini.

**Tindakan:
JPS Gombak**

2.2. TEBING RUNTUH

Kerja - kerja pembaikan tebing runtuh (monsoon drain) di Jalan Enggang 13 telah diluluskan. Pihak kontraktor telah mengemukakan permohonan permit kerja kepada pihak TNB. Pihak jabatan telah membuat perbincangan dan lawatan pada 6 Ogos 2014 bersama pihak TNB. Terdapat pindaan pada pelan dan pihak kontraktor akan mengemukakan semula permohonan. Pihak TNB memaklumkan kelulusan akan dikeluarkan dalam tempoh 3 minggu setelah permohonan semula dikemukakan. Kerja-kerja dijangka akan bermula di tapak pada awal September 2014.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.3. RUMAH SAMPAH DI FLAT PANDAN UTAMA

Berhubung isu pembinaan rumah sampah di Flat Pandan Utama, pihak jabatan memaklumkan masih tiada lagi sebarang keputusan dibuat walaupun mesyuarat telah diadakan. Hal ini disebabkan pihak pemaju asal iaitu Sriwijaya dan Menara Hikmat tidak dapat dikesan. Pihak Jabatan Undang-Undang sedang membuat carian dengan Pendaftaran Syarikat (SSM).

**Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina**

2.4. SETINGGAN DI KG MUHIBBAH

Berhubung isu perobohan 15 unit setinggalan di Jalan Sri Idaman, Kg. Muhibbah yang didiami oleh warga asing (Indonesia), Jabatan memaklumkan akan mengadakan mesyuarat penyelarasan semula bersama Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat pada 18 Ogos 2014.

Tindakan :
**PTD Hulu Langat/
Jabatan Perancang Bandar**

2.5. PEMBINAAN TANGKI AIR

Berhubung isu tangki air di Taman Pandan Utama, Kg Pandan Fasa 1 dan 2 dan ke atas 3 buah rumah di tapak tangki air di Jalan E, Kg Pandan Dalam, mesyuarat bersama pihak Syabas telah diadakan pada 23 Julai 2014. Walau bagaimanapun, pihak jabatan masih menunggu maklumbalas dari pihak Syabas berkaitan keperluan pembinaan menara tangki air tersebut.

Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina

2.6. KAWASAN TERNAKAN DI LERENG JALAN

Pihak PTD Hulu Langat memaklumkan tiada arahan lanjut dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk kawasan-kawasan yang telah diberikan TOL yang telah tamat tempoh. Pihak PTD Hulu Langat akan menyemak semula berhubung isu kebenaran TOL yang diberikan terhadap kawasan ternakan di lereng jalan di Jalan Hulu Langat kepada pihak Kerajaan Negeri.

**Tindakan :
PTD Hulu Langat**

(Minit Mesyuarat akan dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Perumahan, Bangunan dan Binaan Tanpa Izin Bil 7/2014)

2.7. ISU PEMBINAAN SEKOLAH KEBANGSAAN UKAY PERDANA

Berhubung isu pembinaan Sekolah Kebangsaan Ukay Perdana, Mesyuarat khas JKTPKSAS telah diadakan semula pada 11 Jun 2014. Perunding sedang dalam tindakan untuk mengemukakan perincian skop kerja dan peruntukan kewangan untuk skop kerja pemantauan kerana tapak cadangan melibatkan kawasan cerun.

**Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar/
Jabatan Kejuruteraan**

2.8. PERMOHONAN TOL

Berhubung permohonan TOL daripada Persatuan Penduduk Taman Sering Ukay, Ukay Perdana bagi pembinaan pondok pengawal dan boom gate, surat telah dikemukakan kepada Persatuan Penduduk pada 24 Julai 2014 berkaitan maklum balas mengenai status permohonan TOL bagi pondok pengawal kepada Pejabat Tanah dan Daerah Gombak.

**Tindakan:
PTD Gombak/
Jabatan Perancang Bandar**

2.9. MOHON LINTASAN BELANG DAN 'SPEED BREAKER'

Kerja-kerja menyediakan lintasan belang 'zebra crossing' dan 'speedbreaker' di persimpangan Jalan 1 (lampu isyarat) dan lampu isyarat persimpangan Jalan Tasek Tambahan 1 dengan Jalan Tasek Tambahan akan bermula pada September 2014.

**Tindakan :
JKR Hulu Langat**

2.10. KEPERLUAN KEMUDAHAN DEWAN

Kerja-kerja pembinaan Dewan Orang Ramai di Zon 24 dalam proses perlantikan kontraktor dan pembinaan dijangkakan dalam bulan September 2014.

**Tindakan :
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

2.11. PENDAWAIAN ELEKTRIK HARAM

Perbincangan bersama ADUN, Ahli Majlis dan peniaga berhubung isu penyambungan elektrik tanpa kebenaran untuk kegunaan gerai-gerai haram di sekitar kawasan lapang Flat Taman Dagang Fasa 2A masih belum dapat dilaksanakan. Pemantauan dari masa ke semasa terus dijalankan dan keadaan di tapak adalah terkawal.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

2.12. STATUS TOKONG DAN LAMAN (LANSKAP)

Berhubung isu tokong kecil di Jalan Cempaka 15, Taman Cempaka yang didapati tiada mendapat kebenaran, jabatan akan membawa perkara ini ke Jawatankuasa Rumah Ibadat Selain Islam pada September 2014, setelah tiada jalan penyelesaian selepas perbincangan diadakan. Berkaitan isu lanskap yang berada di atas kawasan tempat letak kereta, jabatan akan mengambil tindakan perobohan terhadap struktur yang dibina.

**Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina**

2.13. STATUS IKS DI AU3 TAMAN KERAMAT

Projek pembinaan IKS AU3 Taman Keramat bagi menempatkan semula IKS AU3 Taman Keramat yang akan dirobohkan bagi membolehkan projek ROL berjalan lancar adalah dalam peringkat perlantikan perunding yang akan menyediakan segala dokumen berkaitan dalam tempoh 4 bulan dan dijangka diiklankan pada awal tahun 2015.

**Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

2.14. PEMBAIKAN JALAN DI JALAN BESAR AMPANG

Pihak JKR memaklumkan jabatan telah menerima peruntukan bagi kerja-kerja pembaikan Jalan Besar Ampang menghala ke LRT Ampang. Walau bagaimanapun, pihak JKR masih menunggu kelulusan dari pihak UPEN untuk menggunakan peruntukkan tersebut.

**Tindakan:
JKR Hulu Langat**

SULIT

2.15. PENGOPERASIAN TADIKA HARAM

Berhubung aktiviti tadika haram yang beroperasi di Jalan 1 Taman TAR, pihak pemohon telah menfailkan kes ke Lembaga Rayuan untuk kes-kes kesalahan yang telah dikenakan ke atas pemilik taska tersebut. Pembentangan kes pada 19 Ogos 2014.

Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar

2.16. PERMOHONAN BAIKI DEWAN

Kerja-kerja merobohkan Dewan Taman Halaman di Jalan 5, Taman Halaman yang terlalu usang telah dilaksanakan. Jabatan dalam proses pertimbangan dan semakan bagi menyediakan kemudahan gelanggang di kawasan tersebut.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

2.17. PERMOHONAN LINTASAN BELANG

Pihak JKR memaklumkan peruntukan bagi menyediakan lintasan belang di hadapan Westcourt Ampang Waterfront Fasa 2 (sebelum lampu isyarat simpang empat Taman Kosas) telah diterima namun jabatan masih menunggu kelulusan dari pihak UPEN untuk menggunakan peruntukan tersebut.

Tindakan:
JKR Hulu Langat

2.18. MENAIKTARAF PADANG

Kerja-kerja menaiktaraf struktur tanah/ rumput padang bola di Jalan Rasmi 8, Taman Rasmi Jaya telah dilaksanakan.

Makluman

2.19. PEMBINAAN BONGGOL / JEJANTAS

Berhubung isu pembinaan bonggol di Jalan Bunga Melati 8 , Taman Seraya pihak JKR memaklumkan pemasangan bonggol akan dilaksanakan perlu mengikut arahan dan garis panduan pembinaan bonggol dan penyemakan kriteria bonggol sediaada supaya terdapat penyeragaman antara setiap Daerah di Selangor.

**Tindakan:
JKR Hulu Langat**

2.20. PELEBARAN JALAN DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN BUNGA MELATI 8 TAMAN SERAYA

Berhubung permohonan pelebaran jalan di persimpangan lampu isyarat (arah ke kiri) Jalan Bunga Melati 8 Taman Seraya adalah di bawah penyelenggaraan pihak JKR.

**Tindakan:
JKR Hulu Langat**

2.21. KERJA-KERJA MENAIKTARAF PADANG TAMAN MUDA

Kerja-kerja menaik taraf padang di Jalan Bunga Melur 11 Taman Muda telah dilaksanakan.

Makluman

2.22. CANTAS POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok di lokasi-lokasi berikut telah dilaksanakan oleh pihak kontraktor.

- i. Pokok-pokok dan tumbuhan di sepanjang Jalan Bukit Segar Jaya. Dahan telah condong ke tengah jalan

- ii. Pokok di Jalan Cheras Hartamas berdekatan Pangsapuri Kempas telah tumbuh di lorong jalan sebelah kiri.

Makluman

2.23. PERMOHONAN MENAIKTARAF PADANG PERMAINAN KANAK-KANAK

Kerja-kerja menaik taraf taman permainan kanak-kanak di Taman Cempaka belakang Dewan Taman Cempaka Kg. Pandan dalam tindakan pihak kontraktor .

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

2.24. PERMOHONAN UNTUK MENINGGIKAN PENGADANG TAPAK FUTSAL

Kerja-kerja pembaikan pengadang tapak futsal di tepi Lebuhraya MRR2 susur keluar dari Kg Pandan telah dilaksanakan.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

2.25. PERMOHONAN MENAIKTARAF JALAN

Semakan mendapati jalan di Jalan Nirwana 1 (hadapan Petronas) lokasi di persimpangan Lampu Isyarat hadapan Klinik Kg Pandan hingga Lampu Isyarat berhampiran Tangki Air Syabas tersebut perlu diturap semula. Jabatan sedang menunggu kelulusan daripada Pejabat Kewangan Negeri melalui peruntukkan MARRIS.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.26. PERMOHONAN PEMBAIKAN PADANG

Kerja-kerja pembaikan padang bola di Jalan Teratai 1/9B Taman Bukit Teratai Ampang dimasukkan dalam perancangan Jabatan tahun 2015.

Makluman

2.27. TANAH AWAM DI JADIKAN RUMAH KEDIAMAN

Mesyuarat penyelarasan berhubung isu tapak bekas kedai menjual alatan memancing di Jalan AU 1A/2, Taman Keramat berhampiran kedai tomyam dan berhadapan pasar ikan telah dijadikan rumah kediaman akan diadakan selepas Hari Raya Aidilfitri. Jabatan telah mengeluarkan notis 72(1) meroboh struktur.

**Tindakan:
PTD Gombak**

2.28. PEMBERSIHAN TANAH KOSONG

Hasil lawatan tapak lokasi adalah di Jalan 6/1 Pandan Indah. Keadaan semasa tapak adalah semak samun dan tidak dibersihkan. Kawasan tersebut telah dizonkan sebagai rezab surau dalam Rancangan Tempatan MPAJ 2020.

**Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar**

2.29. HAKISAN SUNGAI

Status aduan hakisan sungai di bawah seliaan pihak JPS di lokasi berikut:

- i. Jalan Bunga Tanjung 2, Taman Muda – Dalam tindakan pihak JPS Hulu Langat
- ii. Jalan 19, Taman Putra Ampang – Inden kerja untuk melaksanakan kerja penyelenggaraan telah dikeluarkan.

**Tindakan:
JPS Hulu Langat**

2.30. PERMOHONAN PEMBAIKAN JALAN

Kerja-kerja penyelenggaraan kerosakan jalan di hadapan Sekolah Rendah Pandan Indah telah dilaksanakan.

Makluman

2.31. KERJA-KERJA PEMBERSIHAN SUNGAI KERAYONG

Kerja-kerja pembersihan sungai di tebing Sungai Kerayong antara Jalan Bunga Raya hingga ke Taman Pandan Indah dalam tindakan kontraktor.

**Tindakan:
JPS Hulu Langat**

2.32. ISU DI DEWAN ORANG RAMAI KG. KEMENSAH

Status kerja-kerja penyelenggaraan Dewan Orang Ramai, Kg. Kemensah adalah seperti berikut:

- i. Tanah runtuh di belakang dewan sedang dalam tindakan Jabatan Kejuruteraan – Dalam proses pelantikan kontraktor untuk kerja-kerja pembaikan

- ii. Pembinaan pintu masuk ke kawasan dewan dalam tindakan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.- Dalam tindakan kontraktor.

Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta/
Jabatan Kejuruteraan

2.33. PERMOHONAN LAMPU KUNING

Kerja-kerja pemasangan lampu kuning di hentian bas di persimpangan Taman Industri Lembah Jaya telah dilaksanakan.

Makluman

2.34. JALAN BERLUBANG

Kerja-kerja penyelenggaraan jalan berlubang di sepanjang Jalan Teratai 1 /2, Taman Muda telah siap dilaksanakan pada bulan Julai 2014.

Makluman

2.35. PELEBARAN JALAN DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT

Pihak Jabatan Kejuruteraan memaklumkan bagi permohonan melaksanakan kerja-kerja pelebaran jalan di persimpangan Jalan Bunga Mawar 4 dan Jalan Bunga Teratai 1 /2 akan dilaksanakan perancangan secara berperingkat. Kerja-kerja tersebut melibatkan kos pelaksanaan yang besar.

Makluman

2.36. PASU BUNGA PECAH DAN ROSAK

Kerja-kerja penyelenggaraan pasu bunga di Jalan Bukit Segar Jaya yang telah dilanggar dalam tindakan jabatan. Pihak Jabatan Kejuruteraan diminta untuk mengkaji struktur jalan tersebut kerana sering berlaku kemalangan di kawasan tersebut.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat
Jabatan Kejuruteraan**

2.37. KEJADIAN TANAH RUNTUH

Cadangan kerja-kerja penstabilan kekal cerun di Mutiara Court Taman Bukit Permai di dalam peringkat proses sebut harga yang dijangka akan diiklankan pada 20 Ogos 2014. Pelantikan kontraktor dijangka pada September 2014.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.38. PERMOHONAN MENAIKTARAF PUSARA PERMAI AMPANG

Jabatan memaklumkan sesi taklimat dan lawatan tapak bagi menaiktaraf cerun, longkang dan jalan di Pusara Permai Ampang, Taman Bukit Teratai telah dijalankan pada 3 Julai 2014. Jabatan dalam tindakan penyediaan dokumen sebut harga.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

2.39. PERMOHONAN PENYELENGGARAAN SUNGAI SERING

Pihak JPS Gombak diminta untuk menyelenggara pokok-pokok yang terdapat di sungai Kg. Sungai Sering.

**Tindakan:
JPS Gombak**

2.40. BAS DAN LORI MENGHALANG LALU LINTAS

Semakan jabatan yang telah dilaksanakan pada 4,5 dan 6 Ogos 2014 mendapati bas yang diletakkan di tepi Jalan Persiaran 3 Pandan Jaya telah dialihkan.

Makluman

2.41. PERMOHONAN PENGGANTIAN PENUTUP LONGKANG

Kerja-kerja penggantian / menaiktaraf penutup longkang besar di kawasan pasar malam Pandan Jaya (Di hadapan Public Bank dan Sen Heng) akan dilaksanakan pada Oktober 2014.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.42. PENUTUP LONGKANG HILANG

Kerja-kerja pembaikan penutup longkang hilang di no. 11 Jalan Pandan 8/1 Pandan Jaya akan dilaksanakan pada Oktober 2014.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.43. PERMOHONAN PENURAPAN JALAN

Jabatan akan menyemak semula permohonan kerja-kerja turapan semula jalan di Jalan Pandan Indah 3/3A, Pandan Indah kerana dimaklumkan oleh pihak COB kawasan tersebut di bawah seliaan MPAJ.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.44. ADUAN LONGKANG PECAH

Kerja-kerja pembaikan longkang pecah di lorong antara jalan di Jalan AU5C/3 dan AU5C/4 Taman Keramat dijangka siap pada bulan Oktober 2014.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.45. PERMOHONAN BONGGOL

Jabatan memaklumkan lawatan telah dibuat bersama Ahli Majlis dan lokasi permohonan pembinaan bonggol telah dikenal pasti. Kerja-kerja akan dilaksanakan bermula November 2014. (Fail kelulusan : 720-1/1/100/14.)

- i. Kawasan letak kereta Flat Desa Lembah Permai Lembah Jaya (belakang blok 3 & 4 Desa Lembah Permai)
- ii. Di Jalan 8B, Kg Lembah Jaya Utara (hadapan pintu belakang Sek Rendah Agama Lembah Jaya).

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.46. PEMBAIKAN BUMBUNG DAN TANDAS DI DEWAN TASEK TAMBAHAN DAN DEWAN TAMAN SRI BARU

Kerja-kerja pembaikan bumbung bocor dan tandas di Dewan Tasek Tambahan dan Dewan Taman Sri Baru yang terlalu uzur dalam proses pelantikan kontraktor.

Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

2.47. PEMBAIKAN PAGAR DEWAN

Jabatan memaklumkan dalam peringkat perbincangan antara pengurus bangunan bagi kerja-kerja pembaikan pagar dan pembinaan penghalang banjir dari laluan masuk ke dalam dewan di Dewan JKKK Tasek Tambahan. Jabatan juga diminta untuk membuat penyelarasan bersama Jabatan Kejuruteraan untuk menyelesaikan isu banjir di tapak.

Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

2.48. TAMAN BOTANI BUKIT INDAH

Kajian semula terhadap kawasan tempat letak kereta di Taman Botani Bukit Indah akan dijalankan dan mengadakan bonggol mengikut kesesuaian lokasi. Skop pengawasan dan pengurusan di bawah Jabatan Belia dan Masyarakat.

Makluman

2.49. PERMOHONAN PAGAR DI SEKELILING 'BUS STOP' DI BUKIT LANGAT

Jabatan memaklumkan kerja-kerja memasang 'handrail' di kiri dan kanan di sekitar bus stop di Bukit Langat ke Taman Mulia Jaya yang terletak di atas monsoon drain akan dilaksanakan pada Oktober 2014.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.50. PERMOHONAN CANTASAN POKOK DI SEKITAR DEWAN JKP ZON 20

Kerja-kerja cantasan pokok di sekitar Dewan JKP Zon 20, Jalan Indah 20 Taman Cheras Indah telah dilaksanakan.

Makluman

2.51. KERJA-KERJA PENGUKUHAN CERUN DI SURAU AT TAQWA TAMAN SAGA

Kerja-kerja pengukuhan cerun di Surau At Taqwa, Jalan Saga 2, Taman Saga Ampang dalam tindakan pihak kontraktor.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.52. PERMOHONAN CANTASAN DAHAN POKOK

Kerja-kerja cantasan dahan-dahan pokok di jalan besar menghala ke Kg Cheras Baru di rezab Jalan Kuari dari hadapan Petronas hingga lampu isyarat Kg. Cheras Baru) dalam tindakan pihak kontraktor.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

2.53. JALAN BERLUBANG

Kerja-kerja pembaikan jalan berlubang di Jalan Besar ke Kg Cheras Baru di bawah penyelenggaraan pihak JKR Hulu Langat akan dilaksanakan pada bulan Ogos 2014.

**Tindakan:
JKR Hulu Langat**

2.54. PERMOHONAN PEMBAIKAN PEJABAT JKP

Kerja-kerja pembaikan dinding pejabat JKP Zon 24 telah dilaksanakan.

Makluman

2.55. PEMBAIKAN SELEKOH DI JALAN BUKIT SEGAR JAYA 1, TAMAN BUKIT SEGAR (HADAPAN RESTORAN THOULAT MAJU)

Kerja-kerja pembaikan selekoh di Jalan Bukit Segar Jaya 1, Taman Bukit Segar telah disyaratkan di dalam pembangunan pemaju Tetuan BHL Gemilang Sdn. Bhd. Pemantauan akan dilaksanakan berterusan.

Makluman

2.56. PERMOHONAN GELANGGANG BOLA KERANJANG

Permohonan pembinaan gelanggang bola keranjang di kawasan lapang depan Danau Mas dan Vista Mas telah disenaraikan dalam perancangan kerja jabatan tahun 2015.

Makluman

2.57. PERMOHONAN MEMBAIK PULIH GELANGGANG

Kerja-kerja membaik pulih gelanggang badminton dan takraw di Taman Cempaka Fasa 3 (belakang Dewan Taman Cempaka) dalam tindakan jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

2.58. PERMOHONAN TEBANG POKOK

Kerja-kerja mencantas 2 batang pokok yang tinggi dan merimbun di belakang Dewan Cempaka 2, Taman Cempaka telah dilaksanakan.

Makluman

2.59. PERMOHONAN KERJA PEMBAIKAN DAN PEMBESARAN LONGKANG

Kerja-kerja pembaikan dan pembesaran longkang di hadapan Sekolah Rendah Ong Pong sehingga ke longkang pasar Pekan Ampang telah dilaksanakan.

Makluman

2.60. PERMOHONAN TURAP JALAN

Kerja-kerja turapan jalan di persimpangan Jalan Putra Sulaiman (hadapan lampu isyarat-Curry King) telah dilaksanakan.

Makluman

2.61. PERMOHONAN PEMBAIKAN LONGKANG PECAH

- i) Kerja- kerja perbaikan longkang pecah telah dilaksanakan bagi 2 lokasi berikut :-
 - a) Longkang di belakang perumahan antara Jalan F-10 dan F-11, Taman Melawati
 - b) Longkang di hadapan padang bola Jalan Melawati sebelah Masjid Al-Mardhiyah
- ii) Kerja-kerja perbaikan juga telah dilaksanakan bagi lokasi berikut:-
 - a) Longkang di belakang rumah No. 302, Jalan B-8
 - b) Longkang di belakang rumah No. 479, Jalan B-12
 - c) Longkang di belakang rumah No. 369, Jalan B-6
 - d) Longkang di belakang rumah di antara Jalan B-3 dan B-5
 - e) Longkang di belakang perumahan Jalan C-10

Makluman**2.62. PEMBAIKAN PENGHADANG JALAN (RAILING)**

Permohonan perbaikan penghadang jalan (railing) di Jalan Melawati 3, di atas bukit antara KKLub, Taman Melawati dengan Sekolah Antarabangsa, Taman Melawati masih dalam kelulusan kerja.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.63. PERMOHONAN PEMBAIKAN PENGHALANG JALAN (RAILING)

Kerja-kerja pembaikan dan mengecat semula penghalang jalan (railing) di 2 lokasi berikut akan dilaksanakan pada November 2014.

- a) Di bahagian longkang besar di tepi padang Taman Sri Watan
- b) Di sekitar Bandar Baru Ampang dibaiki atau dicat semula.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.64. LAMPU TIDAK BERFUNGSI DI JALAN TERATAI 1/2, TAMAN BUKIT TERATAI

Kerja-kerja pembaikan lampu tidak berfungsi di Jalan Teratai 1/2, Taman Bukit Teratai telah dilaksanakan.

Makluman

2.65. TEBING RUNTUH DI JALAN TERATAI 1/9D, TAMAN BUKIT TERATAI

Berhubung isu tebing runtuh di Jalan Teratai 1/9D, Taman Bukit Teratai, perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak JPS Hulu Langat untuk tindakan selanjutnya.

**Tindakan :
JPS Hulu Langat**

2.66. PENUTUP KONKRIT LONGKANG PECAH DI JALAN BUNGA MAWAR TAMAN MUDA (PASAR PAGI)

Kerja-kerja pembaikan penutup konkrit longkang di pintu masuk ke Pasar Pagi, Jalan Bunga Mawar, Taman Muda telah dilaksanakan.

Makluman

2.67. KENDERAAN DILETAKKAN DI ATAS JALAN DI HADAPAN KOPITIAM DI KAWASAN RUMAH KEDAI PANDAN PRIMA AMPANG

Jabatan Kejuruteraan dalam peringkat kajian dalam menyelesaikan isu kenderaan yang diletakkan di atas jalan di hadapan Kopitiam kawasan rumah kedai di Pandan Prima Ampang.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.68. HAKISAN TANAH DI TEBING DANAU MAS CHERAS HARTAMAS

Kerja-kerja pembaikan hakisan pada tebing Danau Mas Cheras Hartamas akan dilaksanakan pada Disember 2014.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.69. PENYELENGGARAAN DI PERSIARAN CHERAS HARTAMAS

Semakan jabatan pada 7 Ogos 2014 mendapati tiada semak samun dan tumbuh-tumbuhan yang menutupi jalan di Persiaran Cheras Hartamas. Pemetongan rumput telah dilaksanakan oleh kontraktor kawasan. Mesyuarat memohon

semakan semula dibuat memandangkan terdapat papan tanda jalan bersebelahan dengan surau telah dipenuhi lalang.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

2.70. PENGGANTIAN PENUTUP BESI LONGKANG

Kerja-kerja penggantian penutup besi longkang yang melintangi jalan di hadapan pintu keluar masuk 'The Marks' kepada 'slab cement' akan dilaksanakan pada Disember 2014.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.71 PENGGANTIAN PENUTUP BESI LONGKANG

Kerja-kerja pembaikan penutup besi longkang di hadapan Pangsapuri Kempas, Cheras Hartamas retak dan rosak akan dilaksanakan pada Disember 2014.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.72 KERJA-KERJA PELEBARAN JALAN KURANG SEMPURNA

Jabatan telah mengeluarkan surat makluman kepada pihak DBKL berhubung kerja-kerja pelebaran jalan di hadapan Jabatan Perhilitan, Cheras Hartamas kurang sempurna pada 8 Ogos 2014.

Makluman

2.73 'SPEED BREAKER'

Kerja-kerja mengecat semula 'speed breaker' di selekoh Jalan Bukit Segar Jaya (sebelum turun bukit) akan dilaksanakan pada Disember 2014.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.74 PERMOHONAN MENGGUNAKAN TAPAK KOSONG MAIS UNTUK GELANGGANG BOLA KERANJANG

Jabatan akan mengadakan perbincangan dengan pihak MAIS berhubung permohonan menggunakan tapak tanah kosong milik MAIS untuk dijadikan tapak gelanggang bola keranjang sementara di tepi pondok pengawal Danau Mas, Taman Cheras Hartamas.

**Tindakan:
Jabatan Perancang Bandar**

2.75 BATU REFLEKSOLOGI DI TAPAK PERMAINAN TAMAN BUKIT SEGAR

Jabatan memaklumkan pembinaan batu refleksologi di tapak permainan Taman Bukit Segar, di tepi surau Al Amin dan Pangsapuri A1, Bukit Segar tidak mendapat kebenaran Majlis.

Makluman

2.76 PERMOHONAN MENANGGALKAN PAPAN TANDA ZON PROJEK

Mohon jabatan untuk menanggalkan papan tanda Zon Projek yang diletakkan di tapak Zon Hijau di Taman Bukit Segar Jaya 2.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

2.77. PERMOHONAN PADANG CERGAS

Pihak Jabatan tidak menerima sebarang permohonan daripada Pejabat YB Dato Teng Chang Khum berhubung permohonan padang cergas di tapak permainan di tepi surau Al Amin, Taman Bukit Segar. Walau bagaimanapun, satu padang cergas telah dibuat di Tasik Danau Mas.

Makluman

2.78. PERMOHONAN TURAPAN JALAN

Pihak Syabas memaklumkan akan melaksanakan kerja-kerja turapan semula jalan di Jalan 47 dan Jalan 48, Kg Cheras Baru setelah kerja-kerja penukaran paip air selesai dilaksanakan di tapak.

**Tindakan:
SYABAS**

2.79. PERMOHONAN PEMBAIKAN JALAN

Kerja-kerja pembaikan jalan di Jalan 20, Taman Kencana yang telah rosak akan dilaksanakan oleh pihak pemaju Space Ace Dynasty Sdn.Bhd. dan dijangka siap pada 13 Ogos 2014.

Makluman

SULIT

2.80. PERMOHONAN PEMASANGAN 'RAILING'

Kerja-kerja pemasangan 'railing' di Jalan 49 , Kg Cheras Baru (Hadapan Glenview Villa Apartment) akan dilaksanakan pada Disember 2014.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.81. STATUS TANAH DI JALAN 8/8 PANDAN PERDANA

Jabatan memaklumkan tapak tanah di Jalan 8/8 Pandan Perdana telah dipagar oleh pihak Telekom adalah zon kawasan lapang.

Makluman

2.82. PAIP PECAH

Mohon pihak Syabas menyemak kerja-kerja korekan paip pecah yang berlaku di Kg Cheras Baru kerana air telah memasuki rumah penduduk.

**Tindakan:
SYABAS**

2.83. PERMOHONAN KIPAS DI SURAU DI DEWAN CEMPAKA, TAMAN CEMPAKA

Jabatan memaklumkan akan menyemak semula keperluan meletakkan kipas di dalam surau lelaki dan perempuan di Dewan Taman Cempaka dan menyediakan tempat mengambil wuduk di lokasi yang bersesuaian.

**Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

2.84. PERMOHONAN MENAIKTARAF TAPAK PERMAINAN KANAK-KANAK

Jabatan akan membuat semakan berhubung permohonan menaiktaraf tapak permainan kanak-kanak di Flat Taman Dagang (belakang surau). Cadangan supaya dipasang lampu limpah dan tempat duduk.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

2.85. PERMOHONAN TAMBAHAN LAMPU

Jabatan memaklumkan lampu jalan di Jalan Cahaya 15 di hujung jalan yang berhampiran pintu masuk ke Apartment Taman Cahaya adalah mencukupi dan tiada keperluan untuk penambahan lampu jalan.

Makluman

2.86. PENEANGAN DAN CANTASAN POKOK

Mohon kerja-kerja peneangan dan cantasan pokok di hadapan pagar Apartment Taman Cahaya yang telah menutup cahaya lampu jalan.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

2.87. PADANG ROSAK DI JALAN FI TAMAN MELAWATI

Jabatan dalam proses penyediaan spesifikasi kerja bagi permohonan penyelenggaraan padang rosak di Jalan F1 Taman Melawati. Kerosakan disebabkan kenderaan-kenderaan yang diletakkan di situ semasa sembahyang

Jumaat. Terdapat juga lori yang masuk bagi kerja-kerja penyelenggaraan trek pejalan kaki.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

2.88. PERMOHONAN TURAPAN JALAN

Status permohonan kerja-kerja turapan jalan dilaksanakan di lokasi-lokasi berikut:

- i. Di sekitar Flat Desa Lembah Permai – akan diturap pada pertengahan Ogos 2014.
- ii. Di jalan Taman Dagang Jaya 18 (berhampiran Kg. Ampang Indah)- Telah dilaksanakan.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.89. PERMOHONAN CANTASAN POKOK

Status permohonan kerja-kerja cantasan pokok di lokasi berikut:

- i. Di kiri dan kanan Jalan Putra, Ampang (berdekatan pasar raya Aeon Big)- Keadaan pokok masih terkawal
- ii. Di Jalan 9 , Kg Ampang Indah – Dalam semakan jabatan
- iii. Di Jalan Besar Taman Bukit Indah – Belum dilaksanakan

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

2.90. MASALAH ANJING LIAR

Operasi tangkapan anjing liar di belakang Blok 4 Flat Desa Lembah Permai yang berbahaya kepada penduduk sekitar telah dilaksanakan sebanyak 5 kali sejak Januari hingga Julai. Hasil tangkapan anjing liar di sepanjang operasi tersebut adalah 11 ekor.

Makluman**2.91. PEMBAIKAN PAPAN TANDA JADUAL KUTIPAN SAMPAH**

Papan tanda jadual kutipan sampah di persimpangan ke Taman Industri (hadapan gerai jual pisang) telah dibaiki.

Makluman**2.92. PERMOHONAN TIANG /GELANGGANG BOLA JARING**

Jabatan memaklumkan permohonan tiang/gelanggang bola jaring di Dataran MPAJ di Tasek Tambahan tidak dapat disediakan disebabkan kawasan tersebut merupakan kawasan awam.

Makluman**2.93. PERMOHONAN PENYELENGGARAAN MONSOON DRAIN**

Kerja-kerja penyelenggaraan monsoon drain berhampiran Masjid Al Aman Kg. Lembah Jaya Selatan adalah 2 bulan sekali. Pembersihan telah dilaksanakan seminggu sebelum Hari Raya Aidilfitri.

Makluman

2.94. KEROSAKAN LONGKANG

Kerja-kerja pembaikan kerosakan longkang di no. 12 Jalan Angin, Kuala Ampang telah dilaksanakan.

Makluman

2.95. BUMBUNG TERCABUT DI DEWAN RUMAH PANGSA TAMAN KERAMAT

Kerja-kerja pembaikan bumbung dewan rumah pangsa Taman Keramat tercabut dan diterbangkan angin dalam tindakan pihak kontraktor.

**Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

2.96. PAPAN TANDA BONGGOL TERCABUT DAN JALAN ROSAK

Kerja-kerja pemasangan semula papan tanda bonggol tercabut di Taman Permata telah dilaksanakan. Kerja-kerja turapan Jalan Permata 3 dan 4 tidak diperlukan kerana jalan masih berada di dalam keadaan baik.

Makluman

2.97. PERMOHONAN PEMBERSIHAN RUMAH SAMPAH

Jabatan memaklumkan kerja-kerja kutipan sampah di Flat Pandan Indah di Jalan 3/3 Pandan Indah dilaksanakan 6 kali seminggu. Kutipan sampah pukal adalah seminggu sekali. Pembersihan 'point' sampah telah dilaksanakan pada 8 Ogos 2014.

Makluman

2.98. PEMBAIKAN DEWAN ORANG RAMAI FLAT SRI INAI PANDAN INDAH

Jabatan akan membuat penyelarasan bersama JKP kawasan berkenaan permohonan pembaikan secara menyeluruh terhadap Dewan Orang Ramai di Flat Sri Inai Pandan Indah yang terlalu uzur.

**Tindakan:
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta**

2.99. GELANGGANG BADMINTON MOHON DIJADIKAN GELANGGANG FUTSAL

Jabatan akan membuat semakan di tapak berhubung permohonan gelanggang badminton di Taman Maju Jaya Fasa 3 di Jalan B Matahari 2 Pandan Indah dijadikan gelanggang futsal untuk kegunaan anak-anak penduduk Taman Maju Jaya Fasa 3.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

2.100. PERMOHONAN MENAIKTARAF GELANGGANG FUTSAL

Jabatan memaklumkan permohonan bagi menaiktaraf gelanggang futsal di Jalan Pandan Indah 4/16 kepada gelanggang simen kerana gelanggang yang digunakan sekarang tidak sesuai adalah tidak diperlukan.

Makluman

2.101.TANAH REZAB SUNGAI UNTUK DIJADIKAN KAWASAN TEMPAT LETAK KERETA

Pihak JPS diminta untuk menyemak sama ada tanah-tanah rezab sungai boleh dijadikan tempat letak kereta sementara atau sebaliknya.

**Tindakan:
JPS Hulu Langat**

2.102.PEMBAIKAN JARING GELANGGANG FUTSAL

Kerja-kerja pembaikan jaring gelanggang futsal yang telah rosak di Gelanggang Anak Muda Pandan Jaya akan dilaksanakan.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

2.103.MASALAH ANJING LIAR

Operasi tangkapan anjing liar di kawasan persekitaran Blok L34 dan L35 serta L7 dan L8 Pandan Jaya telah dilaksanakan sebanyak 6 kali sejak Januari hingga Julai . Namun hanya 3 ekor anjing liar berjaya ditangkap.

Makluman

2.104.PERMohonAN CANTASAN POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok yang terlalu rendang di Jalan Pandan 4 (berhampiran PPAS Pandan Jaya) dalam tindakan jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

2.105.JALAN MENDAP DI TAMAN ANGSANA HILIR

Kerja-kerja penyelenggaraan bahagian jalan yang mendap di Jalan Hilir 5, Taman Angsana Hilir telah dilaksanakan oleh pihak TNB.

Makluman

2.106.KEPERLUAN PEMASANGAN 'GUARD RAILING' DI DI TAMAN CHERAS INDAH

Kerja-kerja pemasangan 'guard railing' di hujung Jalan Indah 5 dan Jalan Indah 11, Taman Cheras Indah akan dilaksanakan pada November 2014.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.107.KONKRIT DITINGGALKAN DAN TAMBAKAN SEMULA KAWASAN LANSKAP

Pihak JKR Hulu Langat diminta mengambil tindakan ke atas bahan konkrit yang ditinggalkan di tengah jalan dan mohon dipindahkan serta dibuat tambakan bagi kawasan landskap di lampu isyarat Jalan Bunga Raya dan Jalan Bunga Mawar, Taman Muda.

**Tindakan:
JKR Hulu Langat**

2.108.PERMohonAN KERJA-KERJA MERATAKAN BAHU JALAN

Permohonan peruntukkan bagi kerja-kerja meratakan bahu jalan di Jalan Melati 8 Taman Muda telah diluluskan oleh pihak Pejabat Kewangan Negeri.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.109.PEMBAIKAN GELANGGANG BOLA KERANJANG

Permohonan pembaikan gelanggang bola keranjang di Jalan Bunga Tanjung 4 Taman Muda dalam peringkat perancangan jabatan.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

2.110.HAKISAN DI RUMAH NO. 99 JALAN TERATAI 1/9E

Jabatan dalam proses semakan terhadap isu hakisan yang telah berlaku di rumah no 99 Jalan Teratai 1/9E Taman Bukit Teratai. Kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan.

**Tindakan:
JPS Hulu Langat**

2.111.PERMohonAN CANTASAN POKOK

Kerja-kerja cantasan pokok di Jalan Bunga Melati 5, Taman Muda telah dilaksanakan.

Makluman

2.112.PERMohonAN PEMASANGAN LAMPU

Kerja-kerja pemasangan lampu di Masjid Kg. Kelang Gate/ Sekolah Agama KAFA Kg Klang Gate, Hulu Kelang dalam peringkat permohonan kelulusan.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.113.PEMBAIKAN LONGKANG PECAH

Kerja-kerja pembaikan longkang pecah di Lorong Kancil, Kg Klang Gate berhampiran dengan Kompleks Gaya telah diluluskan dan kerja-kerja akan dilaksanakan pada November 2014.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

2.114. JALAN BERLOPAK

Kerja-kerja pembaikan jalan berlopak di Residensi Bestaria telah dilaksanakan.

Makluman

2.115. PEMBAIKAN LAMPU JALAN

Kerja-kerja pembaikan lampu jalan di tanah Perkuburan Kg Kelang Gate, Hulu Kelang yang tidak menyala telah dilaksanakan.

Makluman

2.116. PERMOHONAN PELEBARAN JALAN DI JALAN NUSA TROPIKA 1

Berhubung isu pelebaran jalan di Jalan Nusa Tropika 1, Taman Ukay Bistari, jabatan memaklumkan pelan kebenaran merancang telah diluluskan pada 23 Ogos 2014. Tiada permohonan pelan infrastruktur pada ketika ini. Anggaran kos sebanyak RM200,000 perlu disediakan jika hendak melaksanakan kerja-kerja pelebaran jalan.

Makluman**2.117. KERETA TERSADAI DI JALAN RUSA KG. KLANG GATE**

Notis terhadap kereta lama dan tersadai no pendaftaran WCF 8804 di Jalan Rusa, Kg Klang Gate telah dikeluarkan pada 5 Ogos 2014. Pemilik diberi tempoh 3 hari untuk mengalihkan kereta buruk tersebut.

Makluman**2.118. MONSOON DRAIN TIDAK DISELENGGARA**

Jadual pembersihan monsoon drain berhampiran padang di Jalan F1, Taman Melawati, Hulu Kelang dilaksanakan 2 bulan sekali. Pembersihan telah dilaksanakan pada 6 Ogos 2014 dan pembersihan seterusnya pada Oktober 2014.

Makluman

3.0 HAL-HAL LAIN

3.1 PERMOHONAN JALAN SEHALA

Mohon jalan di hadapan Masjid Al Mardhiyah Taman Melawati fasa 5, (jalan Melawati hingga mulai simpang Jalan F1 hingga Bulatan Hillside) dijadikan jalan sehalal pada setiap hari Jumaat mulai jam 12.30 tengah hari hingga 2.30 petang.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.2 BESI TERCACAK DI TENGAH JALAN

Terdapat sebatang besi tercacak di tengah bahu jalan di lampu isyarat sebelum lampu isyarat hadapan Pasaraya Giant Taman Permata, Hulu Kelang.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.3 PENYELENGGARAAN KAWASAN TEPI SUNGAI

Kerja-kerja penyelenggaraan kawasan tepi sungai berhampiran Apartment Hillside Taman Melawati tidak dilaksanakan.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.4 PERMOHONAN TEMPAT LETAK KERETA

Penyediaan tempat letak kereta di kawasan rumah kedai di Taman Dagang Jaya (berhampiran Pejabat ADUN Lembah Jaya).

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.5 PERMOHONAN TANDAS

Mohon disediakan tandas di gelanggang sepak takraw di Taman Tasek Permai Fasa 5.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.6 CANTASAN POKOK

Di hadapan pondok pengawal Danau Mas, terdapat dahan pokok yang perlu dicantas kerana telah menyebabkan tiang lampu berhampiran pondok tersebut telah condong.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.7 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Terdapat 3 buah lampu jalan yang tidak menyala di Jalan Bukit Segar Jaya. Lokasi terletak selepas nurseri dan sebelum Pangsapuri Cemara.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.8 LONGKANG TIDAK DIBERSIHKAN

Longkang di luar perimeter Taman Bukit Segar Jaya 1 tidak dibersihkan dan terdapat banyak sampah sarap dalam longkang tersebut.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.9 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Lampu jalan tidak menyala di Taman Bukit Segar di Jalan BS1, Jalan BS2, Jalan BS 2A dan Jalan BS 6.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.10 PEMBAIKAN JALAN TIDAK SEMPURNA

Jalan Cheras Hartamas yang baru selesai diturap belum dibuat garisan tanda jalan. Penutup longkang juga belum dipasang di hadapan Pangsapuri Kempas.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.11 KERJA-KERJA SAPUAN TIDAK DILAKSANAKAN

Terdapat kontraktor yang telah melaksanakan kerja-kerja pemotongan rumput tetapi tidak melaksanakan kerja-kerja penyapuan di sekitar Bukit Segar Jaya 2 selepas pemotongan tersebut. Mohon penjelasan sama ada penyapuan ada dalam spesifikasi kerja kontraktor. (Pengadu : Esther Chung 012-2073197)

Tindakan:

Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**3.12 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA**

Terdapat beberapa buah lampu jalan yang tidak menyala di lokasi-lokasi berikut. Mohon tindakan segera. (Pengadu : Esther Chung 012-2073197)

- i. Tepi Jalan BS1,BS26, BS2A, BS 52A, Taman Bukit Segar Jaya 2
- ii. 51, Jalan BS6, 27 Jalan BS6, Taman Bukit Segar Jaya 2
- iii. 57, Jalan BS6, 13 Jalan BS1, Taman Bukit Segar Jaya 2

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.13 LONGKANG TERSUMBAT

Mohon ambil tindakan terhadap longkang tersumbat di sekitar Taman Bukit Segar Jaya 2 (Pengadu : Esther Chung 012-2073197)

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.14 PENUTUP LONGKANG PECAH

Mohon ambil tindakan terhadap penutup longkang pecah di sekitar Taman Bukit Segar Jaya 2. (Pengadu : Esther Chung 012-2073197)

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.15 SAMPAH PUKAL TIDAK DIKUTIP

Terdapat banyak sampah pukal yang tidak dikutip di sekitar Taman Bukit Segar Jaya 2 (Pengadu : Esther Chung 012-2073197)

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.16 PAPAN TANDA JALAN JATUH

Terdapat papan tanda nama jalan yang telah jatuh di Jalan BS2, Taman Bukit Segar Jaya kerana telah dilanggar oleh lori sampah. (Aduan oleh Puan Julie -016-7103898)

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.17 POKOK CONDONG DAN TELAH MEROSAKKAN LONGKANG

Sebatang pokok di Jalan BS1 Taman Bukit Segar Jaya belakang pondok pengawal telah condong dan telah menyebabkan kerosakan pada struktur longkang. (Aduan oleh Puan Julie -016-7103898)

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.18 DAHAN POKOK TELAH MEMASUKI RUMAH KEDIAMAN

Terdapat sebatang pokok besar di no 32A, Jalan BS 2A, Taman Bukit Segar sehingga dahan pokok tersebut telah memasuki rumah kediaman. Mohon ambil tindakan sewajarnya.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.19 LONGKANG TERSUMBAT DAN MENJADI TEMPAT PEMBIAKAN NYAMUK

Longkang di sekitar Pangsapuri Cemara Taman Bukit Segar telah tersumbat dan memerlukan kerja-kerja pembersihan dengan segera.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.20 ANJING LIAR

Mohon dijalankan operasi penangkapan anjing liar di sekitar Taman Bukit Segar Jaya.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.21 POKOK HAMPİR TUMBANG

Terdapat sebatang pokok yang hampir tumbang di belakang pondok pengawal taman Bukit Segar. Mohon tindakan segera memandangkan pokok tersebut berbahaya kepada penduduk sekitar.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.22 JALAN BERLUBANG

Mohon kerja-kerja pembaikan jalan berlubang di jalan hadapan Dewan Orang Ramai Kg. Cheras Baru yang membahayakan kepada pengguna lalu lintas.

**Tindakan:
JKR Hulu Langat**

3.23 BANTAHAN KE ATAS PEMBINAAN MENARA TELCO

Bantahan ke atas pembinaan Menara Telco di PPU TNB, Jalan Teratai 1/1 Taman Bukit Teratai Ampang.

**Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina**

3.24 KERJA-KERJA MENAIKTARAF B.O.T PANDAN PERDANA

Kerja-kerja menaik taraf Medan Selera (B.O.T) di Pandan Perdana telah merosakkan taman permainan kanak-kanak. Mohon semakan sama ada kerja-kerja yang dijalankan telah mendapat kelulusan pihak majlis atau sebaliknya.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.25 AIR LONGKANG BERTAKUNG

Air longkang tidak mengalir bertakung dan berbau busuk di Jalan Teratai 1/17 Taman Bukit Teratai Ampang. Mohon kerja-kerja pembersihan segera dilaksanakan.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.26 PERMOHONAN PEMBAIKAN RAILING

Mohon pihak JKR untuk menjalankan kerja-kerja pembaikan penghadang jalan (railing) di jalan masuk ke Jalan Dagang (Taman Cempaka/Taman Bakti)

**Tindakan:
JKR Hulu Langat**

3.27 PERMOHONAN CANTASAN POKOK

Terdapat aduan penduduk berkenaan pokok besar di kawasan Flat Taman Dagang. Penduduk mohon kerja-kerja cantasan dilaksanakan atau penebangan pokok tersebut jika perlu.

**Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat**

3.28 CADANGAN PENUTUPAN JALAN

Cadangan dari penduduk di Lorong G1 Kg Pandan untuk penutupan jalan keluar dan laluan keluar diubah ke laluan lain. Penduduk mencadangkan laluan sedia ada dibina tapak permainan kanak-kanak kerana kawasan tersebut berhampiran dengan tapak gelanggang badminton.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.29 LONGKANG PECAH

Longkang pecah di hadapan rumah No. 278 Jalan E2, Taman Melawati. Mohon pembaikan segera dijalankan.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.30 OPERASI PENANGKAPAN ANJING LIAR

Mohon dilaksanakan operasi penangkapan anjing liar di sekitar Jalan E5, Taman Melawati.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.31 RUMAH SAMPAH HAMPIR RUNTUH

Rumah sampah di Angsana Hilir hampir runtuh dan mohon tindakan sewajarnya diambil.

Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.32 LAMPU LIMPAH TIDAK BERFUNGSI

Lampu limbah di Blok A Flat Sri Inai Pandan Indah tidak berfungsi dan memerlukan kerja-kerja pembaikan.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.33 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA

Tiang lampu jalan no: JV 19119DT4 no. 7 Jalan 19 Pandan Indah tidak menyala dan mohon kerja-kerja pembaikan.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.34 LAMPU JALAN TIDAK MENYALA DI JALAN BUNGA RAYA

Lampu jalan di Jalan Bunga Raya sudah lama tidak menyala.

**Tindakan:
JKR Hulu Langat**

3.35 PENGUBAHSUAIAN RUMAH KEDIAMAN

Aduan diterima dari unit no. 101 Blok L3 di Pandan Jaya diubahsuai dari rumah kediaman ke premis pejabat syarikat kereta terpakai. Beberapa lot parkir awam juga digunakan sebagai tempat penyimpanan kereta terpakai yang dipercayai untuk tujuan jualan.

**Tindakan:
Jabatan Bangunan dan Senibina**

3.36 PERMOHONAN PENEANGAN POKOK

Terdapat sebatang pokok yang telah mati bersebelahan Surau Al Mustaqimah di Jalan Indah 12, Taman Cheras Indah. Beliau memohon pokok tersebut ditebang untuk mengelakkan bahaya kepada penduduk yang datang ke surau dan pengguna jalan. Di jalan tersebut juga terdapat sebatang pokok besar yang rendang dan berdahan besar

yang merbahaya kepada sekolah yang terletak berhampiran.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.37 PAPAN TANDA MENGHALANG PANDANGAN

Terdapat sebuah papan tanda 'Berhenti' di Jalan Pandan 5, Pandan Jaya menghala ke Jalan Pandan 1 yang dibina terlalu rapat dan menghalang pandangan lampu isyarat. Mohon supaya diubah kedudukan papan tanda tersebut.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.38 PERMOHONAN MENAIKTARAF JEJANTAS

Aduan diterima dari pengguna LRT Pandan Jaya mengenai jejantas untuk pengguna ke Taman Cheras Indah yang tidak selesa untuk digunakan terutamanya kepada pengguna OKU dan warga tua. Mohon kerja-kerja menaik taraf jejantas tersebut.

Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan

3.39 PEMBAIKAN GELANGGANG BOLA KERANJANG

Mohon kerja-kerja pembaikan gelanggang bola keranjang di Jalan 19 Taman Putra.

Tindakan:
Jabatan Belia dan Masyarakat

3.40 LONGKANG ROSAK

Longkang di sekeliling padang di Jalan Bunga Melur 8 dan Jalan Bunga Melur 1, Taman Muda rosak dan perlu dibaiki.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.41 JALAN ROSAK

Jalan rosak di lorong antara Jalan Bunga Melur 8 dan Jalan Melur 10, Taman Muda mohon dibaiki.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

3.42 PERMOHONAN TURAPAN JALAN

Mohon kerja-kerja turapan jalan dilaksanakan di jalan/lorong belakang di Jalan Bunga Tanjung 7, Taman Muda yang telah rosak.

**Tindakan:
Jabatan Kejuruteraan**

4.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangakan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam.

5.5.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.7/2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN
BIL.7/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

TARIKH : 26 OGOS 2014

MASA : 3.00 PETANG - 5.00 PETANG

TEMPAT : BILIK MESYUARAT 1,
TINGKAT 16, MENARA MPAJ

KEHADIRAN

- | | | | |
|-----|--|---|------------------------|
| 1. | Tn. Abd. Hamid Bin Hussain
(Pemangku YDP, MPAJ) | - | Pengerusi |
| 2. | Tn. Haji Meor Rithuan Bin Mohamed Said | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tn. Haji Abdul Jalil Bin Hasan | - | " |
| 4. | Tn. Mohamad Bin Samat | - | " |
| 5. | Tn. Supiramany a/l Sinnapayal | - | " |
| 6. | Tn. Ahmad Fauzi Bin Mohd Kamis | - | " |
| 7. | Pn. Sian Keng Eng | - | " |
| 8. | Tn. Azlan Bin Maddin | - | " |
| 9. | Pn. Yogaswari a/p Ramalu | - | " |
| 10. | Tn. Dr. Lai Fatt Sian | - | " |
| 11. | Tn. Imran Bin Selamat | - | " |
| 12. | Tn. Johari Bin Atli | - | Pemangku
Setiausaha |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|----------------------------------|---|-------------|
| 1. | Pn. Wan Hasrina Binti Wan Hassan | - | Ahli Majlis |
|----|----------------------------------|---|-------------|

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.07/2014**

**LAPORAN JAWATANKUASA PELESENAN DAN
PEMBANGUNAN USAHAWAN**

1. TUJUAN

Kertas ini dibentangkan bertujuan untuk mendapat pengesahan Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

3. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil. 07/2014 telah diadakan pada 26 Ogos 2014 membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 KERTAS MAKLUMAN PEMBAHARUAN LESEN BAGI TAHUN 2015

2.1.1 Mesyuarat dikemukakan dengan kertas makluman pembaharuan lesen bagi tahun 2015.

2.1.2 Berdasarkan peruntukan Undang-undang Kecil 6, Undang-undang `Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MPAJ) 2007 memperuntukkan tempoh sah sesuatu lesen perniagaan adalah sehingga 31 Disember tahun semasa.

2.1.3 Bagi pembaharuan lesen premis perniagaan dan papan iklan, pihak Jabatan telah memberikan syarat supaya lesen hendaklah diperbaharui **3 bulan** sebelum tamat tempoh iaitu bermula bulan Oktober sehingga Disember setiap tahun.

2.1.4 Pembaharuan selepas tamat tempoh, boleh dikenakan kompaun sebanyak **maksimum RM1,000.00** atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen selaras dengan peruntukan UUK 3, Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPAJ) 2007 iaitu:

'Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa perniagaan dan perindustrian atau menggunakan tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pihak berkuasa Melesen.'

2.1.5. Sebagai makluman, Notis Pembaharuan Lesen Tahun 2015 akan diedarkan pada bulan September, 2014 kepada sebanyak **10547 premis berlesen** tahun 2014 yang memberi peringatan kepada pemegang lesen supaya segera memperbaharui lesen masing-masing. Pembaharuan lesen bermula **1 Oktober 2014**.

2.1.6 Bagi melancarkan lagi proses pembaharuan lesen, Majlis akan membuka Kaunter Luar di Kompleks - kompleks Membeli Belah kawasan Majlis dan boleh dibaharui secara 'on line' melalui MyGovExchange @www.mpaj.gov.my kecuali bagi lesen-lesen berisiko

tinggi dan billboard tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis.

2.1.7 Berdasarkan statistik, jumlah pembaharuan lesen tahun 2013 telah meningkat sebanyak **6944** iaitu **47 %** dengan kutipan sebanyak **RM3,710,098.00**. Manakala jumlah pembaharuan tahun 2014 telah menurun kepada **6782** iaitu **2.3%** dengan kutipan sebanyak **RM3,610,432.00**.

2.1.8 Terdapat sedikit penurunan pembaharuan lesen Tahun 2014 disebabkan oleh **penyelarasan fi lesen dan penganan cagaran mengikut UUK 2007**. Walau bagaimanapun pihak Jabatan telah mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan terhadap premis yang lewat memperbaharui lesen mereka dengan kerjasama Jabatan Penguatkuasa MPAJ.

2.1.9 Bagi lesen tahun 2014 sehingga Julai 2014 sebanyak 7448 premis (RM 4,025,377.00) telah memperbaharui lesen mereka. Daripada anggaran 10,547 premis berlesen sebanyak 3,099* premis masih lagi belum memperbaharui lesen 2014 dan tindakan penguatkuasaan masih dijalankan secara berterusan.

2.1.10. Jabatan akan mempergiatkan lagi promosi bagi meningkatkan lagi hasil kutipan pembaharuan lesen dengan meneruskan tindakan-tindakan seperti berikut:-

- iv. Mengeluarkan Notis Makluman/Peringatan Pembaharuan Lesen 2015 bermula pada September 2014.
- v. Meletakkan Notis Makluman/Peringatan Pembaharuan Lesen 2015 di semua pusat membeli-belah dalam kawasan Ampang
- vi. Meletakkan Notis Makluman/Peringatan Pembaharuan Lesen 2015 di semua Pejabat ADUN dan JKP dalam kawasan Ampang
- vii. Pembukaan Kaunter Luar di beberapa Kompleks Membeli Belah terpilih.
- viii. Notis Pemberitahuan/Makluman di Laman Web Majlis.
- ix. Paparan di papan elektronik Ampang Point
- x. Notis Makluman di Billboard dan Panel Bunting Majlis.
- xi. Hebahan di Media Masa.
- xii. Pemasangan banner di kawasan strategik Majlis.
- xiii. Notis Pemberitahuan di akhbar pelbagai bahasa (4 bahasa).

- xiv. Melipatgandakan rondaan dan pengedaran `flyers' dalam 2 bahasa (Bahasa Malaysia/Inggeris) kepada setiap premis dalam kompleks dan persekitaran Kompleks (semasa pembukaan Kaunter Luar).
 - xv. Menggunakan khidmat Pengurusan Kompleks untuk membuat pengumuman kepada para penyewa premis di dalam Kompleks bagi membantu mempromosi pembukaan Kaunter Luar Majlis.
 - xvi. Memberi sijil penghargaan kepada pemilik perniagaan yang membaharui lesen terawal.
 - xvii. Memberi sijil penghargaan kepada Kompleks Membeli Belah yang memperolehi hasil kutipan tertinggi dalam aktiviti pembaharuan lesen di tempat mereka.
 - xviii. Pembaharuan lesen secara `online' melalui MyGovExchange @www.mpaj.gov.my
- 2.1.11. Bermula pada **2 Januari 2015**, pihak Jabatan mencadangkan untuk **mengkompaun setiap aktiviti dan papan iklan yang dinyatakan dalam bil lesen bagi yang memperbaharui lesen perniagaan selepas 31 Disember 2014.**

2.1.12. Perlaksanaan ini dicadangkan memandangkan konsep 'kompaun di kaunter' telah dijalankan selama 3 tahun tetapi sikap pengusaha / peniaga didapati masih suka melengah-lengahkan proses pembaharuan lesen dengan pelbagai alasan yang tidak munasabah. Tindakan penguatkuasaan yang lebih 'deterrent' ini akan membuka lebih kesedaran kepada para peniaga untuk membaharui lesen dalam tempoh yang ditetapkan.

2.1.13. Pihak Jabatan akan mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan kepada premis yang gagal memperbaharui lesen sebelum 31 Disember 2014 serta mengenakan kompaun kepada pemegang lesen yang gagal membaharui lesen sebelum 31 Disember tahun semasa bermula **2 Januari 2015**.

2.1.14. Mesyuarat mengambil maklum kertas makluman pembaharuan lesen bagi tahun 2015 dan mengambil kira perkara-perkara berikut:

- a) Strategi Pembaharuan Lesen 2015
 - i. Mempergiatkan promosi
 - ii. Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan bermula 2 Januari 2015 dengan pindaan di mana tindakan mengkompaun dikekalkan dan diteruskan seperti tahun-tahun sebelumnya iaitu **1 kompaun bagi 1 aktiviti utama sahaja**.

- b) Pelaksanaan cagaran diteruskan bagi tahun 2015 dengan pindaan kadar cagaran kepada 1 : 1 bagi semua aktiviti di bawah UUK Tred, Perniagaan & Perindustrian dan UUK Establisymen makanan sahaja.

2.2 PERMOHONAN PERMIT SEMENTARA JUALAN DARI BONET KERETA (CAR BOOT SALE) DARI EN. MOHD FIRDAUS SHAH BIN MATAP DAN SYARIKAT INZ XPERT RESOURCES MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.2.1 Mesyuarat dikemukakan dengan permohonan permit sementara jualan dari bonet kereta (car boot sale) dari En. Mohd Firdaus Shah bin Matap dan Syarikat Inz Xpert Resources Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.2.2 Permohonan ini telah mendapat sokongan dari jabatan – jabatan teknikal terlibat, **tiada halangan** untuk menyokong permohonan permit sementara jualan dari bonet kereta dari En. Mohd Firdaus bin Matap dan Syarikat INZ Xpert Resources.

2.2.3 Memandangkan tiada penggunaan khemah dibenarkan untuk aktiviti ini disyorkan pihak syarikat dikenakan bayaran RM 50.00 setiap kenderaan menyamai dengan bayaran bagi permit khemah.

2.2.4 Mesyuarat bersetuju dan memutuskan bagi permohonan permit sementara jualan dari bonet kereta (car boot sale) dari En. Mohd Firdaus Shah bin

Matap dan Syarikat Inz Xpert Resources Majlis Perbandaran Ampang Jaya adalah seperti berikut:

a) En. Mohd Firdaus bin Matap – **Lulus dengan syarat:**

- i. Kemukakan SSM
- ii. Kemukakan kiraan jumlah parking untuk pengunjung dan peniaga
- iii. Menekankan elemen kawalan trafik dan jumlah peserta
- iv. Tidak dibenarkan jualan makanan basah
- v. Tidak dibenarkan menyediakan meja dan khemah untuk aktiviti perniagaan
- vi. Menyelenggara kebersihan sepanjang masa
- vii. Mematuhi syarat-syarat lain

b) Syarikat INZ Xpert Resources – **Tolak atas alasan:**

- i. Masalah lalu lintas berhampiran jalan utama
- ii. Kekurangan Tempat Letak Kereta
- iii. Lokasi tidak sesuai

2.3 LAPORAN MESYUARAT TASK FORCE 'BUILT, OPERATE & TRANSFER' (B.O.T) DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

2.3.1 Mesyuarat dikemukakan dengan Laporan Mesyuarat Task Force 'Built, Operate & Transfer' (B.O.T) di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.3.2 Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan & Pembangunan Usahawan Bil 6/2014 bertarikh 14 Julai 2014 telah memutuskan isu pengambilalihan gerai BOT dibincangkan dalam Mesyuarat Task Force BOT .

2.3.3 Jawatankuasa Task Force BOT telah dibentuk dan senarai nama Ahli Mesyuarat Task Force adalah seperti di bawah:

- 1) Puan Wan Hasrina binti Wan Hassan - Pengerusi
- 2) Tn Dr Lai Fatt Fian
- 3) Tn Mohamad Bin Samat
- 4) Tn Ahmad Fauzi bin Kamis
- 5) Tn Hj Meor Rithuan bin Mohamed Said
- 6) Tn Hj Ramli bin Md Said
- 7) Tn Lim Fong Len
- 8) Tn Ho Ah Ngoh
- 9) Tn Ahmad Sabri bin Abu Bakar

2.3.4 Objektif Mesyuarat Task Force B.O.T ini ditubuhkan adalah seperti berikut:

- iii. Mengambil alih pengurusan gerai BOT daripada pihak pemaju
- iv. Mengesyorkan Majlis menguruskan sendiri gerai BOT
- v. Meningkatkan pendapatan Majlis
- vi. Menyediakan lebih peluang tempat berniaga kepada penjaja

2.3.5 Berikut beberapa isu yang telah dibincangkan dalam mesyuarat tersebut :

i. Bancian penjaja

Bancian semua penjaja di setiap gerai BOT perlu dilaksanakan. Ahli Majlis juga ingin turut serta semasa kerja-kerja bancian dibuat.

ii. Penyata kewangan pemaju

Semua pemaju dikehendaki mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh 14 hari.

iii. Pemeriksaan bangunan/struktur gerai

Jabatan Bangunan & Senibina dikehendaki memeriksa struktur bangunan gerai bagi memastikan berada di dalam keadaan baik dan selamat.

iv. Status tanah

Jabatan Perancang Bandar perlu semak semula status tanah dan cadangan tukar syarat tanah supaya tidak perlu memohon tol. Ia berikutan

sebahagian status tanah BOT tidak mendapat kelulusan Semula Menduduki Sementara (LMS).

Status tanah terkini beberapa gerai BOT yang dimaklumkan oleh Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta adalah seperti di bawah:

- a) Lembah Maju – rezab gerai
- b) Taman Cahaya – rezab gerai /kawasan lapang
- c) Taman Putra Sulaiman- rezab gerai
- d) Pandan Perdana – rezab gerai
- e) Ukay Perdana – rezab gerai

v. Kajian perundangan

Nasihat dan pandangan undang-undang diperlukan berhubung pengambilalihan BOT dari segi surat tawaran, konsesi dan yang berkaitan yang disyaratkan kepada semua pemaju.

vi. Tempoh pengambilalihan BOT

Jawatankuasa Taskforce memberi tempoh 3 bulan bagi proses pengambilalihan BOT .

2.3.6 Mesyuarat menerima dan mengambil maklum berkenaan Laporan Mesyuarat Task Force 'Built, Operate & Transfer' (B.O.T) di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

2.3.7 Mesyuarat juga memohon pihak jabatan untuk menyemak berkenaan isu pengusaha B.O.T di Pandan

Perdana dan B.O.T di Jalan Bunga Tanjung 8 Taman Muda.

3. MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SEPERTI BERIKUT :

3.1. KERTAS MAKLUMAN PERLAKSANAAN PENYEWAAN TIANG-TIANG LAMPU DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS BAGI PEMASANGAN 'BUNTING-PANEL'

Mesyuarat memutuskan bagi pelaksanaan penyewaan tiang-tiang lampu dalam kawasan pentadbiran majlis bagi pemasangan 'bunting-panel' adalah dikekalkan perlaksanaannya seperti yang diputuskan dalam mesyuarat yang lepas. Sekiranya ada mana-mana syarikat yang berminat boleh kemukakan proposal dan proses seperti biasa. Mana-mana syarikat percetakkan yang ingin menjadi panel kepada keempat-empat syarikat yang dilantik oleh MPAJ boleh kemukakan proposal kepada MPAJ.

Makluman

3.2. TEMPAT STRATEGIK UNTUK PENIAGA GERAJ

Mesyuarat dimaklumkan tapak cadangan untuk dijadikan tapak berniaga di Ampang Campuran di simpang empat menuju Ampang Avenue adalah dalam proses pewartaan Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat untuk menukarkan status tanah tersebut kepada tanah perniagaan.

Tindakan:

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.3. PENIAGA HARAM DI FLAT AR RIDHUAN

Berhubung isu penyambungan haram di bahagian hadapan oleh 12 premis di Flat Ar Ridhuan, pihak JMB tidak menyokong bagi pembinaan sambungan tersebut. Walau bagaimanapun pihak JMB menghadapi kesukaran untuk mengambil tindakan ke atas premis-premis tersebut. Jabatan Penguatkuasa telah mengambil tindakan ke atas 2 buah kedai pada 22 Ogos 2014 atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen. Mesyuarat penyelarasan semula akan dilaksanakan pada 28 Ogos 2014.

**Tindakan:
Jabatan Penguatkuasa**

3.4. GERAJ HARAM DI AU3/1 TAMAN KERAMAT

Jabatan juga telah menawarkan penempatan lain bagi Restoren Aladdin di AU3/1 Taman Keramat namun pihak restoren belum memberikan sebarang maklumbalas. Restoren Aladdin telah membuat rayuan dan pemilik restoren memaklumkan telah mendapat sokongan daripada pihak JMB, pihak surau dan penduduk untuk terus berniaga di lokasi tersebut.

Memandangkan status tanah adalah di dalam kawasan majlis, Majlis memutuskan tindakan penguatkuasaan diteruskan.

**Tindakan:
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

3.5. BESI BURUK DIBUANG DI KAWASAN TANAH LAPANG

Pihak jabatan telah mengeluarkan kompaun kepada 2 buah bengkel yang membuang besi-besi buruk di kawasan tanah lapang di Pandan Mewah iaitu:

- i. Titan Platform Sdn.Bhd. beralamat di No. 47 Jalan Mewah Pandan Mewah Industri, Ampang.
- ii. Yap See Iron Works, 52 , Jalan Mewah 3/5 Pandan Mewah, Ampang Selangor.

Pihak Jabatan juga telah mengeluarkan 28 tawaran kompaun di bawah Seksyen 46(1)(d), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)(halangan di tempat awam) dan 43 notis di bawah Seksyen 46(1)(a) Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 (Akta 133) ke atas pemilik yang membuat sambungan di atas lorong belakang. Pemilik dikehendaki meruntuhkan semua sambungan dalam tempoh 7 hari.

Pada 25 Ogos 2014, Jabatan Penguatkuasa telah mengeluarkan 35 tawaran kompaun kepada pemilik premis yang telah meletakkan halangan di atas lorong belakang premis.

**Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa**

3.6. SEMAKAN TAPAK LAPANG DIJADIKAN TAPAK SEMAIAN

Tapak lapang di simpang Jalan Putra Sulaiman 4, Taman Ampang Hilir yang dijadikan tapak semaian oleh Syarikat Pandan Puri Corporation (M) Sdn. Bhd. merupakan rezab

kawasan lapang yang telah diwartakan pada 10 Jun 2010 dengan no warta 1770. Mesyuarat Penyelarasan dan Pengosongan Tanah Kerajaan Seksyen 425 (1) Kanun Tanah Negara diadakan pada 18 Ogos 2014. Mesyuarat memohon pihak PTD Hulu Langat menyemak sama ada kebenaran TOL masih lagi diberi ke atas tanah tersebut atau sebaliknya. Jabatan juga diminta untuk menyemak isu tapak semaian yang beroperasi di atas tanah tersebut.

**Tindakan :
Jabatan Perancang Bandar
PTD Hulu Langat**

3.7 MAKLUMAT PUSAT-PUSAT PERJUDIAN HARAM

Berhubung dengan kegiatan pusat perjudian haram, bagi tahun 2014 pihak Jabatan Penguatkuasa dan Jabatan Pelesenan telah menjalankan tindakan seperti berikut:-

- i. 122 kompaun
- ii. 31 Sitaan

Pihak PEMANDU JPM, telah mengadakan satu bengkel bagi mengatasi isu dan halangan oleh PDRM dalam menyelesaikan isu perjudian haram. Dalam bengkel tersebut telah disyorkan supaya PEMANDU mewujudkan satu task force yang terdiri daripada wakil PDRM, PBT, KPDKK, SKMM dan Jabatan Agama Islam.

Daripada rekod Jabatan Penguatkuasa, sebanyak 127 premis pusat siber/kafe siber yang tidak berlesen termasuk bilangan 97 premis yang ditangguhkan permohonan mereka. Premis-premis ini disyaki menjalankan perjudian

secara online. Pihak Jabatan telah mengemukakan butir-butir dan maklumat kepada pihak polis untuk tindakan. Sehingga kini, pihak polis telah membuat 59 serbuan di premis pusat siber di kawasan MPAJ.

Premis Advance Logistic Company Sales & Service telah membuat permohonan Lesen pusat siber baru tetapi ditangguh oleh MPAJ untuk penyelarasan/ penyusunan semula pusat siber.

Makluman

3.8 PERTAMBAHAN PENJAJA DI KIOSK MPAJ JALAN CEMPAKA 8

Pihak Jabatan telah mengambil tindakan penguatkuasaan iaitu sitaan pada 30 Mei 2014 dan 4 Julai 2014. No inventori : 15493 dan 15494 terhadap penjaja haram yang berniaga selain di kiosk MPAJ di Jalan Cempaka 8 Taman Cempaka. Walau bagaimanapun penjaja sentiasa tidak mematuhi arahan dan berniaga tanpa lesen.

Dalam masa yang sama jabatan mencadangkan untuk membina kiosk di antara kiosk sedia ada bagi mengelak penjaja tanpa lesen.

Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan

3.9. SEMAKAN STATUS LESEN RESTORAN FATIMAH GHOUS

Pihak Restoren Fatimah Ghous di Ampang Mewah yang meletakkan kerusi dan meja di atas jalan sehingga menyebabkan halangan telah membuat permohonan

permit kerusi meja pada 14 Ogos 2014. Kompaun atas kesalahan halangan telah dikeluarkan pada 12 Ogos 2014.

Makluman

3.10. PENIAGA HARAM DI SEKITAR AMPANG POINT

Pihak jabatan telah membuat semakan dan mengambil tindakan penguatkuasaan pada 24 Ogos 2014 terhadap peniaga haram di sekitar Ampang Point yang merupakan pendatang asing. Walau bagaimanapun, penjaja tersebut sentiasa ada dan tidak mematuhi peraturan dan menjaja tanpa lesen.

Makluman

3.11. PENUBUHAN KELAB UNITY DI TAMAN CHERAS INDAH

Perjumpaan bersama wakil pengusaha telah diadakan pada 20 Ogos 2014 berkenaan kewujudan Kelab Unity di Taman Cheras Indah yang tidak disenangi oleh penduduk setempat.

Makluman

3.12. GERAI HARAM

Pihak jabatan telah membuat semakan dan mengambil tindakan penguatkuasaan pada 24 Ogos 2014 terhadap gerai haram di Sub Station di Bukit Permai.

Makluman

3.13. SEMAK STATUS PERNIAGAAN BERHAMPIRAN HOME INN

Pemantauan pada 18 Ogos 2014 mendapati premis tersebut tidak mempunyai lesen MPAJ dan kompaun UUK telah

dikeluarkan. No kompaun 2004060831. Tindakan penguatkuasaan ke atas pusat siber tanpa lesen dijalankan secara berterusan.

Makluman

4.0 HAL-HAL LAIN

4.1 TEBING LONGKANG RUNTUH

Aduan berkenaan tebing longkang runtuh berhadapan rumah no. 35 Jalan 5/2, Taman Seri Raya. Mohon ambil tindakan segera kerana dikhuatiri apabila hujan lebat akan memburukkan lagi keadaan disebabkan laluan air tersekat.

**Tindakan :
Jabatan Kejuruteraan**

(Minit Mesyuarat akan dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil 7/2014)

4.2 KEDAI DAN RESTOREN HARAM DI PANDAN MEWAH

Terdapat banyak kedai terutama restoran yang beroperasi dan dijalankan oleh pendatang asing di sekitar Pandan Mewah Ampang. Beliau berharap semakan lesen-lesen premis perniagaan dijalankan dan sama ada restoran-restoran tersebut mematuhi arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh majlis.

**Tindakan :
Jabatan Pelesenan
Jabatan Penguatkuasa**

4.3 PERMOHONAN SEMAKAN TAPAK PERNIAGAAN

Beliau memohon supaya semakan dibuat terhadap tapak-tapak perniagaan yang berada di Jalan Youth simpang ke Jalan Merdeka, Kg Baru Ampang.

**Tindakan :
Jabatan Pelesenan**

4.4 KERTAS CADANGAN PERMOHONAN BILLBOARD DI DALAM KAWASAN PERUMAHAN

Beliau memaklumkan terdapat permohonan dari pihak Spektrum Outdoor Marketing Sdn.Bhd. untuk mendirikan papan iklan di Jalan Kanan I, Kg Pandan namun permohonan tersebut ditolak disebabkan tapak permohonan merupakan kawasan kediaman. Sehubungan itu beliau memohon jabatan untuk menyediakan satu kertas kerja untuk dibentangkan dalam mesyuarat berhubung isu ini.

**Tindakan :
Jabatan Pelesenan**

4.5 LESEN GERAI BERMUSIM

Terdapat banyak gerai buah-buahan bermusim terutama di hadapan Restoran Deen Taman Melawati. Mohon semakan dan tindakan sekiranya peniaga tidak mematuhi arahan.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

4.6 HALANGAN DI JALAN KENCANA 20 TAMAN KENCANA

Terdapat kerja-kerja korekan pasir yang dilakukan oleh pihak tertentu di lorong belakang Jalan Kencana 20 Taman Kencana. Pihak tersebut juga telah menghalang pengguna lalu lintas yang lain untuk menggunakan lorong tersebut. Selain itu kerja-kerja mengeluarkan pasir dari lokasi tersebut juga sering dilakukan pada hujung minggu. Mohon semak dan tindakan sewajarnya.

**Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa**

(Minit Mesyuarat akan dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil 7/2014)

4.7 SAMPAH TIDAK DIANGKAT

Terdapat sampah yang tidak diangkat di sekitar Pandan Bistari, Mutiara Court Bukit Permai dan Taman Bukit Pandan yang telah memburukkan keadaan. Pemantauan juga kurang dilaksanakan di kawasan tersebut. Mohon tindakan segera diambil.

**Tindakan :
Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Kesihatan**

(Minit Mesyuarat akan dipindahkan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Kemasyarakatan Bil 7/2014)

4.8 ISU MELETAKKAN MEJA DAN KERUSI RESTAURAN THOULAT MAJU TAMAN BUKIT SEGAR

Pihak jabatan diminta menjalankan kajian terhadap jalan yang jarang digunakan berhampiran Restoran Thoulat Maju Taman Bukit Segar (lokasi jalan adalah sebelah longkang restoran Thoulat Maju) untuk dijadikan tempat bagi kegunaan restoran tersebut meletakkan kerusi dan meja untuk pengunjung ke Restoran Thoulat Maju dan restoran lain yang berhampiran. Hal ini memandangkan restoran tersebut meletakkan kerusi dan meja di atas tempat letak kenderaan dan kedudukan tersebut amat berbahaya kepada pengunjung restoran.

**Tindakan :
Jabatan Pelesenan**

4.9. PEMBATALAN TAWARAN TERBUKA PENYEWAAN 13 TAPAK BILLBOARD DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS OLEH TETUAN SERI MEDIA OUTDOOR S/B

Tuan Pengerusi memohon persetujuan mesyuarat supaya tawaran 13 tapak Billboard yang diberikan kepada Pengusaha Billboard Tetuan Seri Media Outdoor S/B yang diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan Bil. 12/2013 bertarikh 18 Disember 2013 dan disahkan di Mesyuarat Penuh Majlis Bil. 12/2013 bertarikh 24 Disember 2013 dalam kawasan pentadbiran Majlis dibatalkan dan dibincangkan semula sehingga

keputusan ke atas isu Laguna De Bay dan MPSJ selesai dan mesyuarat bersetuju.

Tindakan:

Jabatan Pelesenan

5.0 PENUTUP

Mesyuarat Penuh Majlis adalah diminta untuk menimbangkan dan mengesahkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Pembangunan Usahawan.

Disediakan Oleh:
Bahagian Urusefia
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
26 Ogos 2014

5.6.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PUSAT SETEMPAT (OSC) BIL.13/2014

MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BIL. 13/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Tarikh : 08 OGOS 2014 (Jumaat)
Masa : 9.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat 1
Aras 16, MPAJ

KEHADIRAN

1. Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain - Pengerusi
Pemangku Yang DiPertua MPAJ
2. Tn. Johari B. Atli
Pemangku Setiausaha MPAJ
3. Tn. Haji Meor Rithuan B. Mahamed Said
Ahli Majlis
4. Tn. Ahmad Fauzi B. Mohd Kamis
Ahli Majlis
5. Tn. Lim Fong Len
Ahli Majlis
6. Tn. Supiramany A/L Sinnapayal P.P.N
Ahli Majlis
7. En Mohd Zuwahir B. Wandu
Pej. Tanah & Daerah Gombak
8. En. Ahmad B. Muhammad Yusoff
Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
9. En. Muhammad Ezwan B. Dahlan
Jabatan Mineral & Geosains Selangor

10. Pn. Nurul Huda Bt. Md Shainisi
Jabatan Kerja Raya Gombak
11. En.Nik Mohd Dzarrin Ghifari
Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Selangor
12. Insp. Hafiza Bt. M. Mohaidin
PDRM (Daerah Ampang)
13. Pn. Hazian Bt. Yaakob
Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
14. En. Mohd Zahid B. Abd Aziz
SYABAS
15. Tn. Haji Rahim B. Ab. Rahman
POS Malaysia Berhad
16. Pn. Asiah Bt. Borhan
SKMM Wilayah Tengah
17. Pn. Zuraina Bt. Said
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
18. En. Hasrolnizam B. Shaari
JabatanKejuruteraan, MPAJ
19. En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusuf
Jabatan Bangunan & Senibina, MPAJ
20. Pn. Siti Aishah Bt. Salim
Jabatan Undang-Undang, MPAJ
21. En. Khairulazmi B. Abd Rahman
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MPAJ
21. Pn. Siti Raudah Bt. Idris
Jabatan Perkhidmatan Bandar, MPAJ
22. Pn. Hajjah Norhayati Bt. Ahmad
Pegawai Perhubungan Awam, MPAJ

TURUT HADIR

1. Pn. Rohana Bt. Mohd Nor
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
2. En. Kamarulnizam B. A. Ghani
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
3. En. Mohd Azli B. Othman
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
4. En. Othman B. Idris
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
5. Pn. Norizam Bt. Ibrahim
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
6. En. Mohd Khairudin Muhamed
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
7. Pn. Zailani Bt. Rejab
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
8. En. M. Khairul Nizam B. M. Kamil
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
9. En. Mohd Hisham Shazri B. Mohd Siri
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
10. Pn. Salehah Bt. Ismail
Jabatan Bangunan & Senibina
11. En. Ramdan B. Husin
Jabatan Bangunan & Senibina

TIDAK HADIR

1. Jabatan Perancang Bandar & Desa, Negeri Selangor
2. Kumpulan IKRAM Sdn Bhd
3. Jabatan Kerja Raya Hulu Langat
4. Jabatan Pengairan & Saliran Hulu Langat
5. Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Selangor
6. Jabatan Pengairan & Saliran Gombak
7. Indah Water Konsortium (IWK)
8. TNB Distribution Sdn. Bhd.
9. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

URUS SETIA

1. Pn. Lily Hamaddah Bt. Ramle
Ketua Bahagian OSC
2. Pn. Rahah Bt. Jalaludin
Pen. Pegawai Senibina
Bahagian OSC
3. Pn. Rozita Bt. Razali
Pen. Jurutera
Bahagian OSC
4. Pn. Intan Azuana Bt. Haris
Pen. Pegawai Perancang Bandar
Bahagian OSC

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.07/2014**

LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 13/2014 telah diadakan pada 8 Ogos 2014 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2.1.1 Satu (1) Permohonan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah tangguhkan.

2.1.2 Satu (1) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah ditolak.

2.1.3 Satu (1) Permohonan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Infrastruktur pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah ditolak.

2.1.4 Satu (1) Permohonan Pelan Kerja Tanah pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah ditangguhkan.

2.1.5 Dua (2) Permohonan Pelan Infrastruktur Jalan dan Perparitan pernah ditangguhkan dibincangkan semula. Satu (1) permohonan diluluskan dan satu (1) permohonan ditangguhkan.

2.2 PERMOHONAN SERENTAK

2.2.1 Satu (1) permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan bagi En. Low Cheng Oo telah dikemukakan dan telah ditangguhkan.

2.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

Dua (2) permohonan Kebenaran Merancang telah dikemukakan dan ditangguhkan.

2.4 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)

Tiga (3) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar Guna) telah dikemukakan. Dua (2) permohonan telah diluluskan dengan syarat dan satu (1) permohonan telah ditangguhkan.

2.5 PELAN KEJURUTERAAN

Dua (2) permohonan Pelan Kejuruteraan telah dikemukakan dan ditangguhkan.

2.6 PERMOHONAN PELAN INFRASTRUKTUR

Satu (1) permohonan Pelan Infrastruktur telah dikemukakan dan ditangguhkan.

2.7 PERMOHONAN BANGUNAN (STRUKTUR TELEKOMUNIKASI)

Satu (1) permohonan Pelan Bangunan (struktur telekomunikasi) telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat.

2.8 HAL-HAL LAIN

2.8.1 Sebanyak 68 Permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 39 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalamam telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 13/2014.

2.8.2 Sebanyak satu (1) Makluman Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah dan Infrastruktur telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 13/2014.

2.8.3 Sebanyak satu (1) Makluman Permohonan Pelan Lampu Jalan telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 13/2014.

3.0 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua Ahli Jawatankuasa dan berharap keputusan yang telah dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa ini adalah yang terbaik untuk semua pihak. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 10.45 pagi.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Pusat Khidmat Setempat Pembangunan (OSC)
Majlis Perbandaran Ampang Jaya*

5.7.
LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PUSAT SETEMPAT (OSC) BIL.14/2014

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BIL. 14/2014
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

Tarikh : 25 Ogos 2014 (Isnin)
Masa : 2.30 Petang
Tempat : Bilik Mesyuarat 1
Aras 16, MPAJ

KEHADIRAN

1. Tn. Hj. Abd. Hamid B. Hussain - Pengerusi
Pemangku Yang DiPertua MPAJ
2. Tn. Haji Meor Rithuan B. Mahamed Said
Ahli Majlis
3. Tn. Ahmad Fauzi B. Mohd Kamis
Ahli Majlis
4. Tn. Lim Fong Len
Ahli Majlis
5. Tn. Supiramany A/L Sinnapayal P.P.N
Ahli Majlis
6. En. Mohd Zuwahir B. Wandu
Pej. Tanah & Daerah Gombak
7. En. Ahmad B. Muhamad Yusoff
Pej. Tanah & Daerah Hulu Langat
8. En. Yahaya B. Tohid
Jabatan Perancang Bandar & Desa, Negeri Selangor
9. En. Muhammad Ezwan B. Dahlan
Jabatan Mineral & Geosains Selangor

10. En. Zulkifli B. Man
Kumpulan IKRAM Sdn Bhd
11. En. Mohamad Zainal B. Saman
Jabatan Kerja Raya Gombak
12. En. Nik Mohd Dzarrin Ghifari
Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Selangor
13. INSP Hafiza Bt. M. Mohaidin
PDRM (Daerah Ampang)
14. En. Mohd Hanif B. Mohd Rubai
Jabatan Pengairan & Saliran Gombak
15. En. Azhar B. Ramli
Jabatan Pengairan & Saliran Hulu Langat
16. Pn. Nor Liza Bt. Yen
Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor
17. Cik Noor Syazwani Bt. Noor Sazali
Indah Water Konsortium (IWK)
18. Tn. Haji Rahim B. Ab. Rahman
POS Malaysia Berhad
19. Pn. Asiah Bt. Borhan
SKMM Wilayah Tengah
20. Pn. Zuraina Bt. Said
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
21. En. Hasrolnizam B. Shaari
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
22. En. Ahmad Alhairi B. Mohamed Yusuf
Jabatan Bangunan & Senibina, MPAJ

23. Pn. Siti Aishah Bt. Salim
Jabatan Undang-Undang, MPAJ
24. En. Khairulazmi B. Abd Rahman
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MPAJ
25. En. Nur Izwan Hanafi B. Zaini
Wakil Jabatan Penguatkuasa, MPAJ
26. Pn. Siti Raudah Bt. Idris
Jabatan Perkhidmatan Bandar, MPAJ

TURUT HADIR

1. En. Mohd Azli B. Othman
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
2. En. Ahmad Zamri B. Ngadisari
Jabatan Perancang Bandar, MPAJ
3. En. Zafrul Fazry B. Mohd Fauzi
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
4. En. Othman B. Idris
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
5. En. Mohd Khairudin B. Muhamed
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
6. En. Mohd Fadzil B. Mohd Ishak
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
7. Pn. Norizam Bt. Ibrahim
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
8. Pn. Safirah Bt. Saad
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
9. Pn. Zailani Bt. Rejab
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ

10. En. M. Khairul Nizam B. M. Kamil
Jabatan Kejuruteraan, MPAJ
11. En. Mohd Hirazat B. Abdul Wahid
Jabatan Bangunan & Senibina

TIDAK HADIR

1. Tn. Johari B. Atli, Pemangku Setiausaha MPAJ
2. Jabatan Kerja Raya Hulu Langat
3. Jabatan Pengairan & Saliran Negeri Selangor
4. SYABAS
5. TNB Distribution Sdn. Bhd.
6. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

URUS SETIA

1. Pn. Lily Hamaddah Bt. Ramle
Ketua Bahagian OSC
2. Pn. Rahah Bt. Jalaludin
Pen. Pegawai Senibina
Bahagian OSC
3. En. Muhammad Hanafi B. Othman
Pen. Jurutera
Bahagian OSC
4. En. Mohd Hafiz B. Abd. Halim
Pen. Pegawai Perancang Bandar
Bahagian OSC

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
MESYUARAT PENUH MAJLIS MPAJ BIL.07/2014**

LAPORAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pemakluman di Mesyuarat Penuh Majlis mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

2. LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 14/2014 telah diadakan pada 25 Ogos 2014 dan telah membincangkan serta memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

2.1 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

2.1.1 Satu (1) Permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah ditangguhkan.

2.1.2 Dua (2) Permohonan Kebenaran Merancang yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan ditangguhkan.

2.1.3 Satu (1) Permohonan Kebenaran Merancang (Tukar guna) yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan ditangguhkan.

2.1.4 Dua (2) Permohonan Pelan Kerja Tanah Dan Infrastruktur yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan satu (1) diluluskan dengan syarat dan satu (1) ditangguhkan.

2.1.5 Dua (2) Permohonan Pelan Kerja Tanah yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan satu (1) diluluskan dan satu (1) ditangguhkan.

2.1.6 Satu (1) Permohonan Pelan Infrastruktur yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan telah ditangguhkan.

2.1.7 Satu (1) Permohonan Pelan Bangunan yang pernah ditangguhkan dibincangkan semula dan di luluskan dengan syarat.

2.2 PERMOHONAN SERENTAK

2.2.1 Satu (1) permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan bagi Tetuan P.O.M Sdn. Bhd. (PT 5098) telah dikemukakan. Bagi permohonan Pelan Kejuruteraan telah ditangguhkan manakala permohonan Pelan Bangunan telah ditolak.

2.2.2 Satu (1) permohonan Serentak Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan bagi Tetuan P.O.M Sdn. Bhd. (PT 5099) telah dikemukakan. Bagi permohonan Pelan Kejuruteraan telah ditangguhkan manakala permohonan Pelan Bangunan telah ditolak.

2.3 PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (TUKAR GUNA)

Satu (1) permohonan Kebenaran Merancang (Tukar Guna) telah dikemukakan dan telah diluluskan dengan syarat.

2.4 PERMOHONAN PELAN INFRASTRUKTUR

Satu (1) permohonan Pelan Infrastruktur telah dikemukakan dan diluluskan.

2.5 PERMOHONAN PELAN KEJURUTERAAN (PELBAGAI)

Empat (4) permohonan Pelan Kejuruteraan (pelbagai) telah dikemukakan dan diluluskan.

2.8 PERMOHONAN BANGUNAN

Satu (1) permohonan Pelan Bangunan telah dikemukakan dan diluluskan dengan syarat.

2.9 PERMOHONAN BANGUNAN (STRUKTUR TELEKOMUNIKASI)

Dua (2) permohonan Pelan Bangunan (struktur telekomunikasi) telah dikemukakan. Satu (1) permohonan telah diluluskan dan satu (1) permohonan diluluskan dengan syarat.

2.10 HAL-HAL LAIN

2.10.1 Sebanyak 10 Permohonan Tambahan dan Pindaan (Ubahsuai) dan 12 permohonan Permit Pelbagai dan Permit Ubahsuai Dalaman telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 14/2014.

2.10.2 Sebanyak satu (1) Makluman Permohonan Pengecualian Pelan Kerja Tanah dan Infrastruktur telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 14/2014.

2.10.3 Sebanyak satu (1) Makluman Permohonan Pelan Lampu Jalan telah diproses dan diluluskan. Perkara tersebut telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 14/2014.

3.0 PENUTUP

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua Ahli Jawatankuasa dan berharap keputusan yang telah dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa ini adalah yang terbaik untuk semua pihak. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.55 petang.

*Disediakan Oleh:
Bahagian Urusetia
Pusat Khidmat Setempat Pembangunan (OSC)
Majlis Perbandaran Ampang Jaya*